


Jilid I
Bil. 50



Hari Jumaat
18hb Julai, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5753]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 5775]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Binatang (Pindaan) [Ruangan 5776]

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 5800]

Rang Undang-undang Persatuan Palang Merah Malaysia (Pertukaran Nama) [Ruangan 5840]

Rang Undang-undang Pencen (Sarawak) (Pindaan) [Ruangan 5874]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 5830]

Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF) kepada Equiti [Ruangan 5878]

Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960:

Firearms (Increased Penalties) Act, 1971 [Ruangan 5880]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Jumaat, 18hb Julai, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabohan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).

- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

Yang Berhormat TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).

Yang Berhormat TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).

- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Panampang).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M. S.P.M.K., (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

FELDA—PERMOHONAN PEMBAHAGIAN TANAH

1. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan samada tindakan telah diambil berkaitan dengan permohonan pembahagian tanah dalam Rancangan FELDA yang diusahakan bersama apabila berlaku perceraian antara suami-isteri. Jika tidak, bila dan jika ya, bagaimanakah cara pembahagian itu.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960, tanah yang diuntukkan kepada seorang peneroka di dalam rancangan-rancangan FELDA tidak boleh dipecah milik.

Untuk membolehkan janda-janda peneroka mendapat sebahagian daripada hasil tanah tersebut FELDA telah mengadakan satu peraturan di mana janda-janda peneroka yang telah bersama-sama dengan suaminya memasuki rancangan dan menjayakan tanah tersebut sehingga tanaman getah mencapai taraf mengeluarkan hasil atau titik pulang modal dalam rancangan-rancangan sawit diberi 50% daripada pendapatan bersih yang diperolehi daripada tanah tersebut.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah peraturan-peraturan itu telah dijalankan ataupun belum?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, peraturan ini memang sudah berjalan selama ini.

SIJIL TARAF PERINTIS—KAJIAN

2. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) samada Kementerian beliau mengadakan kajian dari masa ke semasa di atas

sijil-sijil Taraf Perintis dan lesen perkilangan yang telah dikeluarkan untuk menentukan supaya syarikat-syarikat itu benar-benar mengeluarkan barang-barang yang dimaksudkan itu;

- (ii) samada beliau sedar bahawa setengah-setengah syarikat yang telah mendapat lesen 5, 6 tahun dahulu masih belum menjalankan pengeluarannya; dan
- (iii) bilangan pengilang-pengilang yang kelulusannya telah ditarik balik atas sebab-sebab tersebut.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa mengawasi pengeluaran kilang yang bertaraf perintis untuk memastikan yang syarikat-syarikat yang terlibat itu hanya mengeluarkan barang-barang yang telah diluluskan di dalam sijil perintis mereka. Ini adalah dilakukan dengan cara membuat lawatan ke kilang-kilang tersebut.
- (ii) memang ada syarikat-syarikat yang telah diberikan kelulusan semenjak 5 atau 6 tahun dahulu yang masih belum lagi memulakan pengeluarannya. Kebanyakan kelulusan terhadapnya sudah ditarik balik.
- (iii) sehingga hari ini terdapat sebanyak 261 buah syarikat yang telah ditarik balik kelulusannya oleh kerana projek yang diluluskan itu telah tidak dilaksanakan.

KWSP—PENGELUARAN CARUMAN

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan akan menimbang membenarkan pekerja-pekerja mengeluarkan satu pertiga sumbangan-sumbangan mereka dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja apabila mereka meningkat umur 45 tahun supaya membolehkan mereka membeli rumah.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telah menjawab soalan-soalan yang sama dengan soalan yang ditanya sekarang ini pada masa-masa yang lepas di dalam Dewan ini. Jawapan bagi soalan yang sama telah dibuat pada 14hb Julai, 1975. Saya tiada hendak menambah apa-apa lagi

kepada jawapan yang telah saya buat pada waktu itu kerana sehingga masa ini tidak ada tujuan hendak meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk membenarkan pengeluaran caruman dibuat terlebih awal dari yang telah ditetapkan.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu bersetuju bahawa pembelian rumah juga adalah satu cara social security dan withdrawal ini untuk membeli rumah akan juga menambahkan tujuan asas Undang-undang Social Security di negara kita?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham soalan itu. Tetapi samada dasar social security termasuk membeli rumah, ini adalah satu soal yang kita akan kaji.

KAPAL PERDAGANGAN

4. Datuk Albert Mah minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau akan menimbang mengemukakan undang-undang perkapalan yang bebas seperti yang dilakukan di Panama dan Liberia supaya menarik tuan-tuan punya kapal mendaftarkan kapal-kapal mereka di Malaysia dan dengan demikian melahirkan satu syurga cukai untuk perkapalan di rantau ini. Jika beliau boleh berbuat demikian, berjuta-juta ringgit yang mungkin mengalir ke negeri-negeri jiran akan disalurkan ke dalam Malaysia dan ini mungkin membuka jalan bagi pertukaran wang asing dan mengujudkan pekerjaan di negeri ini. Penyegerakan kestabilan politik di Timur Jauh telah menerbitkan minat di dalam syurga cukai di rantau ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, beberapa Rang Undang-undang perkapalan dagang akan dibawa ke Parlimen dan ini adalah bertujuan untuk menggalakkan tuanpunya-tuanpunya kapal mendaftarkan kapal-kapal mereka di Malaysia. Sungguhpun begitu beberapa peraturan akan dibuat bertujuan untuk menyesuaikannya dengan polisi perkapalan kita dan juga untuk kepentingan ekonomi negara.

SEKOLAH ENAM HARI SEMINGGU

5. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan

samada pengajaran selama 6 hari seminggu akan dikuatkuasakan semula di sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China di seluruh negara memandang hakikat bahawa murid-murid dari sekolah-sekolah tersebut terpaksa mempelajari 3 bahasa; jika tidak, mengapa.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah tidak. Perkara ini adalah terpulang kepada pihak Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) masing-masing untuk menentukan samada mereka hendak mengadakan pengajaran selama 5 atau 6 hari seminggu.

Apa yang penting dan diwajibkan oleh Peraturan-peraturan (Kursus-kursus Pengajian) Sekolah, 1956 (Schools (Courses of Studies) Regulations, 1956) ialah semua sekolah hendaklah mengadakan masa sekurang-kurangnya untuk ditumpukan kepada mengajar tiap-tiap satu mata-pelajaran-matapelajaran dalam satu minggu. Masa sekurang-kurangnya ini boleh disempurnakan dalam 5 atau 6 hari seminggu, mengikut kehendak-kehendak dan kemudahan-kemudahan sekolah berkenaan.

GURU-GURU KE UNIVERSITI— TAWARAN

6. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai guru-guru sains yang mempunyai kelayakan-kelayakan S.T.P./H.S.C. di sekolah-sekolah menengah telah kehilangan peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka di berbagai universiti di negara ini kerana mereka tidak mendapat sokongan daripada Pengetua/Pengarah Pelajaran di sekolah/negeri mereka walaupun tawaran telah dibuat oleh Kementerian ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar yang ini berlaku. Sebenarnya Kementerian Pelajaran tidak pernah menawarkan tempat kepada guru-guru untuk memasuki universiti-universiti tempatan. Tawaran bagi tempat-tempat itu adalah dibuat oleh pihak universiti sendiri. Oleh itu soal tidak mendapat sokongan daripada Pengetua/Pengarah Pelajaran di sekolah-negeri adalah tidak berbangkit.

UNDANG-UNDANG MENGHALANG PENJUALAN TANAH

7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (a) samada Kerajaan bercadang menghalang penjualan tanah ke tangan bangsa asing di Malaysia;
- (b) jika tidak, mengapa dan apakah faedahnya; dan
- (c) apakah pengawalan yang lebih berkesan yang telah dijalankan dan apakah hasilnya.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Undang-undang untuk menghalang penjualan dan pemberian milik tanah kepada orang-orang dan pertubuhan-pertubuhan yang dianggap bukan Warganegara Malaysia sedang digubalkan selaras dengan dasar pembangunan negara sekarang keseluruhannya.
- (b) Tidak berbangkit.
- (c) Sebagai suatu tindakan segera dan berkesan untuk mengawal merebaknya masalah ini, Kerajaan telah menubuhkan suatu Jawatankuasa Pelaburan Asing di Jabatan Perdana Menteri. Jawatankuasa ini telahpun bertindak dengan cergasnya untuk memerlukan pelabur-pelabur yang berkenaan mengambil tindakan bagi menyesuaikan cara-cara pelaburan mereka itu dengan dasar-dasar dan objektif-objektif yang terkandung dalam dasar ekonomi baru negara kita.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa setengah-setengah projek perumahan di setengah-setengah negeri banyak dijual kepada orang yang bukan warganegara. Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengambil tindakan atas hal ini?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita tidak ada mempunyai satu undang-undang untuk mencegah orang-orang asing membeli rumah di negara kita ini.

KAPALTERBANG BRITTEN NORMAN ISLANDER

8. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa kebanyakan daripada kapal-terbang-kapalterbang jenis Norman Islander yang digunakan bagi penerbangan dalam negeri di Sarawak adalah lama dan buruk.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun dua dari empat kapal-terbang-kapalterbang jenis Britten Norman Islander telah digunakan selama 6½ tahun dan satu lagi telah diguna selama 4½ tahun namun kapal-terbang-kapalterbang itu dijaga mengikut aturan-aturan tertentu dan hasilnya kapal-terbang-kapalterbang itu adalah di dalam keadaan baik dan boleh digunakan dengan sempurna.

PELADANG/PENJUAL SAYUR JOHOR

9. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai peladang-peladang dan penjual-penjual sayur di Negeri Johor sedang menghadapi kesukaran bagi mendapatkan lesen-lesen untuk mengeksport hasil tanaman mereka, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang beliau akan ambil untuk membetulkan keadaan ini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan Pejabat Cawangan Kementerian saya di Johor Bahru, semua permohonan diberi layanan serta-merta tanpa apa-apa sekatan pun. Jika Ahli Yang Berhormat ada mempunyai aduan yang tertentu, sila lapurkan ke Kementerian ini supaya siasatan dapat dibuat dengan seberapa segera yang boleh.

HOSPITAL BESAR IPOH—LAYANAN

10. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa pesakit-pesakit dan penduduk-penduduk di Ipoh bersungut dan tidak puas hati dengan Pentadbiran dan layanan di Hospital Besar, Ipoh di mana pemeriksaan yang dijalankan oleh doktor-doktor di Klinik untuk pesakit-pesakit luar tidak menjalankan tugasnya dengan lalin dan sempurna dan kelalaian mereka itu telah

menyebabkan seorang pesakit hilang nyawa bayinya yang masih dalam rahim baru-baru ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar berkenaan dengan tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi berkaitan dengan Hospital Besar, Ipoh. Jika Ahli Yang Berhormat itu dapat memberikan keterangan yang lebih jelas terhadap tuduhan-tuduhannya itu, saya akan menjalankan penyiasatan di atas perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, Out-Patient Department di Hospital Besar Ipoh sekarang, jikalau tidak silap saya, ada mempunyai enam hingga sepuluh orang doktor yang berkhidmat di sana, dan tiap-tiap seorang

pegawai daripada doktor dan kakitangan yang lain ada memakai satu nama tag semasa mereka bekerja dalam waktu bekerja. Jadi jikalau ada seseorang doktor atau pegawai yang lain yang tidak menjalankan tugasnya dengan sepenuhnya, maka pesakit-pesakit atau orang-orang lain boleh melapurkan nama itu kepada pegawai yang berkenaan untuk membuat satu siasatan, atau boleh diberitahu kepada saya. Nama tag ini telah dipakai oleh semua kakitangan daripada semua kategori mulai daripada atenden, gardener, derebar, dan sebagainya. Jadi, tujuannya ialah untuk membolehkan orang ramai khasnya pesakit-pesakit mengetahui nama pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja di hospital itu dan juga menggalakkan semua ahli-ahli pekerja hospital menjalankan tugas dengan sepenuhnya.

KERETA SEWA/TEKSI—PERMIT

11. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bilangan permit-permit kereta sewa/teksi yang telah dikeluarkan kepada bekas-bekas perajurit dan polis semenjak tahun 1970 hingga sekarang.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, bilangan permit-permit kereta sewa/teksi yang telah dikeluarkan kepada bekas-bekas Perajurit dan Polis semenjak tahun 1970 hingga sekarang adalah seperti berikut.

Tahun	Jumlah lesen yang dikeluarkan				Jumlah lesen yang dikeluarkan kepada bekas perajurit dan polis			
1970	...	...	...	693	...	Rekod ini tidak disimpan sehingga tahun 1972		
1971	...	...	...	486	...	...	—	
1972	...	...	...	96	...	57	...	59.3
1973	...	...	...	280	...	148	...	52.8
1974	...	...	...	1,052	...	525	...	49.9
1975 sehingga 31-5-75	...	...	...	460	...	304	...	66.1

BELIA JADI PENAGIH DADAH

12. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kebudayaan. Beliau dan Sukan menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai belia-belie kita menjadi penagih dadah, dan jika ya, apakah rancangan-rancangan jangka panjang yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk mencegah penagihan dadah di kalangan belia di negara ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Rais bin Yatim): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan, tegasnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memanglah sedar bahawa ramai para belia kita menjadi penagih dadah. Langkah-langkah untuk mencegah penagihan dadah ini adalah dijalankan oleh berbagai-bagai Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan samada secara berkoordinasi ataupun secara masing-masing. Kementerian ini adalah sentiasa menggalakkan dan membantu pertubuhan-pertubuhan belia menjalankan kempen-kempen, penerangan-penerangan dan kursus untuk mencegah penagihan dadah. Pegawai-pegawai Kementerian saya telah mula diberikan kursus-kursus yang khas berkenaan dengan masalah penagihan dadah ini, dengan tujuan supaya meninggikan kebolehan dan kecekapan mereka dalam usaha menentang penagihan dadah.

Berhubung dengan ini Biro Narkotik adalah memberi kerjasama yang penuh kepada Kementerian saya dalam mengadakan kursus-kursus anti-dadah yang teratur. Satu faktor yang dapat ditegaskan ialah bahawa kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan dadah tidak terdapat dari kalangan belia yang berpersatuan, ini adalah kerana kelab-kelab belia beroleh pengawasan yang meluas dari pegawai-pegawai Kementerian saya di peringkat negeri dan daerah. Dengan hal yang demikian, Kementerian saya adalah sentiasa menggalakkan para belia supaya berpersatuan agar pengawasan dapat dijalankan dengan lebih menyeluruh lagi.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapakah jumlah kursus yang telah dibuat oleh Kementerian yang berkenaan kepada belia-belie, terutama sekali dalam bandar dan luarbandar.

Tuan Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, Kementerian saya masih menjalankan satu kursus besar-besaran bagi pegawai-pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di Pusat Latihan Belia di Pertak. Kira-kira dua minggu dahulu telah diadakan pula satu kursus bagi pegawai-pegawai di peringkat daerah di Kementerian. Setakat ini bilangan kursus yang ada berhubung dengan pencegahan dadah tidak ada dalam simpanan saya, tetapi akan diberikan kepada Ahli Yang Berhormat sekiranya hal itu penting dan diperlukan oleh beliau.

BERAS UNTUK KEPERLUAN NEGARA

13. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luarbandar menyatakan samada menjadi matlamat Kerajaan untuk mengeluarkan beras yang cukup untuk keperluan negara, kalau ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai matlamat ini. Bilakah negara ini akan dapat mengeluarkan beras yang cukup untuk keperluan negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luarbandar (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, mengeluarkan beras yang cukup untuk keperluan negara adalah menjadi matlamat Kerajaan. Kerajaan mengadakan rancangan jangka pendek dan rancangan jangka panjang dalam usaha ke arah ini.

Rancangan jangka pendek bertujuan untuk menambahkan pengeluaran satu-satu ekar dalam kawasan-kawasan yang sedang ditanam padi. Di antara langkah-langkah ini ialah:

- (i) mengadakan kemudahan-kemudahan pengairan yang cukup melalui rancangan-rancangan besar dan kecil;

- (ii) memberi perkhidmatan perkembangan yang lebih menyeluruh dan mendalam;
- (iii) membekalkan benih-benih yang baik dan tinggi hasil pengeluarannya;
- (iv) menjalankan penyelidikan pertanian seperti kawalan-kawalan penyakit dan kegunaan baja yang lebih sesuai mengikut jenis-jenis tanah;
- (v) mengadakan kemudahan-kemudahan kredit kepada petani;
- (vi) memperbaiki teknik urusan dan kerja-kerja supaya mengurangkan kerosotan (wastage) yang disebabkan oleh teknik yang tidak sesuai;
- (vii) amnya, menyusun masyarakat petani dalam badan-badan yang tertentu sebagai langkah utama bagi mengujudkan masyarakat petani-petani moden yang akan bekerjasama rapat dengan Kerajaan dalam usaha meningkatkan pengeluaran padi negara, di samping meninggikan pendapatan mereka sendiri.

Rancangan jangka panjang pula bertujuan untuk membuka kawasan-kawasan padi yang baru, dan ini akan memakan masa yang lama sebelum sesuatu kawasan itu benar-benar boleh menjadi suatu kawasan tanaman padi yang stabil, setanding dengan kawasan-kawasan yang lama telah diusahakan. Dewasa ini kawasan-kawasan yang sesuai untuk tujuan tersebut ditaksirkan sebanyak 665,000 ekar di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Di dalam rancangan Malaysia Ketiga seluas kira-kira 70,000 ekar tanah baru akan dibuka untuk ditanam dengan padi.

Daripada perkiraan Kementerian ini adalah didapati taraf "self-sufficiency" tidak dapat dicapai dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Walau bagaimanapun, pengeluaran padi dan beras negara kita akan bertambah dengan lebih cepat lagi berbanding dengan pertambahan penduduk. Dengan demikian "gap" di antara keperluan dengan pengeluaran akan berkurangan dari setahun ke setahun.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar pada masa sekarang ada kelebihan beras di pasaran dunia, seumpamanya, ada kelebihan beras di Thailand dan Amerika Syarikat. Oleh itu, apa usaha Kementeriannya telah ambil supaya harga beras atau harga padi boleh diturunkan setaraf dengan pasaran dunia?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membaca akhbar hari ini, Yang Amat terhormat Timbalan Perdana Menteri telah menerangkan tentang perlunya menstabilkan dan mengesimbangkan keadaan bekalan dan juga pengeluaran yang dapat diadakan oleh petani-petani kita. Jadi langkah-langkah yang sewajarnya akan diambil dari satu masa ke satu masa bagi menentukan bahawa petani-petani kita pula tidak akan terancam pendapatannya disebabkan oleh kelebihan beras di tempat-tempat lain di dunia ini.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar oleh sebab harga beras di pasaran dunia pada masa sekarang lebih murah daripada harga beras di Malaysia, oleh itu, ada orang yang menyeludup beras ke dalam Malaysia, tetapi kalau sekiranya harga beras di Malaysia seimbang dengan harga beras di pasaran dunia, maka penyeludupan ini barangkali boleh dikurangkan.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan di-Pertua, saya telah terangkan masalah mengesimbangkan keadaan bekalan dan keperluan tadi.

SELATAN MELAKA—SEKIM PEMISAHAN LALULINTAS

14. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan kapal-kapal tangki minyak mengotorkan kawasan perairan Malaysia; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan kekotoran udara oleh kilang-kilang; memandangkan bahawa se-

tengah kilang-kilang telah didapati bertanggungjawab bagi kekotoran udara dan air di sungai di negara kita, nyatakan tindakan-tindakan yang diambil terhadap kilang-kilang tersebut dan keputusannya.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa langkah yang diambil untuk mengatasi masalah pencemaran ke atas kawasan perairan Malaysia meliputi langkah-langkah pencegahan dan juga langkah-langkah pemulihan. Dari segi pencegahan, Kerajaan telah hampir menyiapkan Sekim Pemisahan Lalulintas di Selat Melaka yang bertujuan untuk menentukan pelayaran yang selamat bagi kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka. Kementerian saya sedang berusaha untuk mengadakan rancangan kontinjensi bagi mencegah tumpahan minyak di kawasan perairan kita. Secara kasarnya rancangan ini bertujuan untuk memupuk penyelarasan sistem tindakbalas Kerajaan sambil memajukan keupayaan kita untuk mengatasi kejadian-kejadian pencemaran minyak. Ini akan merupakan satu usaha yang besar yang akan melibatkan beberapa pihak seperti syarikat-syarikat minyak dan lain-lain pihak yang menggunakan Selat Melaka.
- (b) Saya harap Ahli Yang Berhormat akan bersetuju dengan saya bahawa kawalan pencemaran adalah satu bidang yang luas yang memerlukan pendekatan yang sistematik serta perancangan yang baik. Ini tidak dapat dielakkan kerana masalah-masalah teknikal yang terlibat berhubung dengan kawalan pencemaran. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya telah baharu sahaja ditubuhkan. Oleh yang demikian, ianya tentu akan mengambil masa sebelum ia dapat menjalankan tugas-tugasnya berhubung dengan kawalan pencemaran alam sekitar dengan sepenuhnya. Sungguhpun demikian, kerja-kerja awal dalam bentuk kajian latar (baseline studies) telahpun dimulakan oleh Bahagian ini. Berhubung

dengan pencemaran udara Bahagian ini telahpun mengambil langkah-langkah untuk menggesa pihak-pihak pengguna enjin disel untuk menjaga enjin mereka dengan baik supaya dapat mengurangkan pelepasan asap. Pada masa ini Bahagian ini juga sedang berusaha untuk mengadakan standad-standad pelepasan bagi kenderaan-kenderaan bermotor. Walau bagaimanapun, perkara penyelesaian kepada masalah pencemaran perusahaan memerlukan program kawalan dan pengawasan yang luas yang hanya dapat dilakukan apabila Bahagian Alam Sekitar mempunyai kakitangan yang secukupnya.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak berapa lama dahulu, satu pelanggaran di Selat Melaka telah terjadi, melibatkan sebuah kapal minyak Jepun. Daripada apa yang kita tahu, Kerajaan Malaysia meminta bayaran ganti-rugi kepada Kerajaan Jepun, kalau saya tidak silap sebanyak \$25 juta. Jadi, apakah terjadi kepada permohonan Kerajaan kita itu?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu soalan lain.

S.P.M./M.C.E.—LULUS PEPERIKSAAN

15. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar-pelajar yang lulus peperiksaan S.P.M. dan M.C.E. dalam tahun 1974 dan nyatakan bilangan tempat-tempat untuk pelajar-pelajar tersebut di kelas-kelas S.T.P. dan H.S.C.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, seramai 14,665 calon sekolah lulus peperiksaan S.P.M. dan 28,228 lagi lulus Peperiksaan M.C.E. dalam tahun 1974. Sejumlah 2,380 tempat telah disediakan di kelas-kelas Tingkatan VI Rendah aliran Bahasa Malaysia dan 7,840 lagi di aliran Inggeris bagi calon-calon sekolah yang mengambil peperiksaan tersebut dalam tahun 1974.

PASUKAN PETUGAS BAGI BELIA/BELIAWANIS

16. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada Kementerian beliau ber-

cadang menubuhkan suatu "Pasukan Petugas" untuk mengembeling tenaga di kalangan belia dan beliawanis bagi menjayakan Projek Belia Peladang di Malaysia, jika ya, nyatakan samada projek ini akan memberi faedah kepada belia dan beliawanis di masa hadapan.

Tuan Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan "Pasukan Petugas" oleh Ahli Yang Berhormat itu dalam pengertian luasnya memang telah sedia ada. Di kebanyakan daerah telah ditubuhkan Jawatankuasa Belia Peladang yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah ataupun wakilnya dan dianggotai oleh Pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di peringkat daerah serta Ketua-ketua Jabatan lain yang ada hubungannya dengan pertanian, ternakan, perikanan, pemasaran dan sebagainya.

Di peringkat negeri pula, setengah-setengah negeri telahpun ada mempunyai jawatankuasa belia peladangnya sendiri yang pengurusan oleh salah seorang anggota Kerajaan Negeri yang berkenaan. Ahli-ahli yang lainnya mengandungi Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan seperti tersebut tadi di peringkat negeri tersebut. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat jika dinilai dari segi pengertian "Pasukan Petugas" ini, setakat ini rancangan Projek Belia Peladang telah menghasilkan sejumlah 845 bilangan projek dan melahirkan pekerjaan sejumlah 7,018.

KELAPA KERING—MENINGGIKAN HARGA

17. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk meninggikan harga kelapa kering di Sarawak yang mana harganya pada masa ini yang dijual oleh pekebun-pekebun kecil ialah pukul rata \$18 sepikul.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan seperti ini telah saya jelaskan tatkala menjawab pertanyaan-pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat pada 8hb Julai dan Ahli Yang Berhormat dari Semerah pada 11hb Julai yang lalu.

RUMAH MURAH DI PIASAU

18. Tuan Yang Siew Siang minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada Kerajaan akan membina lebih banyak rumah murah di Daerah Miri bagi mereka-mereka yang berpendapatan rendah kerana banyak rumah-rumah setinggan didirikan akibat kekurangan rumah dan rancangan perumahan murah di Piasau adalah dikhaskan untuk penduduk-penduduk di Kampung Daggang yang telah menyerahkan rumah mereka untuk pembangunan bandar.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada lazimnya cadangan-cadangan untuk mengadakan rancangan-rancangan perumahan-perumahan awam di satu-satu daerah itu adalah dikemukakan ke Kementerian ini oleh pihak-pihak berkuasa tempatan melalui Kerajaan negeri yang berkenaan. Setakat ini Kementerian ini belum lagi menerima apa-apa cadangan yang baru selain daripada Rancangan Rumah Rakyat di Piasau daripada Kerajaan Negeri Sarawak untuk membina lebih banyak lagi rumah Rakyat di Miri.

Walau bagaimanapun, saya ingin menasihatkan Yang Berhormat supaya berhubung dengan Kerajaan Sarawak bersabit dengan cadangan itu dan jika dipersetujui oleh Kerajaan Sarawak, maka permohonan bagi wang pinjaman Persekutuan bolehlah dikemukakan ke Kementerian saya untuk pertimbangan selanjutnya.

HOSPITAL BESAR JOHOR BAHRU—CANTIKAN KAWASAN

19. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementerian bercadang mencantikan perkarangan hospital di Johor Bahru dengan tanam-tanaman yang akan menyegarkan pandangan pesakit-pesakit terutama mereka-mereka di Wad Kelas Satu oleh kerana perkarangan sekarang yang penuh dengan pokok yang telah tua sungguh tidak indah untuk dipandang.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, beberapa projek dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua sedang dilaksanakan di Hospital Besar, Johor

Bahru. Apabila projek-projek tersebut siap dibina, rancangan untuk mencantikan kawasan Hospital pada keseluruhannya akan dicadangkan bukan sahaja untuk Kelas I, II, tetapi semua Kelas di hospital tersebut.

HOSPITAL KAMPAR/BATU GAJAH

20. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kesihatan menyatakan samada di bawah Rancangan Malaysia Ketiga:

- (a) sebuah hospital akan dibina di Kampar dan di Batu Gajah; jika ya, nyatakan bila pembinaan hospital-hospital tersebut akan siap; jika tidak mengapa; dan
- (b) Kementerian Kesihatan akan membina sebuah hospital baru di Telok Anson bagi menggantikan hospital yang terdapat sekarang yang berhakisan dari sehari ke sehari; jika ya, nyatakan bila pembinaan hospital baru akan bermula, jumlah belanja yang akan terlibat dan bilakah hospital tersebut akan siap; jika tidak, mengapa.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini tiada hospital-hospital baru dirancang untuk Kampar dan Batu Gajah. Projek-projek untuk memperbaiki kedua-dua hospital sedang dalam pelaksanaan. Adalah dasar Kementerian saya untuk memberi keutamaan yang tinggi kepada daerah-daerah yang kini tiada sebarang hospital.
- (b) Tapak tanah untuk hospital baru di Telok Anson telahpun diperolehi. Kerja ujian bumi tapak sedang dijalankan dan pelan-pelan hospital baru adalah dalam perancangan. Pembinaan akan bermula selepas kerja perancangan selesai. Tempoh dan harganya akan dapat dipastikan setelah perancangan itu dibuat.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab terjemahan soalan saya ini ada silap sedikit, soalan saya yang sebenarnya ialah:

- (a) Adakah Kementerian Kesihatan merancang untuk mengembangkan hospital-hospital sekarang yang ada di

Kampar dan Batu Gajah? Misalnya menambahkan satu wad perempuan di Hospital Kampar di bawah Rancangan Malaysia kedua?

- (b) Mengapa sebuah hospital baru di Telok Anson bagi menggantikan hospital sekarang belum dibina lagi sungguhpun rancangan ini ada dalam Rancangan Malaysia Kedua. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri Kesihatan memberitahu bilakah hospital baru untuk Telok Anson boleh dibina dan disiapkan?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan itu dengan terang dan jelas, barangkali kerana Ahli Yang Berhormat itu tidak berapa dengar, jadi tidak ada timbul masaalah soalan tambahan, minta maaf sahaja.

KILANG-KILANG HARAM

21. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) adakah terdapat kilang-kilang haram di negara kita ini, jika ya, nyatakan bilangan, tempat dan jenis perusahaan;
- (b) berapa lamakah kilang-kilang haram ini telah berjalan dan mengapa tindakan segera tidak diambil; dan
- (c) berapa ramaiakah pekerja yang didapati di kilang-kilang haram ini dan bayaran gaji bulanan yang diberi.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, perkara samada sesebuah kilang itu haram ataupun tidak, saya rasa tidaklah timbul kerana pada masa-masa yang lepas tidak ada undang-undang yang diperlukan oleh pengusaha-pengusaha bagi mendapatkan lesen daripada Kerajaan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pengilangan. Undang-undang galakan tahun 1968 hanya memberi kesempatan kepada pengusaha-pengusaha untuk memohon galakan-galakan (incentive) bagi kilang-kilang perusahaan yang diwujudkan oleh mereka. Walau bagaimanapun, setelah undang-undang penyelarasan perindustrian yang telah diluluskan oleh Dewan ini dikuatkuasakan, maka perlulah kilang-kilang yang sedang dan akan menjalankan kegiatan-kegiatan perusahaan memperoleh lesen di

bawah undang-undang tersebut. Jikalau tidak, kilang-kilang ini baharulah termasuk di dalam takrif kilang-kilang haram.

BEKALAN AIR DI SEKINCHAN

22. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar tentang kesusahan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di sebelah utara Tanjong Karang terutama Sekinchan mengenai kekurangan bekalan air dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi kesulitan ini sementara menunggu siapnya projek yang besar.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar masaalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya diberitahu bahawa pihak J.K.R. Negeri Selangor sedang mengambil langkah-langkah sementara untuk mengatasi kekurangan bekalan air di kawasan Sekinchan, Selangor. Pada masa ini pam-pam tambahan sedang dipasang untuk mendapatkan 250,000 gelen air tambahan sehari dan sesalur induk (mains) sepanjang 15 batu sedang dipasang di mana lebih kurang lapan baru daripadanya akan dijalankan bagi memperbaiki lagi tekanan air di kawasan ini.

NELAYAN BUMIPUTRA—BANTUAN

23. Tuan Azaharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah rancangan pemulihan dan lain-lain bantuan yang telah dibuat untuk membantu nelayan-nelayan Bumiputra di Kuala Selangor dan Sungai Besar dan bilakah rancangan-rancangan ini akan dilaksanakan.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan ujudnya masaalah lebih nelayan dan perusahaan perikanan di kawasan Kuala Selangor dan Sungai Besar dewasa ini. Bagi mengatasi masaalah ini, Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar belum lagi mempunyai satu-satu rancangan pemulihan khas untuk nelayan-nelayan bumiputra di kawasan-kawasan itu. Walau bagaimanapun, setakat ini Kementerian cuma mengkoordinasikan penempatan semula lebih nelayan-nelayan dengan kerjasama daripada Ajensi-ajensi Kerajaan yang lain seperti

FELDA dan FELCRA. Setakat ini 60 permohonan daripada nelayan-nelayan Sungai Besar untuk rancangan FELDA telahpun dimajukan kepada agensi tersebut.

Mengenai bantuan-bantuan lain pula, antara lain, Kerajaan ada memberi bantuan subsidi pukot dan jaring. Peruntukan bagi keseluruhan negeri Selangor bagi tahun 1975 termasuklah untuk dua kawasan ini bagi tujuan bantuan subsidi berjumlah lebih kurang \$20 ribu. Selain daripada itu, Kementerian juga melalui MAJUikan mengadakan bantuan kemudahan-kemudahan seperti jeti dan lampu pemandu di kedua-dua kawasan tersebut.

GULA—KENAIKAN HARGA

24. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapakah beliau membenar kilang-kilang penapis gula tempatan menaikkan harga gula dari 60 sen kepada 70 sen sekati beberapa minggu yang lalu dan harga itu jatuh kepada 65 sen sekati selang beberapa hari kemudiannya.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, masalah kenaikan dan keturutan baru-baru ini harga gula telahpun saya jelaskan di Dewan ini pada 11-7-1975 semasa menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Oh Keng Seng. Saya tidak ada apa-apa untuk menambah jawapan saya itu.

JALANRAYA BINTULU— SUNGAI SUAI

25. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan mengapakah jalanraya antara Bintulu dan Miri (antara Bintulu dan Sg. Suai) di dalam Bahagian Keempat Sarawak tidak dibina dan tidak dijaga dengan sempurna kerana terdapat beberapa lubang dan saluran airnya tidak baik yang mendatangkan bahaya kepada kenderaan-kenderaan dan jika ya, bilakah jalanraya ini akan diperbaiki dan dijaga dengan sempurna.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, Jalan dari Bintulu ke Sungai Suai telah dibina ke peringkat jalan besar (trunk road) tetapi oleh kerana masalah ke-

kurangan batu di daerah Bintulu kerja-kerja membarumuka dengan batu masih dijalankan pada masa sekarang. Bahagian jalan dari Bintulu ke Miri ini sekarang sedang diperbaiki sebagai persediaan untuk membarumuka dengan bitumen yang mana akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

RISDA—PENYELEWENGAN KEPADA PEKEBUN KECIL

26. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) hasil penyiasatan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dalam RISDA sebagaimana yang telah dibongkar oleh beliau semasa menutup seminar pembangunan pekebun-pekebun kecil di Universiti Pertanian Serdang pada 8hb Jun, 1975;
- (b) jumlah bilangan sindiket, kontrekter-kontrekter dan ejen-ejen yang menyalahgunakan surat wakil kuasa untuk mendapat kuasa menerima pembayaran untuk menanam semula dan samada mereka telah didakwa di mahkamah; dan
- (c) jumlah bilangan pegawai RISDA yang terlibat di dalam sindiket yang tersebut di atas.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Soalan ini telahpun saya jawab semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 6hb Julai, 1975 yang lalu.
- (b) Saya ingin menjelaskan bahawa penyiasatan masih diteruskan mengenai perkara ini. Setakat ini pihak berkenaan telah mengesan bahawa sekurang-kurangnya tiga buah sindiket telah terlibat secara besar-besaran menggunakan surat wakil kuasa dan surat-surat memberi kuasa yang lain untuk menerima pembayaran bantuan bagi pekebun-pekebun kecil.
- (c) Saya tidak dapat memberi jumlah pegawai RISDA yang terlibat setakat ini kerana ini mungkin menjejaskan pengadilan kes-kes berkenaan yang sedang dalam penyiasatan.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, siasatan yang sedang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri itu bolehkah saya tahu jika siasatan itu ada terlibat dengan sindiket-sindiket yang telah menjalankan sub-division of estates? Pihak ini telahpun menerima replanting grant yang harus diberi kepada pembeli-pembeli kecil.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, pihak RISDA tidak ada hubungan dengan soalan sub-division of estates, jadi soalan ini tidak berbangkit.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, barangkali soalan saya tidak berapa jelas. Replanting grant yang diberi ini telahpun diberi kepada sindiket-sindiket atau taukeh-taukeh yang telah membeli estate besar, dipecah-belahkan dan dijual kepada pekebun-pekebun kecil. Tetapi oleh sebab hak milik (title) itu belum dapat dipindahkan kepada pembeli-pembeli kecil itu, taukeh-taukeh besar yang mempunyai hak milik itu telah menerima replanting grant ini. Soalan saya adakah siasatan dijalankan oleh Kementerian Yang Berhormat itu meliputi sindiket-sindiket dan taukeh-taukeh besar ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tiga sindiket yang saya sebutkan ada meliputi beberapa banyak faktor. Jadi, saya tidak suka hendak menyebutkan apa perkara yang terjadi di dalam satu-satu sindiket yang tertentu. Walau bagaimanapun, ada kemungkinan besar satu atau semua atau yang lain daripada tiga sindiket yang saya sebutkan ini terlibat juga di dalam praktik-praktik yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

PERSATUAN PALANG MERAH MALAYSIA—LAMBAK

27. Tuan Sibah anak Tagong minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada terdapat apa-apa rancangan hendak menukar lambang Persatuan Palang Merah Malaysia; jika ada, nyatakan sebab-sebab untuk pertukaran itu.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, memang ada rancangan untuk menukar lambang Persatuan Palang Merah Malaysia. Di setengah-setengah

negara Islam, Persatuan Palang Merah ini dipanggil Persatuan Bulan Sabit Merah. Oleh sebab negara kita adalah negara Islam, maka sewajarnya Persatuan Palang Merah Malaysia ditukarkan nama kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia seperti juga di negara Islam yang lain.

JAMBATAN DI KUALA SELANGOR

28. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan apakah tindakan dan jaminan positif Kementerian terhadap pembinaan jambatan di Kuala Selangor.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan tegas sedang diambil untuk menjamin supaya pembinaan jambatan di Kuala Selangor dapat dilaksanakan dengan sempurna dan boleh dibuka kepada lalulintas dengan secepat mungkin.

Raja Naron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar, masih sedar, bahawa di dalam Parlimen yang mulia ini lebih kurang 9 bulan yang lampau di dalam Dewan yang mulia ini juga Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi jawapan yang sama. Jikalau beliau sedar saya harap menyatakan apakah samada beliau mengetahui bahawa kerja-kerja yang telah dibuat oleh pemborong sekarang telah diberhentikan sama sekali.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, barangkali jawapan yang telah diberi pada masa yang lampau itu lebih kurang sama juga dengan jawapan yang saya baru beri di dalam Dewan ini. Akan tetapi, seperti yang saya telah cuba menyatakan pada masa yang lampau juga dalam perkara ini adalah seorang pemborong daripada kaum bumiputra yang terlibat dan adalah satu perinsip yang tersentuh juga iaitu di bawah Rancangan Ekonomi Baru yang kita harus membantu kaum bumiputra untuk menjayakan diri di dalam perniagaan-perniagaan seperti kontrek pembinaan jambatan ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang mempraktikkan dasar itu dan pada masa ini adalah sedang berunding dengan pemborong ini supaya kalau boleh, memberi peluang lagi kepada beliau untuk menjayakan projek ini. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu sedia menyatakan perinsip ini

dalam perkara yang specific patut dikorbankan kalau dibandingkan dengan kepentingan orangramai di tempat itu, maka Kementerian saya sedia juga menimbangkan semula apakah yang patut dibuat dalam perkara ini.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri yang berkenaan boleh saya katakan tidak tepat, kerana di dalam jawapan yang saya terima daripada Jabatan Kerja Raya bahawa pemborong yang ada sekarang akan diberhentikan dan kontrek itu akan di retender, maka dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak meminta Kementerian yang berkenaan mengumumkan di dalam Dewan yang mulia ini samada beliau sedia melawat jambatan yang tersebut iaitu di Kuala Selangor supaya melihat dengan sendiri dengan cara dekat keadaan di tempat itu.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya sedia pada bila-bila masa juga (*Ketawa*).

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG LALU- LINTAS JALAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Lalulintas Jalan, 1958; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG MAKHLUK PEROSAK PERTANIAN DAN TUMBUH- TUMBUHAN BERBAHAYA

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda dan menyatukan undang-undang berhubung dengan penghapusan makhluk perosak dan tumbuh-tumbuhan berbahaya dan bagi mengadakan peruntukan untuk mengawal dan mencegah penyakit-penyakit tumbuhan dan perkara-perkara yang berhubung dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG BINATANG (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (17hb Julai, 1975).

Perbahasan disambung semula.

3.25 ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana matlamatnya adalah untuk memberi kebaikan menjaga kepentingan kemajuan perusahaan ternakan di dalam negara kita ini. Tetapi saya memohon izin, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dan memberi pandangan di dalam beberapa perkara.

Yang pertama, saya suka menarik perhatian Kementerian yang berkenaan tentang dasar berhubung dengan padang ragut atau reserve bagi pemeliharaan lembu-kerbau. Di dalam tiap-tiap negeri Kerajaan Negeri telah memperuntukkan beberapa kawasan tertentu kepada Jabatan Haiwan untuk dijadikan padang-padang ragut untuk kegunaan, sama ada tempat pemeliharaan kerbau-lembu ataupun untuk ditanam rumput-rumput yang boleh dijadikan makanan kepada kerbau-lembu. Akan tetapi, dukacita saya menyatakan terutama sekali di dalam kawasan saya didapati banyak padang-padang ragut ini yang tidak diusahakan, yang dibiarkan oleh Jabatan Haiwan ini, dan apabila perkara ini dikemukakan di dalam Mesyuarat-mesyuarat Tindakan Daerah, jawabannya kerana tidak ada peruntukan. Jadi, banyak kawasan ini yang telah dimiliki oleh Jabatan Haiwan untuk dijadikan padang ragut ini tidak diusahakan dan dibiarkan sehingga tumbuh pokok-pokok hutan di sana, dan tidak digunakan samada ditanam dengan rumput-rumput dan tidak juga boleh digunakan sebagai tempat pemeliharaan kerbau-lembu. Jadi, akibatnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah buruk. Kerana setengah-setengah padang ragut ini apabila dibiarkan beberapa ketika, maka orangramai setengah-setengahnya telah mengambil kesempatan membuka tanah haram di situ, mengusahakan kawasan itu. Apabila hendak diselesaikan setelah tanah ini

diusahakan oleh orangramai telah menjadi masalaah yang rumit, dan ada juga di setengah-setengah tempat penduduk-penduduk yang berhampiran telah meminta supaya kawasan itu dipulangkan balik kepada Kerajaan Negeri supaya dapat dibahagi-bahagikan kepada penduduk-penduduk yang berhampiran sebagai kawasan lay-out untuk kawasan perumahan, tetapi di dapati Jabatan Haiwan bertegang sangat tidak mahu melepaskan ini dan di samping itu juga tidak mahu mengusahakan kawasan itu. Jadi kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka memohonkan supaya Kementerian ini mengadakan suatu peruntukan khas yang lebih besar bagi mengusahakan padang-padang ragut ini supaya dapat ditanam terutama sekali dengan rumput-rumput yang boleh dijadikan makanan kepada binatang-binatang pemeliharaan kerbau-lembru, terutama sekali bagi penduduk-penduduk di sekitar satu-satu padang ragut itu.

Perkara yang kedua, saya sukalah memberi sedikit pandangan bahawa di dalam perusahaan ternakan di dalam negara ini berkehendakkan sesuatu perubahan sikap, tradisi, pegangan orang-orang kita sendiri, kerana masih terdapat sikap lama dengan pegangan lama yang saya fikir berkehendakkan kepada perubahan. Umpamanya, masih terdapat pandangan-pandangan bahawa barangkali kambing kampung yang kurus lebih sedap, lebih digemari daripada kambing Australia yang gemok-montel. Dan begitu juga barangkali telur ayam kampung dan ayam-ayam kampung yang makan kotor-kotor di dalam semak adalah lebih dikehendaki dan lebih sedap daripada ayam-ayam luar. Ini satu cakap-cakap yang biasa dan ada juga cakap-cakap daripada setengah tempat yang barangkali belum menerima perubahan bahawa binatang-binatang ternakan mereka jika diberi rawatan disuntik, dicucuk umpamanya lagi lekas mendapat penyakit, lagi lekas mati. Ini berkehendakkan suatu kempen yang besar-besar supaya sikap seumpama ini dapat diubah dan dapat menerima kemajuan dan satu daripada caranya hendaklah pihak Jabatan Haiwan terutama sekali daripada pegawai-pegawainya daripada peringkat bawah sampai ke atas hendaklah mempunyai sikap yang jujur dan bertanggungjawab di dalam melaksanakan tugas masing-masing. Di dalam perkara ini, saya tidak hendak menuduh bahawa

pegawai-pegawai Jabatan Haiwan yang ada sekarang ini tidak jujur, tetapi saya berani mengatakan ada pada setengah-setengah ketika tidak bertanggungjawab.

Sebagai contoh, izinkanlah saya mengemukakan suatu peristiwa yang benar-benar berlaku.

Di dalam bulan Oktober, 1974 seorang penternak di kawasan saya yang bernama Jusoh bin Mohamed yang mempunyai 13 ekor anak lembu, itulah sahaja mata pencairiannya telah kematian semua anak-anak lembunya selepas diberi rawatan oleh pihak Pegawai Haiwan.

Pada 11hb Januari, 1975 saya telah menulis sepucuk surat kepada Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Trengganu dan salinannya kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan, Bahagian Haiwan Kementerian menyatakan dan melampirkan rayuan dan kenyataan daripada penternak yang berkenaan dan mengikut pendapat saya bahawa kematian itu adalah suatu kematian yang luar biasa. Saya tidak berani mengatakan kerana saya bukanlah seorang pakar, apakah sebenarnya yang menyebabkan lembu-lembu itu mati. Tetapi pada anggapan saya kematian lembu-lembu itu adalah suatu kejadian yang luar biasa dan patut mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan bagi mengambil satu langkah pemulihan kepada penternak yang berkenaan, saya mencadangkan supaya dapat dipertimbangkan sebarang pampasan (ganti rugi) yang perlu, sekurang-kurangnya diberi anak-anak lembu yang baru supaya penternak itu dapat memulakan penghidupannya dengan menternak lembu.

Saya mendapat laporan penuh daripada pihak Pegawai Haiwan bagi Daerah Besut yang telah membuat laporan penuhnya. Suratnya Bil. (1) dalam Jabatan Haiwan Besut Bil. 18 bertarikh 20hb Januari, 1975. Surat ini ditandatangani oleh Dr Solomon Jason, Penolong Pegawai Haiwan, Besut. Di dalam laporan ini, saya dapatlah membuat ringkasan sebagai berikut:

Pada 26-10-1974 setelah Jabatan Haiwan Besut menerima aduan daripada penternak ini yang berkehendakkan lembu-lembu peliharaannya diberi rawatan sebagai menjaga mengelak daripada terkena sebarang penyakit, pihak Jabatan Haiwan Besut telahpun pergi memberi rawatan dengan memberi sejenis ubat oil adjuvant untuk

mengelakkan penyakit kerongkong. Pada masa itu lembu tersebut masih sihat, masih segar, tetapi sebagai seorang petani yang sadar yang barangkali menerima kemajuan untuk langkah berjaga-jaga telah pergi meminta bantuan daripada pihak Jabatan Haiwan. Tetapi setelah diberi rawatan itu, beberapa hari kemudian lembu-lembu itu makin lemah dan berair matanya. Kemudian beberapa hari selepas itu juga pihak Jabatan Haiwan telah memberi sejenis ubat yang disebut sebagai boric lotion dan juga chloromycetin kemudian selepas diberi, tiga ekor daripada anak-anak lembu itu mati.

Pada 2-12-1974 setelah lembu-lembu itu mati, seorang daripada Pegawai Haiwan itu telah pergi memeriksa dan didapati tidak tahu apa sebab kematian lembu itu. Saya ambil daripada laporan Pegawai Haiwan itu sendiri bagaimana rujukan surat yang saya sebutkan tadi.

Pada 3-12-1974 Dr Solomon sendiri pergi dan memeriksa darah lembu-lembu itu dan didapati normal, tidak ada apa-apa penyakit.

Pada 4-12-1974 selepas dikatakan normal itu mati lagi seekor.

Pada 7-12-1974 diberi rawatan lagi dan pada 12-12-1974 diberi rawatan lagi dan pada 14-12-1974 diberi rawatan lagi, tiga ekor lagi lembu mati dan akhirnya pada 15-12-1974 mati lagi seekor dan pada 1-1-1975 mati lagi dua ekor, habis semua lembu itu dan rawatan pun ditamatkan.

Saya terangkan ini ialah laporan yang diberi oleh pihak Pegawai Haiwan itu sendiri. Selepas itu kononnya setelah mendapat laporan yang lengkap pihak Pengarah Haiwan Negeri Trengganu pun menjawab kepada saya. Saya minta kebenaran membaca surat ini.

Surat Bil. Pejabat Jabatan Haiwan Trengganu 629/5 bertarikh 27hb Januari, 1975.

"Kepada:

Yang Berhormat Tuan Zakaria bin Abdul Rahman,
Ahli Dewan Rakyat,
Ibu Pejabat Barisan Nasional,
Rumah UMNO, Jerteh,
Besut, Trengganu.

KEMATIAN ANAK-ANAK LEMBU

Merujuk kepada surat tuan Bil. 19 S.J. 10 (30) bertarikh 11hb Januari, 1975, saya

kembarkan bersama-sama ini satu salinan laporan daripada Penolong Pegawai Haiwan Besut, Bil. 1 dalam Jabatan Haiwan Besut 18 bertarikh 20hb Januari, 1975 yang dengan sendirinya menerangkan maksudnya yang menjelaskan bahawa ternakan itu telah diperiksa dan diberi rawatan. Pegawai-pegawai daripada Jabatan Haiwan Besut telah berkali-kali menolong dengan sedaya upaya mereka untuk merawat ternakan itu. Sekiranya ternakan itu mati walaupun telah diberi rawatan maka ianya tidaklah boleh dielakkan. Setiap langkah adalah diambil oleh Jabatan Haiwan bagi menyuntik dan merawat ternakan-ternakan bagi mengelakkan kerugian daripada disebabkan kematian.

2. Adalah dukacita bahawa Jabatan ini tidak memberi ganti untuk ternakan yang mati di dalam keadaan biasa. Ternakan-ternakan hanya diberi di bawah Rancangan Pawah kepada penternak-penternak yang didapati layak oleh Jawatankuasa Ternakan Daerah supaya membolehkan mereka mempunyai ternakan permulaan."

Maksudnya jawapan ini, kalau saya faham secara saya sahaja bahawa mereka telah beri rawatan. Jadi soal mati itu bukan soal mereka. Mati apa boleh buat. Jadi seolah-olahnya di sinilah yang saya katakan tadi jawapan ini tidak begitu bertanggungjawab. Soal mati kita pun tahu. Doktor sekalipun kalau orang sakit hendak mati, mati juga. Kuasa mati ini ialah kuasa Tuhan semata-mata. Tetapi jawapan seumpama ini seolah-olahnya dia sudah tolong dan sudah ikhtiarkan. Mati bukan dia punya hal. Lepas itu diam tidak hendak selidik atau apakah ubat yang diberi tadi, salakkah, betulkah ataupun tidak cukup ukurannya dan sebagai tidak hendak dikaji dan dihalusi. Jadi seolah-olahnya Jabatan ini hendak melindungi segala apa yang dilakukan oleh kakitangan Jabatan yang di bawah itu semuanya, betul. Jawapan yang diberi sebagai silat gayung kata orang, hendak melepaskan, tidak mahu menerima kesalahan ini. Syor saya di dalam perkara seumpama ini kalau ada pegawai-pegawai kita barangkali dianggap melakukan kesalahan dengan tidak sengaja, barangkali kerana sebagai human error sahaja melakukan kesalahan, maka kita patutlah mengakui kesalahan itu dan kita mesti kaji dan halusi supaya pada masa yang akan datang tidak akan berlaku lagi. Jangan bila berlaku satu

kesalahan itu, kita cuba hendak tutup dia, hendak disembunyikan dia, hendak ditidurkan bahawa itu tidaklah satu kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya hendak bertanya sedikit, takut saya tidak terdengar. Dalam surat jawapan itu ada disebut penyakit? Mati kerana penyakitkah atau apa? Tidak ada?

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tidak ada disebutkan. Jawapannya tidak ada sebab.

Tuan Yang di-Pertua: Rang Undang-undang kita ialah bersabit dengan penyakit.

Tuan Zakaria bin Abdul Rahman: Tidak tahu apa sebabnya. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sambung sedikit lagi. Selepas itu lapuran itu dihantar ke Ibu Pejabat di Kementerian. Yang ganjilnya lagi suatu surat daripada Kementerian dihantar kepada Pengerusi, Kumpulan Wang Pampasan Ternakan kerana natrium arsenite yakni untuk pampasan lembu-lembu yang mati kerana ternakan racun rumput. Surat ini ditandatangani oleh Cik Zaharatul Kamar binti Mahmud bagi pihak Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan. Bunyinya begini: Surat ini:

“Bil: DBS/138/B/1/151 bertarikh 30hb Januari, 1975.

Kematian Anak-anak Lembu

Bersama ini dikembarkan satu salinan surat daripada Yang Berhormat Encik Zakaria bin Haji Abdul Rahman dan Encik Jusoh bin Mohamad, Jerneh, Trengganu untuk makluman dan tindakan tuan.”

Jadi, bila saya terima surat ini, ini merupakan satu perkara yang ganjil. Di dalam lapuran Pegawai Haiwan sendiri tidak mengatakan lembu itu mati termakan racun, tetapi surat ini dihantar kepada Kumpulan Wang Pampasan Ternakan. Jadi, barangkali agak saya pihak Kumpulan Wang Pampasan pun samada menyatakan Pegawai yang menghantar surat itu bodoh, ataupun mengatakan saya sebagai Wakil Rakyat bodoh, saya tidak tahu. Sehingga hari ini surat itu tidak berjawab, seolah-olah surat itu mati atau senyap begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Lembukah mati atau surat mati?

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Jadi seolah-olah kerana barangkali pihak Kumpulan Wang Pampasan Ternakan menyatakan ini bukan tanggungjawab dia kerana lembu itu tidak mati kerana termakan racun, maka dia tidak boleh beri ganti-rugi. Jadi, kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap panjang sedikit dalam perkara ini bukanlah saya hendak menuduh Pegawai-pegawai Haiwan, terutama sekali Pegawai Haiwan, Besut itu menjalankan kerja dengan tidak betul. Pegawai Haiwan Besut, Dr Solomon, sendiri rakan saya yang rapat dan saya tahu beliau seorang pegawai yang tekun dan bekerja dengan baik. Saya harap janganlah selepas saya buka cerita ini esok Pegawai yang berkenaan bertukar ke tempat lain. Itu tentulah tidak elok. Saya rasa beliau seorang yang baik dan dia telah memberikan lapuran yang betul, dan menunjukkan dia sendiri tidak boleh menentukan apakah sebabnya yang menyebabkan lembu-lembu itu mati. Pada peringkat atas sahaja barangkali tidak mahu mengorek kejadian itu dengan lebih mendalam, mengkaji sebab yang sebenarnya terutama bagi mengelakkan kejadian yang serupa di masa yang akan datang.

Dengan kejadian itu, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya nyatakan dalam Dewan ini pada hari ini saya tidak dapat lagi hendak mencari di mana duduknya penternak yang berkenaan, Encik Jusoh bin Mohamad, kerana lembunya sudah mati semuanya barangkali dia cuba hendak membawa diri mencari penghidupan baru, merantau ke lain tempat. Barangkali pilihanraya yang akan datang dia tak akan keluar mengundi lagi, tidak ada lagi harapannya daripada Kerajaan selepas 13 ekor lembunya mati, minta bantuan pun tidak dapat, Wakil Rakyat pun tidak boleh menolong, bahkan Jabatan Haiwan pun tak boleh menolong, dia pun merantau ke tempat lain. Itu akibatnya. Dan kepercayaan dia saya yakin samada dia betul atau tidak, itu saya tidak kira apa yang saya yakin dia mestilah menganggap bahawa ada tertanam di dalam otaknya bahawa lembunya mati ialah dengan sebab rawatan yang diberi, kerana sebelum rawatan itu diberikan lembunya masih segar. Akan tetapi, kerana kempen diadakan untuk berjaga-jaga mesti diberi suntikan-suntikan lebih awal, maka dia berhubung dengan Jabatan Haiwan, tetapi setelah diberi rawatan, maka satu demi satu lembunya mati. Perasaan itu ada.

Berbalik pada pandangan saya tadi di dalam kita hendak membuat kempen supaya rakyat kita di luarbandar berubah sikapnya, maka mestilah kita mempunyai tanggungjawab, jangan kita melepaskan perkara ini dengan begitu sahaja.

Saya rasa cukuplah saya bercakap dalam perkara ini tetapi saya minta izin hendak sentuh satu perkara lagi yang akhir sekali. Sebelum itu saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya timbulkan berkaitan dengan kematian anak lembu itu, saya mintalah supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan janganlah menjawab dalam Dewan ini. Jadi kalau menjawab pun barangkali hendak pakai “silat gayung” juga hendak menudung perkara ini, saya fikir saya terima pun dengan perasaan tidak puas hati. Cuma saya merayu supaya beliau menyiasat semula betulkah atau tidak apa yang saya katakan tadi, kerana saya telah berikan semua surat-surat rojokannya yang saya percaya ada di Kementterian. Dan apa kesudahannya, kalau dapat beliau memberitahu saya dengan dua baris surat pun cukup, saya akan berterima kasih.

Perkara yang akhir yang saya hendak timbulkan di sini, saya rasa di dalam memajukan ternakan di dalam negara kita ini, terutama bagi kegunaan makanan dalam negeri, saya rasa banyak lagi perkara yang boleh dilakukan. Pertamanya, kita memperlbgakan jenis ternakan dan memperbanyakkan jenis ternakan. Ternakan yang kita bela pada hari ini kebanyakannya kita terima daripada datuk-nenek kita sejak berkurun-kurun dahulu misalnya ayam, lembu, kerbau dan kambing, tetapi kita tidak tahu bila lembu itu mula dijinakkan oleh manusia sehingga menjadi satu jenis binatang ternakan. Saya percaya lembu, kambing dan ayam juga dahulu asalnya binatang-binatang liar juga seperti rusa, kijang yang ada pada hari ini. Jadi, kenapa tidak pula rusa dan kijang kita jinakkan dengan menggunakan pengetahuan sains dan teknologi sehingga di belakang rumah kita pun kita boleh bela rusa seperti kita bela lembu. Ini pandangan yang saya rasa dengan pengetahuan yang ada sekarang ini patut dilaksanakan benda seumpama ini, sebagai contoh, misalnya, burung merpati. Burung merpati ini mengikut pengalaman saya kalau kita pergi ke Haadyai atau ke Bangkok merupakan satu jenis

hidangan yang digemari, satu jenis makanan yang terdapat di mana-mana kedai makan dan restoran yang besar—burung merpati.

Tuan Yang di-Pertua: Merpati yang dipelihara atau yang liar?

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Burung merpati yang dipelihara tetapi sekarang ini dalam negara kita burung merpati kita cukup banyak, cuma fungsinya mengotorkan bangunan dan sekali-sekala boleh dilepaskan pada hari kebesaran, kalau ada perayaan hari kemerdekaan, hari sukan dan lain-lain. Tetapi kita tidak jadikan sebagai suatu ternakan yang commercial yang boleh mendatangkan keuntungan. Saya rasa tidak begitu susah untuk menernak burung merpati ini, sedangkan lebah boleh ditenak orang, dikeluarkan madunya dan sebagainya.

Selain daripada itu, saya suka menyentuh lagi satu perkara berkenaan dengan kerbau. Kerbau satu jenis binatang yang besar tetapi saya rasa pemeliharaannya tidak begitu dikaji dengan rapi oleh Jabatan Haiwan. Saya rasa yang dikaji cuma kambing, lembu, ayam dan itek sahaja. Mengenai kerbau tidak begitu diberi jagaan yang rapi. Kita dapati kalau umpamanya di Pantai Timur, kalau di waktu malam kita membawa motokar, kita selalu berjumpa kerbau liar di atas jalanraya. Di mana sahaja boleh dikatakan penuh dengan kerbau-kerbau tidur waktu malam di atas jalanraya. Jadi kerbau-kerbau itu kadang-kadang boleh juga mendatangkan kemalangan kepada kenderaan kerana tuan-tuan punyanya tidak menjaga dengan betul, dibiarkan merayau-rayau sahaja, terutama sekali di kawasan Maran, banyaklah di tengah jalanraya di waktu malam kita berjumpa kerbau. Kerbau-kerbau ini warnanya hitam. Pada waktu malam warnanya sama dengan tar, jadi susah dilihat. Saya rasa kalau tuan-tuan kerbau hendak membenarkan kerbau mereka merayau pada waktu malam, patut diperintahkan disapu cat putih ataupun dibuat jalur-jalur putih. Kalau dibuat kerbau berjalur, barangkali harimau pun takut juga. Walau bagaimanapun, tujuan saya supaya pihak Kementerian ini mengkaji penternakan kerbau itu diadakan secara serius dan dimodernisasikan, jangan dibiarkan berlambak di segenap ceruk rantau dalam hutan dan sebagainya. Saya rasa sudah panjang saya bercakap, dan saya sudah

sempurnakan tugas saya untuk bercakap di dalam Dewan ini dan sukalah saya memberi peluang kepada rakan-rakan saya Ahli Yang Berhormat yang lain.

3.50 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Binatang (Pindaan). Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Ordinan Binatang, 1953 bagi memberi kuasa-kuasa yang lebih luas kepada Pihak Berkuasa Haiwan untuk mencegah, mengawal dan menghapuskan penyakit.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak dalam Rang Undang-undang ini ada satu perkara yang patut saya timbulkan satu perkara yang boleh dikatakan silap mata. Di dalam Fasal 9 ada Jadual di mana ada seksyen-seksyen di Ordinan yang lama telah dipinda. Saya merujuk kepada Seksyen 68(1) di dalam Jadual ini di mana ada dinyatakan:

“Seksyen 68 (1) . . . Masukkan perkataan “ , conveyance” selepas sahaja perkataan “carcase” di mana jua ia terdapat dalam seksyen-kecil itu.”

dan juga Seksyen 68 (2) dan Seksyen 68 (3).

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang melibatkan tuanpunya kereta-kereta atau kenderaan-kenderaan oleh sebab ada satu penalti di bawah Seksyen 74 di dalam Ordinan itu. Saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Section 74 reads:

“Whenever any person shall have been convicted of an offence against this Ordinance, the court convicting such person may, in addition to or in lieu of imposing any other punishment, order that any animal, bird, carcase or article in respect of which such offence has been committed, shall be forfeited.”

(*Dengan izin*) Now this amendment here, Tuan Yang di-Pertua, means that the word “conveyance” is included after the word “carcase” and that therefore, the court has jurisdiction to order the forfeiture of a “conveyance”, that means “kenderaan” according to the amendment here and it means the lorry or a friend’s car which you happened to borrow to bring an animal to the infirmary, or even a lorry owner who has

borrowed money from MARA to run a small lorry business suddenly finds that he has landed himself in trouble with the Veterinary Department for the sake of a \$200 hire to bring a couple of buffaloes from Kelantan to Seremban because he is stopped half-way and found with animals that are infected. Therefore, under this Clause, Tuan Yang di-Pertua, he is liable to forfeiture because this section says “liable for search, seizure and arrest” under Part 7 of the 1953 Ordinance. In other words, Tuan Yang di-Pertua, without knowing it, it has been slipped into this Rang Undang-undang (Pindaan)—a little section here which means that the word “conveyance” has been added after the word “carcase” and no one knows the implication of it, unless you look up the old Ordinance which gives the court the power of forfeiture of the conveyance.

I hope the Honourable Minister would be very careful because we all know that if it is a revenue statute where there is an offence against excise or customs like the Customs Act, then the Government has the power to order the forfeiture of the vehicle. But here in this case, it is an ordinary offence in relation to animals. Why should the poor lorry owner who earns a hire of \$100 to bring a couple of buffaloes from Kelantan to Seremban be subject, even if his vehicle is forfeited, to undergo the inconvenience of appearing in court? He has to worry whether the magistrate hearing the case will order forfeiture or not because the word “may”, although it is not mandatory, gives the court jurisdiction to order a forfeiture and that is causing inconvenience to the ordinary citizens of this country—people who run a small lorry business or a friend who happens to help his friend carry a dog that may be infected. He may be subjected to this Clause if the prosecuting officer feels like harassing the poor person although he can go to a lawyer and get help. But then it means that he has to spend money or fees for a lawyer to get him out of trouble if the prosecution wants to harass the poor lorry owner. That is something which I hope the Honourable Minister will take into consideration because here you have slipped in under an innocent-looking section the word “conveyance”. Under the old Ordinance, “conveyance” is not forfeited, but here you are going to forfeit the “conveyance”. You

can order the destruction or the forfeiture of an infected animal or infected bird or an infected carcass. But why must the word "conveyance" be put into Section 74? We know very well that the intention is to increase the penalty and make this Ordinance be followed by the citizens of this country and although the good intention is explained in the Explanatory Statement, "Fasal 7 bertujuan untuk memberi kepada pemunya sesuatu kenderaan suatu hak untuk didengar sebelum sesuatu perintah pampasan dibuat", i.e. you give the owner of the conveyance the right to be heard in court but you are also giving him that inconvenience and all for the sake not of a revenue statute but for the sake of a statute which concerns animals.

I hope the Minister will look into that because it is a very severe penalty. No lorry owner would want to run the risk of carrying animals if he knows that because of that, he is going to run the risk of this jurisdiction of the court under Section 74 notwithstanding the proviso which has been given under Section 7. The little word "conveyance" has been put here under "huraian" "Fasal 9 bertujuan—(c) untuk membenarkan pengambilan kenderaan-kenderaan yang digunakan dalam melakukan sesuatu kesalahan di bawah Ordinan",

In other words, any offence against this Ordinance, if a lorry or a friend's car is used, in that case he is liable to have his vehicle forfeited under Section 74.

Fortunately, I went to the Library just now and referred to the old Ordinance. There is no forfeiture under the old Ordinance. This is the only matter I would like to raise because it affects the personal liberty and the convenience of the peace-loving citizen of this country if he is going about his usual business or if he borrows money from MARA to run a small lorry business of one or two lorries, he has to suffer the inconvenience of worrying whether or not the court will order forfeiture of his lorry and how is he going to pay back MARA. How is a poor businessman going to run a small lorry business if all the time he has to suffer this fear and this worry of forfeiture? Therefore, I hope the Minister will look into this point.

3.59 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Binatang (Pindaan) yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Saya suka menarik perhatian kepada Jabatan Haiwan iaitu masalah penggunaan racun rumput. Racun rumput ini digunakan oleh pihak tuanpunya ladang dan tuanpunya kebun, jadi racun-racun rumput ini telah banyak membinasakan binatang-binatang ternakan, terutama di kampung-kampung. Ini bukanlah bermakna bahawa petani-petani kita membiarkan binatang mereka ini masuk ke dalam estet-estet atau ladang-ladang yang berkenaan, tetapi racun-racun rumput itu dihanyutkan oleh air melalui anak-anak sungai dan sebagainya. Jadi, apabila binatang-binatang ternak petani tadi meminum air, maka binatang-binatang mereka mati dan mendatangkan kerugian yang besar kepada pihak petani-petani. Saya berharap pihak Jabatan Haiwan atau Kementerian yang berkenaan mencari satu jalan iaitu apabila tuan punya ladang hendak menggunakan racun-racun rumput ini hendaklah diberitahu kepada Jabatan Haiwan yang berdekatan supaya perkara ini dapat diberitahu kepada petani-petani yang ada memelihara binatang-binatang ternakan supaya dapat dijauhkan binatang peliharaan merek memakan rumput di kawasan ladang yang berkenaan itu. Dan sekiranya ada jalan ataupun ada cara-cara yang dapat kita lakukan supaya racun-racun rumput yang hendak digunakan ini, kita patutlah siasat supaya racun-racun rumput ini tidak begitu kuat kuasanya hingga dapat membinasakan binatang-binatang ternakan. Perkara ini patut dikaji.

Satu perkara lagi ialah mengenai menggalakkan petani-petani supaya menjalankan perusahaan penternakan. Kita tahu selama ini dan sehingga hari ini kebanyakan petani-petani kita menjalankan ternakan atau memelihara binatang ini ialah dengan cara tradisional (cara yang lama). Tempat pemeliharaan binatang itu pun di bawah rumah dan penuh dengan najis-najis tidak dibuang dan sebagainya. Kalau Kementerian ini membiarkan lagi cara tradisional ini dijalankan oleh petani-petani kita, saya tidak nampak ada cara-cara negara kita ini boleh maju dalam urusan ternakan ini. Jadi,

apa yang saya harapkan ialah supaya Kementerian ini dapat mengadakan kursus-kursus kepada penternak-penternak kita cara-cara hendak memelihara binatang ini dengan cara moden dan dengan cara yang lebih maju yang lebih baik. Kita tunjukkan wayang gambar menerusi Jabatan Penerangan bagaimana petani-petani di Negeri Belanda umpamanya, walaupun negeri itu sebesar Negeri Pahang, tetapi negeri Belanda telah dapat mengekspotkan susunya di merata dunia. Jadi, ini patutlah dengan cara kursus, dengan cara kita memberi tayangan wayang gambar, cara-cara petani di sana memelihara binatang-binatang. Bukan sahaja binatang itu dibuat kandangnya begitu elok dan bersih, tetapi binatang itu dimandi, disabun dan sebagainya, kerana menjaga kebersihan binatang-binatang peliharaan itu adalah sangat mustahak.

Jadi selain daripada mengadakan kursus dan dengan cara memberi tuntunan wayang gambar terhadap cara petani-petani luar negeri menjalankan ternakan mereka patut juga Kementerian ini mengadakan pertandingan binatang-binatang sihat. Selama ini saya belum dengar Kementerian ini ada mengadakan pertandingan kepada penternak-penternak yang memelihara binatang. Kalau kita tengok di Australia misalnya tiap-tiap tahun diadakan pertandingan lembu sihat dan para pemenang itu akan diberi hadiah yang tinggi. Ini cara yang menggalakkan. Kalau kita tengok dalam pertandingan itu seekor lembu ataupun kambing itu begitu besar. Setengah kambing yang mendapat kemenangan itu kita tengok bukan lagi kambing kalau kita bandingkan dengan binatang kita di sini, dia sama besar dengan anak-anak lembu kita di sini. Ini saya fikir adalah satu cara yang sangat baik untuk menggalakkan petani kita menternak dengan cara yang lebih moden dan dengan secara tidak langsung negara kita juga tidak payah lagi mengimpot binatang-binatang ternakan daripada luar.

Selain daripada itu, kita patut juga beri kursus mengenai tanda-tanda penyakit. Baru-baru ini di kawasan saya dalam Rancangan Buku Hijau termasuk juga petani-petani ini digalakkan untuk menternak. Ramai yang menternak ayam 1,000-2,000 ekor tetapi bila datang penyakit habis 1,000-2,000 ekor itu dalam masa tiga atau empat hari sahaja. Jadi patutlah kepada petani-petani kita ini diberi kursus cara mengenali bagaimana

tanda-tanda penyakit yang akan menyerang binatang-binatang ternakan itu. Misalnya, ayam itu melengong sahaja ataupun najisnya warna putih dan sebagainya. Jadi ini patut kita beri kursus supaya mengelakkan kerugian yang lebih besar kepada penternak-penternak kita.

Selain daripada itu, saya suka juga berharap kepada Kementerian ini iaitu kuasa yang diberi kepada Menteri Besar untuk membenarkan penyembelihan binatang-binatang ini sekiranya boleh Menteri Besar mewakili kuasanya kepada wakil rakyat. Perkara ini timbul ialah apabila orang-orang Melayu di luar-luar bandar dan di kampung-kampung yang jauh daripada pekan hendak mengadakan kenduri kahwin, b'asanya mereka menyembelih binatang-binatang ternakan sendiri. Mereka tidak membawa ke tempat penyembelihan yang sebenar. Jadi untuk membawa binatang-binatang mereka ke tempat penyembelihan yang sebenar itu memakan masa dan memakan perbelanjaan yang begitu banyak. Jadi, orang-orang ini saya fikir patut selain daripada wakil rakyat atau Penghulu juga dapat diwakili kuasa oleh Menteri Besar supaya ini tidak akan menyusahkan orang-orang kita di luar bandar yang jauh daripada tempat-tempat penyembelihan.

Saya rasa itulah sahaja pandangan saya dalam masaalah Akta ini.

4.07 ptg.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan juga sokongan kepada Rang Undang-undang ini dan di sini saya ingin menerangkan sedikit-sebanyak perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertamanya, Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyentuh tentang lembu pawah dan sebagainya. Perlu saya jelaskan di sini bahawa tujuan utama kita melancarkan rancangan lembu pawah dahulu adalah untuk menabur (redistribute) lagi bilangan ternakan di negara kita ini kepada kawasan-kawasan yang didapati sekarang berkurangan dengan ternakan yang dimaksudkan itu dan ternakan-ternakan itu diambil dari tempat yang dianggap mampu untuk membekalkan ternakan itu. Dan yang kedua ialah setelah

ternakan ini kita kembangkan atau biakkan di tempat-tempat yang lain, soal membaiki baka keturunan ternakan itu pula diatasi dengan cara permainan beradas dan di sini juga Ahli Yang Berhormat dari Kangar menyentuh bahawa ternakan yang dibekalkan itu adalah kurus dan sebagainya dan dikaitkan pula dengan cara-cara permainan beradas dan soal sex bagi ternakan itu.

Di sini saya ingin menerangkan bahawa berlainan sedikit keadaannya dengan kita manusia apabila kita hendak menjalankan rancangan keluarga bagi ternakan ini. Jadi soal samada ternakan itu didapati apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, berpuashati ataupun tidak, adalah satu perkara yang lain. Tetapi bolehlah saya tegaskan di sini kalau ternakan itu kurus bukanlah disebabkan oleh pengambil-alihan oleh artificial insemination ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar tentang ubat-ubat yang perlu dibekalkan sendiri oleh pihak Kerajaan dan usaha-usaha dalam perkara ini sudah pun dijalankan malah penyelidikan dijalankan bagi kita membekalkan ubat-ubat suntikan kita sendiri di Instituti Penyelidikan Haiwan di Ipoh. Sehingga ini instituti tersebut telahpun berjaya membekalkan suntikan ayam bagi membasmi penyakit puru dan mulut kambing. Ianya telah dapat dijayakan dan dibekalkan oleh instituti ini. Tetapi bagi penyakit-penyakit yang begitu merbahaya seperti swine fever bagi babi tidaklah dapat dibekalkan oleh instituti ini pada masa sekarang oleh sebab ini akan menimbulkan bahaya kepada pekerja-pekerja kalau salah dikawal.

Penyakit-penyakit seperti swine fever telahpun dibekalkan suntikan oleh instituti tetapi bagi suntikan penyakit rabies ataupun anjing gila tidak dapat diadakan oleh Instituti Penyelidikan Haiwan. Ini memandangkan ianya memerlukan satu teknik yang lebih tinggi lagi pengawalannya.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah menyentuh tentang bantuan-bantuan Kerajaan yang gagal disebabkan penyakit-penyakit. Saya kurang faham apakah maksud Ahli Yang Berhormat bahawa kalau kegagalan terdapat di kalangan ternakan lembu pawah oleh sebab penyakit, ini adalah tidak benar kerana perangkaan itu kecil iaitu adalah dianggap normal, dan selain daripada

ternakan-ternakan ini terlebih dahulu diperiksa dalam segi kesihatan sebelum dibekalkan kepada penternak-penternak. Dan juga kalau dari segi penyakit ternakan secara umum dua langkah yang telah dibuat, iaitu pertama dengan adanya pendaftaran doktor-doktor haiwan melalui Akta Veterinar baharu-baharu ini. Ini kita akan menyusun profession bagi menentukan bahawa ternakan-ternakan di negara kita benar-benar memberi rawatan yang sesuai. Dan selain daripada itu pegawai-pegawai dalam Jabatan Haiwan telahpun diberi arahan untuk membuat lawatan di sekitar kawasan di luar bandar ataupun dalam bandar bagi menentukan kawalan-kawalan yang dikehendaki itu dapat dijalankan. Perkara ini telah juga disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput.

Berkenaan dengan harga daging, ini adalah satu perkara yang terkeluar daripada kawalan Jabatan Haiwan, tetapi pihak Kementerian melalui MAJUTERNAK sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini selain daripada usaha Jabatan mengadakan bilangan ternakan yang cukup. MAJUTERNAK mengawal harga dan pemasaran daging lembu dan lain-lainnya. Hingga hari ini MAJUTERNAK telahpun berjaya untuk menurunkan harga daging yang dahulu naik melambung tinggi menjadi \$3.80 sekati. Bagi keperluan memberi latihan kepada penternak-penternak pula yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak juga, dalam hal ini terdapat hanya satu Pusat Latihan Menternak Lembu iaitu di Ayer Hitam dan kita sedar bahawa kemudahan yang dapat diberi di sana adalah terhad dan kita berharap kemudahan akan dapat dikembangkan lagi di mana banyak bilangan penternak-penternak lembu akan dapat dilatih di pusat ini. Sebaliknya latihan bagi penternak-penternak ayam yang mempunyai dua pusat dan dapat melatih seramai 250 orang setahun dan rancangan ini telahpun berjalan sejak lebih daripada 5 tahun yang sudah dan didapati kejayaan telahpun dicapai dalam usaha kita untuk memperbaiki lagi penternak-penternak ayam ini dan saya berharap ini telah menjawab atas kemuskilan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau iaitu jika masih terdapat ada penternak-penternak di kawasan beliau yang berkehendakkan kursus-kursus diberi, kita boleh susunkan samada mereka ini mengikuti kursus-kursus di pusat-pusat

yang berkenaan ataupun kursus-kursus yang lain yang dijalankan dari satu masa ke satu masa.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Sepang, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas perhatian berat beliau memandangkan daripada segi kepentingan technical problem berkaitan dengan Rang Undang-undang iaitu dari segi aspek legalitinya. Dalam hal ini, saya telahpun difahamkan sungguhpun ada perbezaan atas perkataan Menteri Besar—Chief Minister dan Ketua Menteri di fasal-fasal yang berkenaan, di sini saya ingin menerangkan bahawa section 4 dalam Rang Undang-undang ini adalah pindaan kepada peruntukan yang sedia ada dalam Ordinan Binatang, 1953 dan Ordinan ini ditetakkuk kepada Interpretation Ordinance, 1943 dalam mana takrif Chief Minister juga termasuk Menteri Besar. Peruntukan-peruntukan yang lain dalam Ordinan Binatang yang tersedia ada tidak dipinda dan masih lagi menggunakan takrif Chief Minister sahaja. Manakala section 10 dalam Rang Undang-undang yang sedang dibincangkan ini tidak meminda apa-apa peruntukan yang sedia ada dalam Ordinan Binatang, 1953 dan ditetakkuk kepada Interpretation Act, 1967 di mana Chief Minister tidak ditakrifkan.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput, telah menyentuh tentang kekurangan pegawai-pegawai dan lawatan yang dibuat, di sini perlu saya tegaskan bahawa tiap-tiap pegawai Kerajaan yang berkenaan adalah menjadi tugas kepada mereka membuat lawatan-lawatan, terutama sekali kalau jenis pekerjaannya memerlukan lawatan dibuat dan jika terdapat sebarang kekurangan lawatan ini bagi Jabatan Haiwan ada kaitannya sedikit dengan kekurangan pegawai dan kakitangannya, tetapi sebarang jawatan yang ada pada Jabatan ini segala usaha-usaha sedang kita ambil untuk dipenuhi. Memandangkan masalah ini juga, maka Kerajaan telah berusaha melalui Universiti Pertanian mengadakan satu Fakulti Haiwan dan kita berharap apabila penuntut-penuntut kita lulus dari fakulti ini nanti ianya akan dapat mengatasi kekurangan pegawai-pegawai kita, dan juga kita berharap masalah-masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput tentang pengiktirafan ijazah daripada luar negeri pun akan berkurangan memandangkan

lebih banyak lagi penuntut-penuntut yang berkelulusan daripada universiti-universiti negara kita sendiri. Dan tentang perbezaan pengiktirafan bagi doktor-doktor haiwan yang lulus daripada United Kingdom, India, Pakistan dan lain-lainnya itu, perkara ini sedang dikaji oleh satu jawatankuasa Kerajaan bagi pengiktirafan ijazah-ijazah daripada luar negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah menimbulkan kekhuatiran tentang penyelarasan di antara dua negeri di mana dalam tiap-tiap negeri itu adalah Menteri Besar itu mempunyai kuasa bagi membuat pengisytiharan tentang kawalan mencegah penyakit ataupun menentukan bayaran-bayaran bagi mendapatkan lesen-lesen.

Tentang kemusykilan beliau yang pertama, berhubung dengan penyelarasan, syukur Alhamdulillah sehingga ini masalah ini tidak timbul, dan kita yakin bahawa masalah ini tidak akan timbul di masa-masa yang akan datang memandangkan bahawa kerjasama di antara Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri sangatlah baik, terutama sekali dalam hal ini di mana masalah yang dihadapi adalah masalah penyakit yang jikalau tidak dikawal akan menimbulkan kesusahan kepada penternak-penternak kita sendiri. Dan tentang perbezaan pembayaran-pembayaran lesen di antara satu negeri dengan negeri yang lain, ini adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan kerana sehingga sekarang ini masih terdapat lagi perbezaan tentang keadaan-keadaan dalam satu-satu negeri, terutama sekali dari segi bilangan dan keadaan-keadaan ternakan dan sebagainya. Sudah tentulah di mana galakan diberi, di mana negeri-negeri menggalakkan supaya binatang-binatang ternakan itu dipindah-pindahkan, sudah tentu kita dapati yang lesennya lebih rendah lagi daripada negeri di mana bilangan ternakannya sangatlah berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Renggam telah menimbulkan kecurigaan tentang Fasal 4 (8) Rang Undang-undang ini, di mana compensation tidak diberi kepada tuanpunya-tuanpunya ternakan yang telah diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan. Dalam hal ini bukan sahaja soal compensation sahaja, malahan denda juga dikenakan kepada mereka-mereka yang berkenaan kerana timbulnya Seksyen 4 (8) ini

adalah oleh sebab kecuaiannya ataupun disengajakan oleh penternak-penternak untuk melanggar larangan yang dikenakan bagi mencegah penyakit-penyakit itu seperti yang diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang ini. Langkah-langkah ini sendiri telahpun disokong penuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang pula telah menimbulkan soal binatang-binatang yang berkeliaran di bandar-bandar tanpa kawalan. Di sini ingin saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Seksyen 46 dalam Ordinan Binatang, 1953 ini di mana kuasa-kuasa ke atas ternakan-ternakan dalam Majlis-majlis Bandaran ataupun Municipality telahpun diberi kepada Pengerusi-pengerusi Lembaga berkenaan ini. Kuasa-kuasa itu boleh didelegatikan kepada pegawai-pegawai Polis ataupun pegawai-pegawai Haiwan. Ini terserahlah, kerana kuasa-kuasa ini ada kepada Pengerusi yang berkenaan dan kita berharap, Pengerusi-pengerusi berkenaan ini akan dapat melaksanakan tugas-tugas yang sewajarnya.

Mengenai masalah pemeliharaan babi, kita sedar bahawa ini adalah satu masalah yang rumit di mana bukan sahaja binatang itu sendiri akan masuk ke kawasan-kawasan yang tidak diingini, terutama sekali oleh saudara-saudara kita yang beragama Islam, tetapi juga kawalan dari segi najis yang dialirkan oleh air itupun menjadi masalah yang besar. Sehingga ini Jabatan ataupun Kementerian ini belum lagi mempunyai sebarang kuasa bagi mengatasi masalah ini, tetapi kita berharap memandangkan ini adalah salah satu masalah yang begitu besar, yang memerlukan perasaan persefahaman demi kepentingan perpaduan di negara kita ini. Kita berharap dengan adanya kerjasama yang rapat di antara semua golongan di negara kita ini, perkara ini akan dapat diatasi tanpa sebarang tindakan undang-undang diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menimbulkan beberapa masalah, terutama sekali tentang perlesenan ataupun memberi lesen, dog tax kepada anjing-anjing. Peruntukan dan penerangan ada diberi dalam Seksyen 38, Ordinan Binatang, 1953 dan tentang masalah Ahli Yang Berhormat timbulkan itu, terdapat loop-hole dan sebagainya dan kadangkala rumit untuk diberikan supaya anjing-anjing ini mendapat

lesen, terutama sekali kata beliau kalau ada anjing-anjing yang dibawa tidur. Sama pula dalam hal ini, saya minta maaf, kerana sedangkan manusia sendiri pun kita tidak dapat kawal kalau perkara-perkara seperti itu berlaku, masakan dengan anjing pula.

Satu perkara yang penting yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan ribuan terima kasih iaitu masalah quarantine dan pengiktirafan certificates yang telah dikeluarkan oleh pihak-pihak yang berkuasa daripada negara-negara yang mengeluarkan ataupun yang menghantarkan ternakan ini. Sungguhpun kita mempunyai persetujuan dan persefahaman dengan negara-negara asing yang membawa ataupun yang menghantar binatang ternakan kepada negara kita ini dalam hal kawalan penyakit tetapi didapati adalah perlu diadakan double check sungguhpun pemeriksaan telahpun dibuat di tempat-tempat ataupun di negeri yang menghantar, tetapi apabila ternakan ini sampai umpamanya di pelabuhan kita, terpaksa juga tindakan quarantine diambil. Kerana daripada pengalaman-pengalaman kita terdapat ada jenis-jenis penyakit yang telahpun dijamin tidak didapati di kalangan ternakan sebelum dihantar daripada negara-negara yang menghantarnya, tetapi dalam tempoh perjalanan dalam kapal umpamanya mungkin memakan masa sebulan atau dua bulan, ada kemungkinan besar ternakan-ternakan itu diserang oleh penyakit. Salah satu daripada contohnya ialah penyakit contagious abortion misalnya dan juga terdapat jenis-jenis penyakit di mana tidak mungkin terdapat di satu-satu negara itu tetapi mungkin, besar kemungkinannya akan terdapat di kalangan ternakan-ternakan itu apabila sampai ke negara kita ini. Oleh sebab itu bagi mengelakkan sebarang kerosakan kepada ternakan-ternakan yang dibawa masuk dan seterusnya supaya ternakan-ternakan yang lain yang menunggu di negara kita ini, tindakan quarantine terpaksalah diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ada juga menyentuh tentang anjing-anjing dan binatang-binatang ternakan yang melanggar. Sungguhpun ini mungkin pada pandangan kita adalah kecil, tetapi dari segi kemungkinan pengembangan penyakit atau pembiakan penyakit adalah besar, oleh sebab itu pihak yang berkenaan tidak mengambil sebarang tindakan untuk membersihkan jalan-jalanraya apabila anjing-anjing ataupun

ayam-ayam dilanggar selagi didapati bahawa bangkai-bangkai ini tidak menjadi punca kepada pembiakan penyakit. Tetapi sebaliknya jikalau didapati satu epidemic umpamanya epidemic anjing gila di sesuatu kawasan itu jadi apabila didapati ada anjing-anjing yang didapati telah mati dilanggar di tepi atau di tengah-tengah jalan tindakan-tindakan sewajarnya adalah diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Besut, pada hari ini telah menyentuh tentang padang ragut dalam hal ini ingin saya tegaskan bahawa Yang Berhormat Encik Abdul Ghafar selaku Menteri yang berkenaan telahpun mengarahkan supaya tindakan yang wajar diambil ke atas apa yang dipanggil grazing reserve ini. Tetapi malangnya daripada kajian ini, kita dapati bahawa padang ragut (grazing reserve) sebenarnya bukanlah semuanya sesuai untuk digunakan sebagai padang ragut. Didapati ada banyak di antara grazing reserve ini adalah kawasan-kawasan yang telah didapati oleh Kerajaan British dahulu tidak sesuai diberi untuk pembukaan ladang ataupun untuk kegunaan yang lain, maka diketepikan sebagai grazing reserve. Oleh sebab itu, banyak di antara grazing reserve sekarang ini kita dapati tidak sesuai dan di mana terdapat keluasan adalah kecil umpamanya, 30 atau 40 ekar ke bawah bagi satu-satu grazing reserve ini. Kita telahpun memberi kebenaran supaya ini dilepas kepada Kerajaan Negeri bagi kegunaan-kegunaan mereka sendiri untuk penduduk-penduduk tempatan bercucuk tanam ataupun membuat ternakan sendiri ataupun sebagainya. Tetapi dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga kita mempunyai rancangan-rancangan yang tertentu bagi kawasan-kawasan padang ragut ini, terutama sekali kawasan-kawasan yang ekonomik dan sesuai. Tentang perubahan-perubahan sikap bagi penternak-penternak kita, usaha-usaha sedang dijalankan dan saya setuju bahawa usaha-usaha ini perlu di giatkan lagi dan usaha ke arah ini sedang dijalankan.

Atas permintaan Ahli Yang Berhormat dari Besut sendiri saya tidak akan menjawab dengan panjang lebar atas perkara yang ditimbulkannya tadi, tetapi besar kemungkinan mengikut keterangan itu tadi bahawa ternakan itu telahpun menghadapi penyakit yang agak rumit sedikit atau kompleks sedikit iaitu hemorrhagic septicemia. Walau bagaimanapun, atas permintaan beliau dan juga me-

mandang atas seriousness hal ini, satu siasatan akan dibuat ke atas kes yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Besut bahawa Jabatan Haiwan sedang mengatur rancangan bagi menggalakkan ternakan kerbau, kerana sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu yakin bahawa ternakan kerbau ini adalah menjadi satu perkara yang mungkin menjadi kebiasaan kepada kebanyakan penduduk-penduduk kita, terutama sekali penduduk-penduduk di luarbandar di kawasan yang pernah menanam padi pada masa-masa ini. Pihak MARDI juga sedang menjalankan siasatan bagi ternakan kerbau ini.

Ahli Yang Berhormat dari balik Pulau telah menimbulkan tentang mewakili kuasa-kuasa dari Menteri Besar kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Wakil Rakyat. Dalam hal ini, pada pendapat kita bahawa kerja-kerja itu sungguhpun hanya memerlukan pengeluaran kebenaran dan sebagainya, tetapi tanggungjawab yang dipikul juga berkaitan dengan kebenaran kebenaran ini adalah berat dan malah masih juga terdapat di kalangan pegawai-pegawai yang melaksanakannya itu yang sepatutnya mempunyai fahaman yang penuh masih lagi belum dapat menjalankan tugas dengan sempurna, masakan pula kita mesti membebaskan tanggungjawab ini kepada Wakil-wakil Rakyat. Dengan sebab itu, bagi sementara waktu ini biarlah tugas-tugas ini diteruskan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan yang telahpun mempunyai tugas-tugas yang tertentu ini.

Ahli Yang Berhormat dari Mantin telah menimbulkan satu masalaah yang saya sendiri pun sedar apabila saya menengok Ordinan ini, dan dalam hal ini sebelum sebarang perubahan atau sebagainya diambil perlu saya tegaskan sungguhpun terdapat di sini tentang forfeiture ataupun rampasan, tetapi tujuan utama bukanlah seperti apa yang berlaku di dalam rampasan dan dalam Akta Kastam umpamanya. Di sini apa yang penting adalah kawalan bagi membolehkan tindakan-tindakan sewajarnya diambil ke atas kenderaan ini daripada segi penyakit. Dalam keadaan sekarang ini di mana tidak dimasukkan rampasan ataupun penahanan bagi conveyance ataupun kenderaan ini hanya disebutkan tentang ternakan, bangkai ataupun burung-burung sahaja di dalam Ordinan di mana kita membincangkan

tentang kawalan penyakit dan sebagainya. Tetapi kemungkinan ini sangatlah besar apabila satu-satu kenderaan itu digunakan bagi mengangkut binatang-binatang ternakan yang diketahui mengidapi penyakit-penyakit yang boleh berjangkit, maka besar kemungkinan kenderaan-kenderaan itu juga boleh menjadi salah satu carrier kepada penyakit-penyakit itu dan oleh sebab itu tindakan-tindakan yang sewajarnya perlu diambil ke atas kenderaan ini supaya membolehkan langkah-langkah yang sesuai diambil. Sungguhpun dalam Animals Ordinance ini terdapat dalam Fasal 74 (3) tentang tindakan oleh majistret dan sebagainya, tetapi inginlah saya tegaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini bahawa maksud utama bukanlah untuk merampas, tetapi bagi membolehkan tindakan-tindakan yang sesuai diambil. Jikalau kesalahan itu adalah begitu besar, umpamanya satu kesalahan yang boleh memusnahkan ternakan di negara kita ini, jikalau timbul satu keadaan seperti itu, jadi bukan soalnya forfeiture of vehicle sahaja yang akan terlibat, tetapi masaalah-masaalah lain yang besar pun terpaksa ditimbang. Ini terpulanglah kepada satu kesalahan yang serious dilakukan.

Itulah sahaja penerangan ringkas yang dapat saya beri tentang pandangan-pandangan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengemukakan satu Rang Undang-undang bagi meminda Kanun Tanah Negara, 1965, dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan pindaan ini ialah menambahkan sedikit kekurangan yang didapati di dalam Seksyen 101, 102, 211 dan 438 Kanun Tanah Negara. Sukacita saya mengambil peluang di sini menghuraikan dengan secara ringkas tujuan dan pindaan kepada 4 Seksyen Kanun Tanah Negara itu mulai dengan Fasal 2 seperti yang tercatat di dalam Rang Undang-undang tersebut.

Fasal 2 berkenaan dengan Seksyen 101 Kanun Tanah Negara. Seksyen 101 Kanun Tanah Negara adalah suatu peruntukan bagi pihak berkuasa Negeri mengubah hasil-hasil ataupun cukai tanah milik dari semasa ke semasa. Cara tindakan menurut peruntukan ini ialah bagi pihak berkuasa Negeri menetapkan kadar-kadar hasil tanah bagi beberapa jenis tanah dan samada menambah atau mengurangkan hasil-hasilnya ataupun mengenakan kadar hasil yang baru. Setelah senarai kadar-kadar hasil itu ditetapkan pihak berkuasa Negeri akan mengarahkan supaya senarai tersebut diwartakan di dalam *Warta Kerajaan Negeri* untuk makluman orang ramai. Setelah diwartakan tindakan boleh diambil oleh Pemungut-pemungut Hasil Tanah untuk mengubah hasil-hasil berkenaan. Seterusnya Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengambil tindakan menyemak kadar hasil-hasil tanah yang lama itu dan mencatatkan hasil-hasil baru mengikut kadar yang diwartakan itu menurut pindaan hasil the Provision of Rent yang berkuatkuasa mulai 1hb Januari 1970, tetapi perbuatan Pemungut-pemungut itu tidak bersandar kepada sesuatu peruntukan undang-undang yang menghendaki mereka berbuat demikian kerana sehingga ketika ini peruntukan baginya tidak ada di dalam Kanun Tanah Negara. Ini adalah merupakan satu kekurangan maka tujuan tambahan Seksyen-kecil (6) kepada Seksyen 101 seperti dinyatakan di dalam Rang Undang-undang ini adalah untuk mengadakan satu peruntukan bagi

peruntukan undang-undang menghendaki Pendaftar atau Pemungut Hasil Tanah meminda dengan cara mencatatkan hasil-hasil baru itu di dalam semua surat-surat milik dan seterusnya tiap-tiap perubahan yang dicatitkan itu akan pula dimasukkan kenyataan kuasanya dengan tarikh dan tandatangannya.

Fasal 3 berkenaan dengan Seksyen 102 Kanun Tanah Negara. Seksyen 102 Kanun Tanah Negara membolehkan pihakberkuasa Negeri mengubah hasil bagi tanah-tanah yang diberi milik sebelum berkuatkuasanya Kanun Tanah Negara dalam tahun 1966 menurut kadar standard rate yang ditetapkan di dalam peraturan tanah Negeri masing-masing. Tindakan menurut peraturan ini telahpun diambil oleh Negeri-negeri semenjak 1966 iaitu semenjak bermulanya Kanun Tanah Negara melalui arahan dari pihakberkuasa Negeri masing-masing dan mengarahkan supaya semua Pendaftar atau Pemungut Hasil Tanah mengambil tindakan menyemak kadar hasil yang kurang daripada standard rate dan menaikkannya kepada standard rate bagi sesuatu jenis tanah, tetapi perbuatan Pendaftar atau Pemungut-pemungut itu tidak bersandar kepada sesuatu peruntukan undang-undang yang menghendaki Pendaftar atau Pemungut Hasil Tanah itu mencatatkan di dalam surat-surat milik hasil baru bagi sekeping tanah menurut kadar standard rate. Dengan ketiadaan peruntukan undang-undang tersebut maka inilah disyorkan supaya Seksyen-kecil (10) bagi Seksyen 102 itu diwujudkan untuk menghendaki Pendaftar atau Pemungut Hasil Tanah meminda dengan cara mencatatkan hasil-hasil baru mengikut standard rate di dalam semua surat-surat milik yang terlibat dan seterusnya beliau dikehendaki memasukkan kenyataan kuasanya dengan tarikh dan tandatangannya bagi perubahan yang diperbuat olehnya itu.

Fasal 4 berkenaan dengan Seksyen 211 (1) Kanun Tanah Negara. Mengikut Seksyen 211 (1) Kanun Tanah Negara pada masa ini Seksyen tersebut membenarkan State Commissioner, the Registrar, any Collector dan any officer of the Court sahaja menyiapkan (execute) sesuatu suratcara urusan dengan tidak payah tandatangan mereka disaksikan sebagai keistimewaan (provisé) di dalam undang-undang tersebut. Pindaan yang dicadangkan sekarang ini adalah untuk me-

nambah bilangan (v) the Official Administrator kepada Seksyen tersebut untuk membolehkan pegawai ini menyiapkan sesuatu suratcara urusan (the instruments of dealing) dengan tidak payah tandatangannya sendiri itu disaksikan. Dengan adanya tambahan baru ini maka proses pentadbiran pusaka dapat dipercepatkan.

Fasal 5 berkenaan dengan seksyen baru 438A Kanun Tanah Negara. Seksyen baru 438A Kanun Tanah Negara ini adalah bertujuan memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mengubahsuai mana-mana peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara untuk dipakai bagi Wilayah Persekutuan, walaupun kuasa mengubahsuai Kanun Tanah Negara untuk dipakai bagi Wilayah Persekutuan itu telahpun diperuntukkan menurut Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1973 tetapi kuasa-kuasa tersebut adalah terhad bagi Undang-undang Kanun Tanah Negara yang ada sehingga 1hb Februari, 1974 sahaja iaitu bila mana Wilayah Persekutuan ditubuhkan. Ini bermakna Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak boleh menggunakan kuasanya di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 bagi membolehkan pindaan yang dibuat kepada Kanun Tanah Negara selepas 1hb Februari, 1974 dipakai bagi Wilayah Persekutuan. Sebagai contoh di dalam Kanun Tanah Negara sekarang ini ada satu peruntukan 439 yang memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengubahsuai Kanun Tanah Negara untuk dipakai bagi Negeri-negeri Pulau Pinang dan Melaka.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.48 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap sepatah dua dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan dan di samping ini, saya ingin bercakap dalam Bahasa Malaysia dan mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya hendak menyentuh sedikit tentang Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan yang mana ada dilindungi atau dibatalkan dalam Fasal 5. Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan boleh dikatakan ditubuhkan right from the scratch apabila Wilayah Persekutuan dibentuk pada 1hb Februari, 1974, dan oleh itu ada beberapa masaalah yang perlu dihadapi atau diatasi oleh pegawai-pegawai Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerjasama daripada pegawai-pegawai khasnya kepada pegawai tinggi daripada Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan tetapi saya hendak menarik perhatian Timbalan Menteri yang berkenaan atas beberapa kesulitan atau kerumitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk atau hakmilik yang ada tanah di Wilayah Persekutuan. Seumpamanya, Kampung Baru Jinjang.

(Dengan izin) Jinjang, of course, is one of the earliest new villages to be established in this country and certainly is the biggest new village. Even today, long after the Government, whether it be the State Government or the Federal Government, had declared that the people will be given Qualified Titles, there are quite a number of people who have not been given Qualified Titles and the reason is simple—because of this change. Jinjang was formerly under the State Government. Now it is part and parcel of the Federal Territory and, therefore, it comes under the new Land Office that has been established. Then when the people go to the new Land Office in the Wilayah Persekutuan, they are told, “Look here, your file is not here. It is in Jinjang”. And of course when they go to the Jinjang Office, it no longer is the Kepong Sub-District Office. In Jinjang North the whole area has been turned into a complex for the Gombak District Office. So when they go there, they say: “Look here, the files are not here”. So the poor resident in Jinjang shuttles between Jinjang and Kuala Lumpur. He goes up, and down and then he comes to see me, quite rightly, and I ask the officials, “Apa macam, penduduk di sini pergi ke sana disuruh dia datang ke pejabat anda, kakitangan rendah kata tidak ada di sini, pergi ke Jinjang.” So he shuttles up and down. I do hope that the Honourable Deputy Minister will use his good offices to see that all the files, be they

from Jinjang or from its surrounding areas—there are lots of areas that have been given to squatters e.g. in Jinjang Utara Tambahan. Jinjang Selatan Tambahan and the whole area there which might have been in the possession of the Selangor State Government before the establishment of the Federal Territory should be transferred to the Land Office in Wilayah Persekutuan and anyone who wants to ask about matters relating to their land titles should not be shuttled between Jinjang North which, I reiterate again, is now the office of the Gombak District of Selangor, but should be directed to the Land Office in Wilayah Persekutuan. If they go up to Wilayah Persekutuan Land Office, they should not be sent anywhere else. If the files are not there, then it is not the poor chap who is looking for his land title who is at fault but it is the Land Office in the Wilayah Persekutuan which should go and look for the files because the poor chap does not know where his file is. He has not got a clue as to how Government conducts its business.

If, Mr Speaker, Sir, the Land Office in Wilayah Persekutuan accepts this as a matter of principle, then it will save the residents in Wilayah Persekutuan—quite a number of them come from my own constituency of Kepong—a great deal of trouble because then they do not have to shuttle up and down.

4.55 ptg.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang (Kuala Krai): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Kanun Tanah Negara, 1965.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita diberi maklum oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan bahawa Rang Undang-undang ini bertujuan antara lain ialah memberi kuasa kepada pihak Pendaftar untuk mengubah “amount of quite rent” ataupun hasil di dalam “title” tanah masing-masing. Sukacitalah saya membuat beberapa cadangan di sini berhubung dengan pungutan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, Akta tersebut memberi kuasa kepada pihak yang berkenaan khususnya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan undang-undang di

Wilayah Persekutuan dan menguatkuasakan Kanun Tanah Negara di dalam Wilayah tersebut. Sukacita saya mencadangkan di sini bahawa oleh kerana terdapat banyak tanah-tanah di dalam Wilayah Persekutuan ini dipunyai mungkin oleh badan-badan berkanun, oleh pihak Kerajaan sendiri ataupun oleh orang-orang perseorangan yang telah mempunyai bidang perniagaan yang kaya raya, yang menguntungkan, supaya pihak Kerajaan mengenakan cukai yang tinggi di dalam kawasan-kawasan tersebut, khususnya dalam Wilayah Persekutuan, dan hatta kepada badan-badan berkanun ataupun pihak Kerajaan sendiri yang mempunyai tanah milik di dalam kawasan itu ataupun yang mempunyai tanah secara "lease" atau pajakan atau sebagainya.

Selain daripada itu, apa yang kita dapati sekarang ialah kedudukan hasil. Penyemakan hasil yang telah dijalankan oleh beberapa buah negeri di Malaysia ini ternampak sangat berbeza. Adapun soal "standard rate" yang dikemukakan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah mengenai dalam negeri masing-masing yakni cukai dikenakan atas kadar jenis tanah, umpamanya tanah pertanian, tanah tapak rumah, tanah padi dan sebagainya. Jadi ternampak bagi kita bahawa ada jurang perbezaan antara negeri dengan negeri. Ini saya rasa, akan membangkitkan suatu masalah rumit di mana akan berlaku suatu "mobility of agricultural ownership" ataupun suatu penghijrahan di kalangan pemilik-pemilik tanah di antara satu negeri dengan satu negeri, terutamanya kalau didapati hasil tanah di dalam negeri itu agak kurang daripada negeri tempat asal ia bermastautin. Ini akan membangkitkan juga suatu implikasi kepada pemerintahan tanah secara haram di seluruh negara kerana pergerakan sedemikian (mobility of agricultural farmers) akan berlaku sebagaimana yang berlaku sekarang ini umpamanya antara negeri A dengan negeri C dan saya tidak perlulah menyebutkan di sini, saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat pun tahu di mana berlakunya.

Yang kedua, saya ingin bangkitkan di sini, ialah berkenaan dengan penyelesaian tanah secara haram. Saya menyebutkan soal penyelesaian tanah secara haram ini ialah kerana kalau tanah-tanah yang dibuat permohonan selama berpuluh-puluh tahun lamanya tidak dapat diselesaikan oleh pihak Pejabat Tanah di seluruh negara maka cukai yang dapat

kita kutip daripada penyelesaian tanah haram itu tidak dapat dikutip dan ini amat mengurangkan hasil negara kita sendiri. Selain daripada itu pula ialah, saya suka mencadangkan kepada pihak yang berkenaan sungguhpun perkara ini berada di dalam bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri namun kalau pihak Kementerian Tanah umpamanya dapat mengeluarkan arahan supaya menubuhkan satu task force—satu jawatankuasa petugas—untuk menyelesaikan masalah tanah haram yang berbangkit di seluruh negara sekarang ini dan tidak pula mengenakan kepada setengah-setengah pemohon-pemohon tanah yang memerintahnya secara haram sedangkan dia membuat deposit, membuat permohonan tetapi akhirnya setelah tanah itu diluluskan dia dikenakan denda umpamanya. Saya rasa ini satu perkara yang besar, yang mengakibatkan menjadi masalah yang rumit bagi Pendaftaran Tanah seluruh negara.

Saya suka juga menyentuh soal cukai pelajaran. Di sini saya rasa ada bersangkutan dengan cukai dalam Akta ini. Saya dapati bahawa cukai pelajaran yang dikenakan sekarang ini kepada tanah-tanah di Persekutuan iaitu di negeri-negeri ternampak amat kecil kalau hendak dibandingkan dengan cukai-cukai lain. Umpamanya tanah getah di Kelantan cukai pelajarannya lebih kurang satu ringgit satu ekar sedangkan ada jenis-jenis tanah lain tidakpun dikenakan cukai pelajaran langsung; dikecualikan. Saya memandang perkara ini bukan dari segi untuk menyusahkan pemilik-pemilik tanah tetapi dari segi untuk memperbanyakkan kewangan negara supaya dengan ini dapatlah kita menjalankan projek-projek pembangunan tanpa meminta-minta hutang daripada negeri-negeri lain.

Saya juga suka memberi sedikit pandangan berhubung dengan soal-soal pendaftaran tanah. Berbangkit sekarang ini ada orang berkata bahawa "registration fees" (pendaftaran tanah) selepas daripada dilakukan pertukaran milik secara jual ataupun secara gadai, ada setengah-setengah tempat kita dapati bahawa jumlah bayaran pendaftaran itu cuma \$10 sahaja satu lot. Sedangkan cukai setem secara peratus iaitu kalau \$1,000 harganya \$10. Saya rasa ini adalah satu perkara yang harus dikaji semula oleh pihak yang berkenaan kerana kalau inisbahkan kepada tanah-tanah yang berharga mahal

umpamanya satu ringgit satu kaki persegi dibuat pertukaran secara jual-beli sepatutnya bayaran pendaftaran dikenakan atas kadar peratus harga tanah itu. Saya suka mencadangkan di sini pihak Kerajaan memikirkan supaya mengenakan cukai, bayaran pendaftaran dengan banyak, khususnya secara peratus harga tanah. Kalau sekiranya harga tanah itu \$10,000 kita kenakan sebanyak 5% atau sebagainya, sebagaimana yang dikenakan dengan cukai setem di atas nilai tanah itu sendiri.

Bersabit dengan "survey fees," partition" dan belanja "sub-division" ini, saya rasa sangat teruk bagi pemilik-pemilik tanah menyelesaikan untuk membayar harga partition atau sub-division setengah-setengah tanah yang dicadangkan untuk dibuat rancangan rumah murah, umpamanya. Dan selain daripada itu, ada terlewat pula kejadian penyelesaian sub-division atau partition ini. Ini haruslah pihak Kerajaan memikirkan sesuatu cara untuk mengurangkan bayaran-bayaran survey fees, sub-division, partition itu, kerana kita dapati kadang-kadang sesuatu tanah yang dibuat oleh setengah pemohon tanah yang laparkan tanah itu, kadang-kadang kita lihat "premium" atau harga tanah itu lebih rendah daripada belanja sukat-menyukat ataupun harga batu. Ini saya rasa lebih tidak menyenangkan rakyat, selain daripada ada di setengah-setengah tempat yang pemohon itu sendiri setelah dia memerintahkan tanah secara haram, dia dikenakan pula denda perintah haram, dicampur pula dengan upah sukat, harga batu yang mahal dan sebagainya itu. Ini akan membebankan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan di sini kalau dapat saya buat cadangan walaupun perkara ini agak novel agak luar biasa sedikit, yakni saya suka mencadangkan suatu jenis land reform di Malaysia ini. Walaupun saya rasa perkara ini agak tidak menasabah, tetapi haruslah difikirkan oleh National Land Council atau pihak Kementerian agar memikirkan bagaimana kita mengubah sistem yang ada sekarang ini. Sistem yang kita pakai sejak zaman colonial British lagi, barangkali hal ini tidak pernah dikaji lagi. Umpamanya, dalam soal jawab antara Yang Berhormat dari Dungun dengan Timbalan Menteri berkenaan tadi mengatakan bahawa kita masih belum lagi mempunyai suatu undang-undang menyekat orang-orang asing untuk membeli

tanah-tanah umpamanya. Ada pula perkara misalnya, ladang-ladang getah yang banyak di Malaysia samada ia menjadi "private ownership" atau "public ownership," saya rasa perkara ini harus dikaji semula, khususnya mengenai Land Acquisition Act, 1961. Saya rasa Akta ini harus diperbaiki kerana di dalam Akta ini kita dapati bahawa "public utility" atau "public use" untuk Kerajaan mengambil tanah-tanah "public ownership" atau "private ownership" atau orangramai dan sebagainya kerana untuk kepentingan Kerajaan, untuk kepentingan awam seperti tapak masjid, tapak sekolah dan sebagainya. Saya rasa soal pentafsiran "public utility" atau "public use" untuk orang awam ini harus diluaskan (extend) kepada ladang-ladang getah yang besar. Sekiranya dapat Kerajaan lakukan suatu pengambilan balik tanah secara besar-besaran, tanah yang dipajak oleh syarikat-syarikat besar yang tidak payah saya sebutkan namanya, kalau ada, walaupun secara "private ownership" bolehlah kita bagikan tanah-tanah itu kepada rakyat supaya dijadikan perladangan awam umpamanya. Saya suka mencadangkan kalau tidakpung land reform sepenuhnya, haruslah sedikit-sebanyak kita mengkaji beberapa buah negara di Timur Tengah menjalankan sekatan tertentu terhadap pemilik tanah untuk melarikan diri daripada ujudnya suatu jenis manusia yang bernama "absentee landlordism" yang berlaku dalam kurun XVII-XVIII di Eropah dan sebagainya. Di Malaysia ini kalau kita tidak mempunyai sekatan ke atas pemilik tanah, mungkin berlaku pada suatu hari, apa yang saya sebutkan tadi "absentee landlordism" dan sebagainya kerana Kerajaan tidak dapat menyekat orang-orang asing membeli tanah sedangkan mereka itu sudah kaya-raya mempunyai berpuluh ribu ekar tanah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya sukacita mencadangkan pada pihak Kerajaan di sini supaya pentadbiran tanah itu sendiri dikhususkan ataupun diprofessionalise oleh kerana selama ini apa yang dicadangkan oleh Seminar Tanah dahulu yang saya masih ingat, yakni kita mahu memakai assembly unit system dalam pentadbiran tanah pada satu ketika, tetapi perkara ini masih belum berjalan. Assembly unit system yang saya maksudkan di sini ialah untuk memisahkan antara pentadbiran tanah dengan pentadbiran daerah

Perkara ini pun masih tidak pasti bagi kita sekarang, yakni kalau sekiranya pentadbiran tanah tidak diprofessionalisekan mengikut bagaimana division of labournya sendiri, saya rasa amatlah sukar bagi kita menyelesaikan banyak persoalan tanah yang berlaku di Malaysia ini, khususnya dalam menyelesaikan tanah baru, tanah yang dibuat permohonan, diperintah secara haram dan tanah bertindih dan lain-lain. Sepatutnya pihak Kerajaan dan Kementerian memikirkan untuk menjadikan pentadbiran tanah ini sebagai satu yunit bersendirian di dalam negara kita, kerana dengan itu dapat kita mempercepatkan proses permohonan tanah. Selain daripada itu pula, sebagai tambahan kepadanya kita dapat memungut cukai dengan sempurna dan dengan baik dan mudah-mudahan dengan jalan ini dapatlah kita menambah hasil negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa meskipun perkara yang saya sebutkan tadi sebagai novel, saya sukacita mencadangkan supaya pihak yang berkenaan memikirkan supaya pentadbiran tanah itu dijadikan suatu pentadbiran yang berlainan dengan hal-hal lain, kerana pembangunan ekonomi tanah di Malaysia ini sebagai sebuah negara agriculture, atau pertanian, perlu kita kaji dari semasa ke semasa dan wujudkan satu land reform di Malaysia ini sendiri. Dengan demikian, dapatlah kita menambah hasil negara, memperlicinkan sistem pentadbiran tanah dan kalau dapat pihak institusi pengajian tinggi umpamanya, mengadakan suatu jenis pelajaran pentadbiran tanah itu sendiri dimasukkan di dalam kuliah universiti, institut-institut ataupun di Universiti Pertanian. Dengan cara yang saya sebutkan tadi walaupun ada setengahnya mungkin tidak menasabah, tetapi saya harap pihak Kementerian dapat mengambil perhatian yang berat, khususnya National Land Council sendiri yang dianggotai oleh Menteri-menteri Besar, Pengarah-pengarah Tanah seluruh Negeri memikirkan supaya diwujudkan suatu sistem pentadbiran tanah yang baik di Malaysia.

5.08 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Undang-undang Kanun Tanah Negara, 1965 (Pindaan) kerana dengan adanya Undang-undang ini, maka tidaklah timbul pada masa akan datang di

mana perkara-perkara ini akan disoal ataupun akan dihadapi di mahkamah dan sebagainya, kerana kalau saya tak silap dalam perkara ini telah dihadapi di mahkamah sehingga terpaksa Judicial Committee Privy Council sendiri memutuskan di atas hak-hak dan kuasa-kuasa Pemungut Hasil Tanah untuk menetapkan cukai. Bagaimanapun dalam melaksanakan Undang-undang baru ini, saya menyeru kepada Menteri berkenaan supaya membawa perhatian ini kepada Pemungut Hasil Tanah dan Pendaftar faktor-faktor yang hendak difikirkan sebelum beliau menetapkan cukai-cukai yang hendak dikenakan.

Yang pertama, sekarang didapati banyak tanah-tanah terutama sekali tanah-tanah orang Melayu, bukan Malay Reserve tetapi kepunyaan orang Melayu, terutama sekali di Pulau Pinang di mana tanah-tanah ini ialah di dalam kawasan bandar, tetapi mereka ini tak berkuasa, tak berdaya hendak mengusahakan tanah ini. Jadi, eloklah apabila menetapkan cukai-cukai ini perkara ini dipertimbangkan, jangan dibuat sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan kata tadi diadakan flat rate. Kalau diadakan flat rate ini akan menimbulkan satu kesulitan yang amat sangat kepada mereka yang mempunyai tanah dalam pekan tetapi tak mampu hendak mengusahakannya. Seperti keadaan sekarang banyak tanah-tanah terutama sekali kepunyaan orang Melayu dalam pekan, terutama sekali di Negeri Pulau Pinang di mana mereka terpaksa menjual tanah-tanah ini, kerana tak mampu hendak membayar cukai yang ditetapkan begitu tinggi. Saya merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya perkara ini dibawa kepada perhatian Pemungut Hasil Tanah ataupun Pendaftar apabila menetapkan cukai ini. Perkara ini mestilah ditimbang-kan. Kalau hendak dinaikkan cukai mestilah selepas tanah itu diusahakan. Kalau tidak, biarlah cukai yang dikenakan diturunkan ataupun ditetapkan sebagaimana yang asal.

Lagi satu perkara yang hendak saya minta supaya perkara ini dibawa kepada perhatian Pemungut Hasil Tanah atau Pendaftar ialah berkenaan tanah-tanah di mana tertaluk kepada Control of Rent Act, yakni di mana tanah-tanah itu ada didirikan rumah dan disewakan kepada orang dan rumah ini didirikan sebelum tahun 1947 di mana sewa rumah ini tak boleh dinaikkan

lebih daripada 100%. Misalnya, kalau tahun 1947 dahulu sebuah rumah disewakan dengan harga \$10 sebulan, sekarang cuma sehabis-habis tinggi tuan tanah boleh menaikkan \$20 iaitu 100%, itupun mestilah dengan kebenaran Rent Tribunal. Apabila dia ada tanah dan ada rumah dan disewakan kepada orang lain dengan hasil pendapatan yang begitu rendah, apalah gunanya kalau dia terpaksa kena bayar cukai kepada Kerajaan yang begitu tinggi. Ini satu perkara yang saya minta supaya Pemungut Hasil Tanah atau Pendaftar mengkaji, membincang dan menganalisa sebelum menetapkan cukai baru di mana kuasa sekarang telah diberikan kepada beliau. Bukan sahaja rumah, tanah juga dibawah Control of Rent Act dan dikira premises juga. Kadang-kadang disewakan sebagai ground rent setahun \$20 dan tak boleh dinaikkan kerana di bawah Control of Rent Act dan ini satu perkara yang mustahak, demi keadilan kedua belah pihak, bukan sahaja tuan tanah tetapi juga penyewa dan juga Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini khasnya kepada Menteri yang berkenaan iaitu sungguhpun masalah tanah ialah masalah negeri masing-masing, tetapi bagaimanapun saya minta supaya Kementerian yang berkenaan mengawasi penipuan, kekecuran yang dibuat oleh setengah-setengah Kerajaan Negeri. Misalnya, tanah TOL sudah 30 tahun diusahakan padahal 30 tahun dahulu tanah ini \$1 siapa pun tak hendak beli pada satu ekar. Jadi, hamba Allah ini telah berusaha daripada tanah yang tak bernilai itu sehingga sekarang 30 tahun mengapa pula tidak diberi geran-geran kepada mereka yang telah berusaha bersusah-payah. Dan yang saya katakan perasugut oleh Kerajaan Negeri ialah apabila sekarang selepas 30 tahun atau lebih tanah ini diusahakan kalau hendak mengeluarkan geran \$3,000 atau \$4,000 satu ekar, ini sudah jadi nilai tanah di pasaran, bukan tanah TOL lagi. Apa guna kita hendak ambil geran daripada tanah Kerajaan kalau hendak kena bayar \$3,000 atau \$4,000 satu ekar padahal pada mula 30 tahun dahulu tanah ini \$10 pun tak laku. Ini ialah satu kekecuran yang dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Satu perkara lagi yang dibuat oleh Kerajaan Negeri juga ialah rompakan. Kalau

orang biasa buat kesalahan rompakan, mereka akan dihadapkan di mahkamah, kita akan diadili. Apa hukumannya apabila Kerajaan sendiri merompak hakmilik tanah orang-orang terutama sekali di Pulau Pinang? Pulau Pinang bukan macam lain-lain negeri kita boleh dapat satu ekar tanah dengan harga \$20-\$30. Pulau Pinang tak ada tanah yang luas. Jadi yang mana ada tanah yang sedikit itulah yang kita mesti jaga supaya tanah-tanah ini tidak dirompak, dirampas. Yang saya kata rampas ialah misalnya Kerajaan hendak menggunakan tanah itu untuk keperluan orang ramai diadakan Land Acquisition Act di mana Kerajaan berhak mengambil tanah-tanah ini dan membayar ganti rugi. Tetapi sebaliknya, apabila tanah-tanah ini hendak diambil digazetkan, misalnya, pada tahun 1975 ini dan cuma diambil pada tahun 1980 dan ganti rugi yang dibayar kepada tuan tanah itu bukan nilai tanah pada tahun 1980, tetapi pada tahun 1975. Ini satu rompakan, rampasan tanah orang ramai. Sungguhpun ini memang berkaitan dengan tanah ialah hak Kerajaan Negeri, tetapi dengan adanya sebuah Kementerian sungguhpun dianggap sebagai kata orang: Bulldog without teeth, iaitu seekor Bulldog yang garang tetapi tak ada gigi. Bagaimanapun, cubalah supaya jangan penipuan, rampasan ini dilakukan lagi. Kalau hendak ambil tanah di bawah Land Acquisition Act—ambil, tetapi apabila hendak bayar ganti rugi mestilah dibayar supaya membolehkan tuan tanah itu menggunakan duit ganti rugi itu membeli tanah dengan nilai yang sama. Janganlah apabila kita hendak ambil tanah orang pada tahun 1980, tahun 1975 kita sudah gazette. Apabila kita hendak bayar ganti rugi kita bayar di atas nilai tanah pada tahun 1975. Ini satu perkara yang saya menyeru kepada Menteri yang berkenaan supaya mengambil tindakan atau mengawasi atau menasihati (tone down) sedikit.

Baru-baru ini kita dengar bahawa 300,000 atau 400,000 ekar tanah balak diberi pajak kepada seorang untuk diusahakan mengambil balak samada melalui lease atau sebagainya. Pada fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, cara ini memanglah cukup tak patut kita amali sekarang. Begitu besar tanah 300,000 ekar dileasekan kepada seorang, bukan kepada orang ramai—tidak, kepada seorang. Memang betul Kerajaan Negeri memerlukan hasil tetapi bukanlah dengan cara ini. Saya yakin dan percaya tentu ada cara lain untuk

mendapat hasil daripada bumi Tuhan yang nikmat ini. Terima kasih.

5.20 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit pandangan atas Rang Undang-undang ini dan disamping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya merojok kepada Fasal 5 yang bertujuan untuk meminda Akta ibu dengan menambah satu seksyen baru 438A untuk memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengubah-suaikan Kanun Tanah Negara bagi maksud supaya Kanun ini dipakai bagi Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Fasal ini merojok perkara memakai Kanun Tanah Negara bagi Wilayah Persekutuan, biarkan saya menyentuh sedikit atas beberapa aspek tanah dalam Wilayah Persekutuan. Dengan penubuhan Wilayah Persekutuan 94 batu persegi tanah telah ditakluk di bawah pentadbiran Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan. Memandangkan kepada hal ini adalah perlu bagi pihak yang berkuasa untuk menggunakan tanah dengan sebaik-baiknya untuk melaksanakan projek pembangunan yang memberi faedah kepada rakyat.

(Dengan izin) Tuan Speaker, land is very scarce in the Federal Territory, and being so, as I said just now, every step must be taken to see to it that all available land must be beneficially utilised. For the purpose of applying the National Land Code in the Wilayah Persekutuan, I would like to propose here to the Government that it should set up a high-powered Federal Territory Land Committee to see to the proper utilisation of land for beneficial development projects. Such a Committee could, and should, look into the provision of land for low-cost housing projects, for the resettlement of squatters, for the creation of more hawking zones and also for the creation of cottage industries to provide employment to the unemployed.

Yang akhirnya, saya juga ingin menyeru kepada Kementerian yang berkenaan supaya meminda fasal Kanun Tanah Negara yang berkenaan supaya membolehkan Dewan

Bandaraya untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk menjualkan rumah pangsa kepada penghuni-penghuninya.

Tuan Speaker, this is a subject of vital importance because until now low-cost flats in the Wilayah Persekutuan cannot be sold to the tenants because of the fact that the National Land Code has not been amended. So, I would like to appeal to the Ministry concerned to make the necessary amendment in order to bring about the sale of low-cost flats to the existing tenants.

Tuan Chin Hon Ngian (Rengam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh Rang Undang-undang yang dikemukakan sebentar tadi, dan saya juga ingin memberi sedikit pandangan saya. Saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Sir, I wish to suggest that the State Governments should not revise the present rate of land rents, especially during this period of difficulty now faced by all of us. The Government, in particular, should not raise the land rents in the kampungs, in the new villages and in the local council areas, and also in the towns in respect of terraced lots because the terrace houses are normally occupied by people belonging to the low income group. I also wish to appeal to the State Government to act quickly in order to acquire land around the new villages and, sub-divide it into housing lots to be alienated to the landless people living in the new villages. The Government should also act quickly to acquire land in towns and in the outskirts of towns to build flats for those who are of the low income group.

Another matter I wish to touch on, Sir, is this. I am told that many applications for sub-division of land for development purposes—for example, housing estates—take a long time for approval. Also the processing of applications for sub-division of estates into smallholdings for smallholders and applications to build factories on industrial land also takes a long time. Very often it takes many years. Such delays, Sir, besides dampening the spirit of the applicants also cause people in general to allege gross inefficiency on the part of the Government and also lead people to believe that the Government is not interested in solving the problems of the people. For example, in the case of housing estates, most of the housing

estates consist of housing lots which are terraced lots for terrace houses and meant more for the low income groups. Now, any delay in processing applications for housing estates would mean that the acute shortage of houses faced by the people will not be solved. An example of the delay of sub-division causing dissatisfaction among people is the delay in sub-division of estates into smallholdings. I have learned that in many cases, where big syndicates buy a big estate and apply for sub-division into smallholdings for sale to the smallholders, the smallholders have been waiting for years and they are still told that title deeds on the sub-divided smallholdings could not be given because of the delay caused by the Government. Moreover, any such delay in allowing sub-division into smallholdings would also mean that replanting grants, which should go into the hands of smallholders, in fact go into the hands of syndicates which are not entitled to them. In the case of industrial estates and industrial land, applicants have been very slow to get approval and this leads to a slow-down in industrial development, especially in the case of putting up of factories which could provide jobs for many of our unemployed. Because of this, many foreign investors fight shy of coming to invest in our country.

Mr Speaker, Sir, I noted with interest during the introduction of the Animal (Amendment) Bill a moment ago that there is a clause whereby vehicles which were subject to seizure would not be automatically forfeited. However under the National Land Code—I refer to Section 426 (c) Sub-section (3)—where under the said Section, any vehicles seized shall be forfeited if they are found to carry the rocks or earth or other materials from State land illegally. In such a case, it is very unfair to owners of public service vehicles, because owners of public service vehicles are under a duty to carry goods whenever requested by members of the public. I suggest that at least an amendment be made to the said Section, so that owners of public service vehicles would be given a chance to show cause why their vehicles should not be forfeited.

Another matter, Sir, I wish to raise is in regard to the registration of Memorandum of Transfer in respect of properties. I note that in some States, Memorandum of Transfer, unless the properties are properly valued by

valuers from the Government and stamp duties duly paid, would not be accepted. But I also note that in some States, Land Offices do accept presentation of Memorandum of transfers without going for valuation first by the proper valuers of the Government because of an undertaking by the purchaser to pay any shortage of stamp duty after valuation. I feel that there must be some uniformity in this respect in order not to cause any difficulties to the purchasers, to the financiers and also to the lawyers. I am sure this unhappy state of affairs can be easily avoided.

Lastly, Sir, there is another matter of registration of charge where the chargee is an attorney or especially where the chargee executes as an attorney of a bank or a finance company. There have been instances where Title Deeds have to be registered at different places in various districts. However, registration of the Power of Attorney with the Commissioner of Lands and Mines of the State is not sufficient. It has to be registered with every Collector in every district in order to present the registration of charge at the district. I hope the Minister concerned would look into this, so that such unnecessary red tape would not be necessary.

5.33 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengambil bahagian untuk membahaskan pindaan di atas Kanun Tanah Negara, 1965 ini. Saya menyokong di atas Rang Undang-undang ini di mana ini akan merengankan atau lebih melicinkan perjalanan di daerah-daerah dan negeri berkaitan dengan tanah ini. Berhubung dengan hasil tanah, saya ingin menyatakan bahawa hasil tanah sekarang ini memang bermacam-macam jenis dikenakan mengikut tanaman iaitu tanaman buah-buahan, padi, getah dan kelapa sawit. Saya berasa kurang puas hati cara penilaian begini, kerana kedudukan sekarang nampaknya hasil tanah untuk kelapa sawit mahal jika dibandingkan hasil tanah pokok getah ataupun tanaman-tanaman lain, sedangkan kalau dikatakan kelapa sawit, hanya kelapa sawit untuk pekebun kecil di mana pendapatannya tidak begitu banyak juga, tetapi bayaran cukai yang dikenakan adalah mahal. Saya rasa lebih baik dikirakan kadar luas tanah daripada kadar jenis-jenis tanah, sebab pekebun-pekebun kecil walaupun ditanam dengan kelapa sawit hanya dijual kalau telah

mengeluarkan hasil ialah bijinya sahaja bukan dijual minyaknya, sebab mereka tidak mungkin memproses minyaknya, mereka hanya menjual biji-biji kelapa sawit itu kepada kilang yang ada di sekitarnya. Ini, saya rasa patut diambil perhatian supaya pekebun-pekebun kecil ini juga suka menanam kelapa sawit.

Selain daripada itu, saya ingin mengingatkan di setengah-tengah tempat bahawa pekebun-pekebun kecil getah yang hendak menanam semula kepada kelapa sawit dikenakan premium pula. Untuk mengubah jenis tanaman daripada getah kepada kelapa sawit mesti dibayar premium misalnya \$50 seekar ataupun \$70 semua peringkat sedangkan pada masa mereka mendapat tanah untuk tanaman getah sudah dibayar premium sekali, tetapi jawapan yang ditimbulkan ialah, dahulu premium untuk tanaman getah, sekarang oleh kerana ditukar hendak ditanam kelapa sawit, maka premium dikenakan semula. Ini berlaku di setengah-setengah negeri khususnya kepada mereka yang hendak tanam semula—ditukar jenis tanamannya daripada getah kepada kelapa sawit. Saya ingin menarik perhatian atas perkara ini bahawa sepatutnya tidaklah payah dibayar, biarlah pada premium dahulu sahaja kerana hasilnya pun begitu juga.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hasil tanah ketika getah pekebun-pekebun kecil menanam semula, ada setengah-setengah negeri hasilnya tetap seperti biasa iaitu \$6 untuk mengeluarkan hasil, Ianya memakan masa selama 5 atau 6 tahun dan kadang-kadang sampai 7 tahun, tetapi hasilnya mesti dibayar mengikut kadar \$6 juga. Saya minta diambil perhatian agar semasa pokok tua ditebang dan ditanam baharu hendaklah hasilnya dikurangkan, dan setelah hasil getah itu dapat dikeluarkan, maka baharulah dikenakan semula. Setengah-setengah negeri kalau mula-mula kita dapat tanah dikenakan cukai hasil \$2 seekar selepas 6 tahun ada setengahnya itu 5 tahun dikenakan \$6. Sepatutnya ketika menanam semula dia turun ke \$2 seekar, tetapi setelah 6 tahun, ertinya mengikut kira-kira hasil getah yang ditanam semula ataupun kelapa sawit yang ditanam semula itu telah mengeluarkan hasil, maka baharulah dikenakan \$6. Ini saya ingin menimbulkan khususnya kepada pekebun-pekebun kecil, pekebun-pekebun besar lain-lah, kerana mereka mempunyai wang yang banyak.

Saya ingin menyentuh pula berkaitan dengan masalaah orang-orang kampung yang hendak memecahkan lot. Biasanya orang kampung ini mempunyai sekeping tanah, tetapi dipunyai oleh 5-6 orang bahkan sampai 10 orang, kadang-kadang disebabkan oleh harta-pesakat. Mengikut apa yang saya tahu untuk memecah lot terlampau lambat, bayaran yang dikenakan adalah mahal. Kepada orang-orang yang berada, misalnya, orang-orang yang membuat projek perumahan dia menyerahkan kepada Juru Ukur yang mempunyai lesen untuk membuat pecah lot, kemudian diakui oleh pihak Kerajaan. Tetapi kepada orang kampung ini tidak dapat dibuat kerana bayaran yang dikenakan oleh Juru Ukur bersendirian itu mahal sangat. Apa yang dikenakan oleh Kerajaan pun sudah mahal apatah lagi yang dikenakan oleh jurukur persendirian. Jadi, saya minta supaya Kementerian yang berkenaan di samping memberi kerjasama dengan Kerajaan Negeri, agar diusahakan supaya pecah lot ini biar cepat dan harganya murah, untuk menghilangkan perbalahan di antara pemilik-pemilik tanah itu. Ini menjadi masalaah besar kepada waris-waris yang menerima pesaka, kadang-kadang menjadi pergaduhan; melarat ke mahkamah pun ada kerana sempadan, sebab satu ekar dipunyai oleh sepuluh orang, mereka buat rumah kecil di tengahnya. Orang ini kata kelapa itu haknya, yang lain kata kelapa itupun hak dia juga. Berbalah fasal kelapa jadi gaduh. Ini selalu terjadi. Jadi, sebaiknya kita mesti berusaha supaya pecah lot ini menjadi satu perkara yang penting yang diutamakan oleh Kementerian Tanah dan kalau boleh diadakan satu pegawai yang khas bagi tiap-tiap satu daerah untuk menjalankan kerja ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan lagi mengenai kerja-kerja di Pejabat Tanah ini selalunya lambat. Ada orang kata perlaksaaannya lambat. Macam tanah juga hendak tumbuh pun lambat, demikian juga kerja-kerja di Pejabat Tanah ini lambat. Saya muskil kadang-kadang berkait antara satu Jabatan Kerajaan dengan Jabatan Kerajaan yang lain. Bila kita pergi apa jawapan yang kita terima? Kebenaran daripada Pejabat Tanah belum terima. Kebenaran daripada Pesuruhjaya Tanah belum ada. Bila dihantar? Setengahnya jawab, sudah 6 bulan, setengahnya kata setahun. Kadang-kadang seorang pegawai

di suatu Jabatan Kerajaan yang lain tunjukkan kepada saya, tengok fail ini, sudah tiga tahun, Yang Berhormat. Tiga tahun belum jawab lagi sehingga hari ini; di antara Jabatan Kerajaan dengan Jabatan Kerajaan yang lain.

Saya minta agar kerjasama antara Jabatan-jabatan Kerajaan dengan Pejabat Tanah atau Kementerian Tanah ini biarlah rapat dan disegerakan agar projek yang kita kehendaki dapat kita laksanakan dengan lebih cepat. Saya ingin menyentuh hal ini oleh sebab saya tahu kelambatan ini adalah kerana kekurangan pegawai-pegawai bawah. Selalunya di satu daerah ada tiga A.D.O (Penolong Pegawai Daerah). Setengahnya ada seorang Pegawai Daerah dan empat orang Penolong Pegawai Daerah. Setengah-setengahnya sampai lima orang. Tetapi kerani tidak cukup, Jurukur tidak cukup. Pegawai lebih banyak jika dibandingkan dengan kerani-kerani. Saya minta supaya pegawai-pegawai bawah ini mesti ditambah supaya arahan-arahan atau perintah-perintah yang dibuat oleh Pegawai Daerah dan Penolong-penolongnya, Pemungut Hasil Tanah dan Penolong-penolongnya dapat dilaksanakan segera, sebab pegawai itu sendiri biasanya tidak pergi, yang pergi Jurukur, Pegawai Penempatan dan sebagainya. Patut pegawai-pegawai ini dibanyakkan, supaya kerja-kerja dapat dijalankan dengan licin. Terima kasih.

5.45 ptg.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, di samping menyokong Rang Undang-undang ini, saya mengambil peluang memberikan satu dua pandangan dengan ringkasnya sahaja.

Yang pertama, ialah berkenaan dengan pindaan yang dibuat kepada Kanun Tanah Negara ini iaitu Seksyen 101 di bawah mana kuasa diberi kepada State Authority untuk memindahkan cukai-cukai tanah dari satu masa ke satu masa. Biasanya, bila kuasa begini diberi kepada satu-satu kuasa pemerintah negeri, Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri ataupun Menteri dan pegawai-pegawai berkenaan, kuasa itu apabila menyentuh hak kepentingan orangramai, biasanya ada syarat-syarat dan ada sekatan-sekatan supaya kuasa yang melibatkan orangramai itu, bila berjalan kuatkuasanya adalah terjaga hak kepentingan orangramai.

Jadi, di sini saya mengambil peluang ini menarik perhatian Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kementerian yang berkenaan untuk menimbangkan supaya kuasa yang diberi kepada State Authority untuk menaikkan cukai dari satu masa ke satu masa diadakan provision seperti yang kita buat apabila Town Board ataupun Municipality hendak menaikkan assessmentnya; iaitu diberi peluang kepada orangramai ataupun orang perseorangan apabila tanahnya sendiri terlibat memberikan pandangan-pandangannya. Saya faham iaitu misalnya, bila Town Council hendak menaikkan assessment dikeluarkan notis dan diadakan perjumpaan yang tertentu, diadakan interview tertentu kepada orangramai dan perseorangan untuk berjumpa dengan pihak yang berkuasa, bertanya atas formula apa, atas faktor apa cukai tanah dinaikkan ataupun assessment dinaikkan, dan dia diberi peluang menerang dan memberikan pandangan. Jadi saya harap untuk pertimbangan Kementerian yang berkenaan dan Kerajaan Negeri iaitu kuasa yang diberi di bawah Seksyen 101, Kanun Tanah Negara ini sungguhpun kepada saya ada sekatan, iaitu yang berbunyi di bawah sub-section 5:

“101. (5) tidak boleh diadakan revision sebelum tahun 1970 dan selepas itu apabila telah ada satu revision yang demikian tidak dibolehadakan kenaikan cukai lagi sehingga 15 tahun daripada masa itu.”

Saya berharap kalau dapatlah Kementerian yang berkenaan dan Kerajaan Negeri menimbangkan iaitu mengadakan provision di bawah seksyen ini memberi peluang kepada orangramai seperti yang saya katakan tadi untuk memberikan penerangan-penerangan dan penjelasan-penjelasan mereka sendiri, untuk pertimbangan pihak yang berkuasa.

Yang keduanya, seperti dalam ucapan rakan saya seorang Ahli Yang Berhormat tadi, penting dan mustahak juga bagi Kerajaan-kerajaan Negeri, kerana kuasa berkenaan dengan tanah mengikut Perlembagaan kita diletakkan kepada Kerajaan Negeri, apabila menaikkan cukainya supaya berjaga-jaga, mesti ada perseimbangan dengan cukai-cukai yang ada di negeri-negeri yang lain. Rasa saya machinerynya sudah ada, iaitu melalui National Land Council dan patutlah Kerajaan-kerajaan Negeri umpamanya berhubung satu dengan

satu dengan lain apabila hendak menaikkan cukai supaya jangan ada perbezaan di antara sebuah negeri dengan sebuah negeri yang lain.

Yang ketiganya, saya faham iaitu kebanyakan negeri telah mengadakan revision cukainya yang pertama sebelum tahun 1970 tadi, tetapi kepada saya sebagai seorang awam, saya tidak teringat ada terlihat perisytiharan telah dikeluarkan dalam surat-surat khabar. Boleh jadi telah ada dibuat dalam *gazette* tetapi pada orang-ramai, rasanya mereka tidak tahu adakah Negeri Perak dan Negeri Selangor atau negeri-negeri lain telah membuat pindaan-pindaan cukai tanah seperti yang dikehendaki dalam seksyen yang berkenaan dalam Kanun Tanah Negara. Jadi sementara Kerajaan menimbangkan syor yang saya telah beri tadi iaitu diadakan provision tetap dalam Kanun Tanah Negara ini. Rasa saya bijak dan baik sekiranya Kerajaan-kerajaan Negeri yang hendakkan membuat provision cukai itu memberi pengistiharan kepada ramai dengan seluas-luasnya dan dalam pengisytiharan yang dibuat itu diberi keterangan dengan sepenuhnya dengan faktur apa, dengan sebab apa cukai-cukai tiap-tiap satu classification tanah itu dinaikkan.

Akhir sekali, saya suka menyentuh juga satu perkara yang ditegaskan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai iaitu berkenaan dengan pentingnya kerja-kerja berkenaan dengan tanah diberi setinggi-tinggi keutamaan oleh Kerajaan. Beliau juga telah mencadangkan supaya diprogressionalisekan. Saya menyokong dengan sepenuhnya syor yang dibuat oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat tadi, tetapi boleh jadi ada perselisihan faham sedikit bila beliau mengatakan iaitu tanah ini patut dispecialieskan daripada segala tugas-tugasnya yang lain. Saya rasa lebih bijak kalau sekiranya kerja hal ehwal berkenaan dengan tanah adalah berkaitan juga dengan kepentingan-kepentingan masyarakat di dalam segala lapangan yang lain, tidak ada satu aspek kehidupan kita yang tidak bersangkutan dengan tanah.

Seperti yang saya telah bercakap pada masa dalam persidangan kita dalam bulan December tahun yang lalu, saya syorkan bahawa kerja tanah dijadikan tugas yang terutama sekali dalam Pejabat-pejabat Daerah. Saya telah sebutkan pada masa saya

bercakap dalam persidangan yang lalu dalam Majlis yang mulia ini iaitu seperti kita tahu daripada semenjak orang-orang Inggeris memerintah negeri kita dalam Pejabat-pejabat Daerah dan pejabat-pejabat Tanah adalah disatukan di bawah Pentadbiran Pegawai Daerah, tetapi yang kita telah dapat Pegawai Daerah itu ialah pegawai yang terkanan sekali dalam daerah itu, dia tidak membuat kerja tanah, tetapi dia membuat kerja hal ehwal lain, misalnya berkenaan dengan Red Cross, sports dan berkenaan dengan perkara-perkara yang lain. Saya syorkan iaitu dalam Pejabat Daerah itu Tuan Pegawai Jajahan menjadi pegawai tanah yang terutama dan Pejabat Tanah menjadi pejabat yang terutama sekali dalam jajahannya. Saya fikir oleh sebab kita telah melihat apabila ada perkembangan dalam negeri kita ini iaitu tugas-tugas yang dijalankan oleh Pejabat-pejabat Kerajaan telah menjadi terlampau banyak aspek-aspek yang mesti dijagai. Kerja tanah boleh jadi telah ketinggalan dengan sebab itulah kita selalu mendengar ada rungutan-rungutan permintaan permohonan tanah lambat dilayankan, pendaftaran tanah lambat dibuat. Saya syorkan kerja tanah dijadikan satu kerja yang utama sekali dalam Pejabat Daerah dan jika sekiranya hendak diadakan spelialisation di peringkat negeri, umpamanya, dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan, tanah dispecialisekan dengan setinggi-tinggi keutamaan seperti keutamaan yang diberi kepada development pada masa itu.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

5.54 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Batu Gajah):

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya membaca tajuk ringkas Rang Undang-undang ini, saya ingin berucap berkenaan dengan Rang Undang-undang Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) tahun 1975 akan dinaikkan atau dikurangkan kesukaran untuk rakyat jelata mendapat tanah. Tetapi malangnya, Rang Undang-undang ini sebenarnya bukan bermaksud begitu. Ia cuma hendak meminda seksyen 101 dan 102 Kanun Tanah Negara untuk membenarkan Pendaftar atau Pemunggut meminda amaun cukai yang telah dibayar atas tanah sebagaimana tercatat pada

suratan hakmilik supaya menepati dengan cukai baharu disebabkan penyemakan semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat akan bersetuju dengan pendapat saya bahawa Kementerian Tanah dan Galian adalah salah satu Kementerian yang sangat tidak ada kebolehan dalam negara kita. Nampaknya, Kementerian ini lebih concern dengan menambah cukai tanah dan bukan concern dengan kehendak-kehendak rakyat jelata.

Tuan yang di-Pertua, dalam kawasan saya ramai penduduk-penduduk telah kemukakan komplek kepada saya mengenai lambat atau langsung tidak dapat jawapan atas permohonan tanah mereka dari Pejabat Tanah. Kalau perkara ini adalah perkara Kerajaan Negeri masing-masing, tetapi saya ingat inilah satu perkara yang sangat penting, dan rakyat mengharapkan Kementerian Tanah dan Galian membuat satu Rang Undang-undang untuk menyelaraskan dan mempercepatkan pentadbiran Pejabat-pejabat Tanah dalam seluruh negeri kita. Bagaimanapun, saya suka mengambil peluang ini menyeru Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya bersimpati dengan penduduk-penduduk di kampung-kampung dan Kampung-kampung Baru bahawa:

- (a) Dalam tempoh lima tahun amaun cukai tanah tidak akan dinaikkan.
- (b) Kurangkan bayaran premium tanah yang kena bayar lebih daripada \$500 di kampung-kampung dan Kampung-kampung Baru.
- (c) Membenarkan bayaran premium dengan cara ansuran.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

5.57 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun membahaskan dan menyokong Rang Undang-undang bagi meminda Kanun Tanah Negara di dalam beberapa fasal yang berkenaan dengannya. Di dalam negara ini telah terdapat dalam beberapa fasal yang berkenaan dengan Tanah Simpanan Melayu. Undang-undang ini ialah hendak menolong hak-hak orang Melayu yang hidup hanya bergantung

besar kepada tanah. Banyak tanah-tanah sekarang ini dibeli cara besar-besaran oleh orang-orang yang mempunyai wang yang berlebihan daripada bandar-bandar, membeli Tanah Hak Simpanan Melayu oleh orang-orang bukan Melayu melalui broker-broker Melayu adalah dipandang berat daripada segi keselamatan simpanan tanah atau pengawalan tanah untuk masa hadapan. Putar-belit berlaku dalam hal ini, walaupun undang-undang telahpun diketatkan untuk menyekat supaya penyelewangan, penjualan dan tukar-menukar hak ini meluas berlaku.

Saya suka mengesyorkan di dalam Dewan ini supaya undang-undang dikuatkuasakan iaitu mana-mana tanah yang dibeli balik oleh orang-orang Melayu, umpamanya, daripada ladang-ladang getah yang dipecahkan atau tanah-tanah yang dipunyai oleh orang-orang bukan Melayu untuk penjualan itu dijadikan Tanah Simpanan Melayu semula supaya kedudukan ekonomi orang Melayu akan bertambah kuat dan terjamin di masa hadapan kelak. Saya sangat tertarik hati kepada ucapan wakil Kuala Krai berkenaan dengan tugas-tugas menyelesaikan permohonan tanah daripada rakyat hendaklah dibuat dengan lebih tegas, pendaftaran tanah ialah hak Kerajaan Negeri tetapi walau bagaimanapun penyelarasan untuk memajukan tanah dan pentadbiran tanah dapat dibuat oleh Kerajaan Pusat dan kerajaan-kerajaan Negeri. Pasukan Petugas (Task Force) dikenakan dalam Jabatan Tanah supaya boleh menyelesaikan permohonan tanah yang berjumlah beratus-ratus ribu ini dapat dijalankan dengan cepat. Dan dengan cepatnya penyelesaian itu akan mendatangkan hasil daripada kutipan-kutipan cukai dan lain-lain yang berkenaan dengan tanah. Kerajaan samada Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan-kerajaan Negeri tidak boleh menafikan bahawa beratus-ratus ribu ekar tanah yang hari ini dipugar secara haram atau diberi hak sementara, tetapi tidak bersukat dan tidak dikuatkuasakan pemungutan cukainya. Kelemahan ini dengan jelas ditujukan kepada Kementerian Tanah dan Galian dan Pentadbir Tanah Negeri-negeri. Hal ini perlu dikaji dengan sedalam-dalamnya. Saya menyeru tanah-tanah haram yang dipugar oleh rakyat pada hari ini patut disukatkan dengan cepat dan diberikan kepada rakyat; sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan Barisan Nasional yang disokong oleh rakyat hari ini.

Kementerian ini harus bekerja dengan lebih kemas dan teratur. Semua undang-undang yang ada pada hari ini yang tidak sesuai dengan zaman, undang-undang yang dibuat oleh datuk nenek kita dahulu, undang-undang zaman penjajah dahulu patut dikaji dan disesuaikan dengan keadaan kemahuan rakyat hari ini yang boleh memberi banyak kekuatan hak milik kepada bumiputra khususnya orang-orang di luarbandar.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

6.02 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri. Saya tertarik hati apa yang diucapkan oleh beberapa orang sahabat-sahabat saya tadi iaitu menyatakan tanah haram. Setahu saya tanah haram di dalam dunia ini hanya di Mekah sahaja, di Malaysia ini tidak ada.

Dengan kuatkuasanya Rang Undang-undang ini, pada pandangan saya, ini akan menambahkan satu beban lagi kepada Pegawai-pegawai Tanah. Beban yang sedia ada tinggi failnya daripada dia berdiri belum selesai daripada pemohon-pemohon, maka datang pula satu lagi beban untuk menuliskan penilaian-nilai atau pun cukai yang patut kena bayar oleh pemohon-pemohon, oleh pemilik-pemilik tanah yang sedia ada pada masa sekarang. Dengan yang demikian, apa yang disuarakan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat tadi pegawai ini patutlah ditambah yang mana saya difahamkan dalam tiap-tiap Pejabat Daerah hanya seorang ataupun berdua sahaja yang boleh meluluskan permohonan-permohonan yang begitu banyak dan Pegawai-pegawai Penempatan ini seorang sahaja. Baru dua bulan bertugas ditukarkan pula ke tempat lain ataupun sengaja dia bertukar Jabatan ataupun dia dapat peluang yang lebih baik, maka datanglah orang baru. Orang baru ini terpacu, dua tiga hari belum tentu lagi dapat satu fail, kemudian keadaan pentadbirannya pun kadang-kadang berubah. Pegawai Penempatan yang dahulu dia datang memberitahu kepada Ketua-ketua Kampung atau Penghulu bahawa dia hendak menemu-duga kepada pemohon-pemohon yang telah memohon. Tetapi apabila datang pula pegawai yang baru, agaknya dia ini malas sedikit keluar,

ditulis surat kepada pemohon-pemohon yang berkenaan; Encik, sila jemput datang ke pejabat jam sekian-sekian kerana temu-duga di tanah lot-lot sekian. Maka petani-petani yang begitu serba kekurangan dengan sesak-sesaknya terpaksa menangkap kalau ada anak ayam yang belum mati dijual dahulu untuk buat tambang ke Telok Anson atau ke satu-satu tempat atau ke pejabat yang berkenaan. Saya rasa keadaan pertukaran pegawai ataupun pertukaran pasukan itu adalah menyusahkan. Dengan kesusahan-kesusahan yang seumpaman ini, dengan diluluskan Rang Undang-undang ini, maka saya rasa bertambah lagi kerja yang mesti diselesaikan oleh Pejabat Tanah. Saya rasa apa yang disuarakan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat tadi supaya pasukan khas mestilah ditubuhkan supaya tidaklah pegawai itu juga yang duduk di Pejabat Daerah itu, dialah juga yang hendak menandatangani beberapa borang, seperti permohonan biasiswa dan sebagainya dan dia jugalah hendak menandatangani surat hak milik dan berbagai-bagai lagi yang mesti ditanggung oleh pegawai yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang tidak kita sedari ataupun disedari atau tidak, yakni beberapa kawasan ladang-ladang besar yang telah dipecah-pecahkan mengambil keuntungan daripada kawasan-kawasan yang dipecah-pecahkan itu. Kawasan-kawasan itu telah dibeli oleh beberapa orang iaitu dengan cara pemecahan tanah caranya tersendiri iaitu tiap-tiap satu ekar dipecahkan kepada 4, ertinya bolehlah 4 orang memiliki dalam satu ekar. Jadi tapak-tapak ini pada tiap-tiap tahun dikenakan pula bayaran hasil tahunan ataupun cukai kepada tanah itu. Kebanyakan pemilik yang penumpang di geran ladang yang besar tadi kepada satu tapak di antara \$12-\$20. Dengan tidak secara langsung dia dapat keuntungan daripada cukai yang dipungut daripada tanah pecahan yang tersebut. Ada baiknya Kementerian yang berkenaan pada mana-mana tanah yang telah dipecahkan atau dijual kepada orang perseorangan dijadikan kawasan perumahan, maka kawasan ini patutlah dikeluarkan gerannya yang tertentu supaya mereka dapat memiliki gerannya dengan bayaran yang patut dikenakan. Kebanyakan kawasan-kawasan ladang besar yang dijadikan kawasan perumahan itu mempunyai satu geran yang besar iaitu yang disimpan oleh satu badan lain ataupun pihak Pengurus

ladang yang lama juga yang mana tidak dapat mereka memiliki geran-geran mereka sendiri. Saya rasa dengan terlaksananya undang-undang ini saya rasa ada kemungkinanlah pekerja-pekerjanya akan bertambah dan saya rasa patut ditambah dari semasa ke semasa melihatkan keadaan kerja-kerja yang bertambah.

6.08 ptg.

Tuan Jaafar bin Hamzah (Johor Bahru): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bersama mengalu-alukan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1975 bagaimana yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan.

Di dalam perkara ini saya juga ingin hendak menyentuh hanya dua tiga perkara sahaja memandangkan dari segi pelaksanaan tugas-tugas yang dijalankan oleh Jabatan-jabatan Tanah, sebagaimana yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Wakil dari Padang Rengas berhubung dengan kedudukan pentadbiran di Pejabat-pejabat Tanah. Di dalam masaalah ini saya sangat-sangat tertarik hati sebagaimana yang telah disyorkan bahawa Jabatan Tanah hendaklah dan memang sudah sampai masanya bagi dipecahkan supaya pentadbiran tanah betul dapat dikelolakan di bawah kelolaan Jabatan Tanah dan tidak bagaimana yang kita sendiri ketahui bahawa proses permohonan tanah itu dikelolakan oleh Pejabat Pegawai Daerah di daerah itu sendiri. Ini boleh memudahkan kalau sekiranya dapat dilaksanakan keadaan seumpama ini dengan diasingkan Jabatan Tanah dengan Pejabat Daerah.

Contohnya, saya ingin menjelaskan di sini bagaimana terdapat di dalam daerah Johor Bahru sendiri iaitu kawasan pilihanraya saya, dalam tahun 1970 dahulu Pejabat Tanah adalah di bawah kelolaan Pejabat Pegawai Daerah, tetapi setelah dikaji dan difikirkan dengan secara mendalam dan meluas didapati adalah baik bahawa Jabatan Tanah dan Pejabat Daerah dipisahkan dengan masing-masing menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sendiri. Dan akhirnya maka Pejabat Tanah sekarang mempunyai satu Jabatannya sendiri, manakala Pejabat Pegawai Daerah mempunyai pejabatnya sendiri dengan diberi tugas-tugas yang tertentu bagi melaksanakan atas kehendak-kehendak, cita-cita Kerajaan kita daripada semasa ke semasa. Di Pejabat Pegawai Daerah sendiri pada masa ini, kita dapati

pihak Pegawai Daerah telah dapat menjalankan daripada segi pembangunan dan pihak Jabatan Tanah pula telah menumpukan segala tugas dan tanggungjawabnya bagi menentukan segala apa juga untuk memproseskan kecepatan memudahkan orang-orang ramai untuk mengemukakan masaalah-masaalah yang dihadapi oleh mereka itu berhubung dengan permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh pihak-pihak berhubung dengan hal tanah sahaja. Oleh yang demikian, kalau ini dapat diselaraskan di tiap-tiap negeri yang ada di dalam negara kita ini, maka saya percaya di dalam jangka masa lima atau sepuluh tahun yang akan datang masaalah kesulitan bagi memproses ataupun mempercepatkan lagi permohonan-permohonan berhubung dengan tanah yang pernah kita dengar disuarakan oleh seluruh dan boleh dikatakan kebanyakan rakyat yang ada di dalam negara kita tentu tidak akan timbul.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kedudukan bagi menggalakkan rakyat mendirikan rumah-rumah murah, setakat hari ini masih banyak lagi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh mereka yang ingin membuat rumah, yang ingin mendirikan rumah secara lebih murah daripada yang mereka mampu. Misalnya, di dalam kawasan bandaran, saya contohkan kawasan pilihanraya saya sendiri di Johor Bahru. Mengikut peraturan yang sedia ada bahawa rumah-rumah yang hendak didirikan oleh mereka yang ingin atau memerlukan rumah hendaklah merupakan sebuah rumah jenis kekal. Bagi kebanyakan orang-orang di kawasan pilihanraya saya sendiri, saya dapati banyak daripada mereka ini tidak mempunyai kemampuan untuk mendirikan rumah kekal memandangkan daripada segi pendapatan masing-masing, sedangkan ada di antaranya kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Dan apabila permohonan dikemukakan, pelan dikemukakan kepada pihak Majlis Bandaran maka Majlis Bandaran telah tidak dapat meluluskan permohonan itu disebabkan kedudukan kawasan itu hendaklah didirikan dengan secara rumah kekal iaitu rumah batu. Apabila tuan punya tanah ini merujukkan perkara ini kepada Jabatan Tanah, Jabatan Tanah telah mensyaratkan bahawa tanah yang telah dikurniakan kepada mereka ini hendaklah didirikan dengan rumah kekal dan apabila mereka ini merujukkan perkara

ini, memakan masa yang lama kerana untuk memproses bagi mendapatkan persetujuan bagi dipinda syarat itu supaya dibolehkan mendirikan sebuah rumah kayu iaitu rumah murah. Ini bukan hanya melibatkan sebilangan kecil daripada penduduk-penduduk di kawasan saya sendiri bahkan boleh dikatakan hampir 40% daripada penduduk-penduduk di kawasan pilihanraya, saya telah mengemukakan perkara ini kepada Jabatan yang berkenaan. Oleh yang demikian, saya mohonlah dengan jasa baik Menteri yang berkenaan supaya sekiranya ada terdapat mereka yang ingin mendirikan rumah separuh kekal bolehlah diluluskan dengan seberapa segera dengan tidak payah dibawa kepada pihak-pihak yang berkenaan bagi mendapatkan persetujuan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, di dalam memberikan kebenaran untuk pecah tanah kerana projek perumahan, pihak Kerajaan juga hendaklah menentukan supaya kawasan-kawasan bagi kegunaan orang ramai hendaklah juga diadakan. Projek-projek yang saya maksudkan ialah projek-projek yang diselenggarakan oleh pihak swasta. Ada terdapat di antara kalangan puak swasta yang hanya semata-mata ingin mencari keuntungan tetapi tidak memikirkan kepentingan orang ramai di kawasan itu apakala mereka ini memiliki rumah di kawasan-kawasan yang tertentu. Apabila sahaja mereka ini telah memiliki rumah di kawasan projek-projek perumahan yang didirikan oleh swasta ini, didapati kadang-kala tempat-tempat kemudahan, tempat-tempat perjumpaan dan sebagainya tidak ada. Ini menimbulkan kedudukan mereka di kawasan-kawasan itu, yang ingin mengadakan perjumpaan, beramah mesra di antara satu sama lain dan ini juga pernah mendatangkan kesulitan apabila tempat bagi perjumpaan-perjumpaan itu tidak ada. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini rasa saya sebelumnya pihak yang berkuasa meluluskan sesuatu permohonan untuk pecah tanah bagi projek perumahan yang dikemukakan oleh pihak swasta hendaklah diberi pertimbangan yang sewajarnya supaya pihak yang berkenaan ini mengadakan tempat-tempat kemudahan bagi mereka yang kelak akan memlih, rumah-rumah di kawasan-kawasan perumahan yang akan didirikan oleh pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya oleh sebab masa pun sudah cukup memadai lah setakat ini sahaja dan dengan ini saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masih hendak bercakap lagi.

Tuan Jaafar bin Hamzah: Tidak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila duduk.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf mengganggu perbincangan ini. Oleh kerana ada lagi beberapa perkara Urusan Kerajaan dan waktu sudah lepas 6.20 petang, maka suka saya mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga semua perkara Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat telah selesai dipertimbangkan, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membawa satu usul, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri timbang bagi memanjangkan perbincangan sehingga semua urusan ditamatkan?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya ini ialah berkenaan dengan semua perkara Urusan Kerajaan. Itu sahaja cadangan saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya belum kemukakan untuk dibahas, saya benarkan Yang Berhormat bercakap tadi fasal hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua perkara Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat telah selesai dipertimbangkan, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Perbahasan disambung semula.

6.20 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, di dalam kesimpulan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, berkenaan dengan Rang Undang-undang yang dikemukakan itu dapat satu pengertian bahawa Rang Undang-undang ini ialah kerana hendak memberi kuasa lebih lagi kepada Pemungut Hasil Tanah di dalam menurun atau menaikkan kadar hasil tanah. Selain daripada itu juga, kita dapat pengertian bahawa ini juga boleh melicinkan pentadbiran jabatan-jabatan yang berkenaan.

Di samping itu saya suka membawa kepada pengetahuan Menteri yang berkenaan Seksyen 102 (10) iaitu, "Where a direction has been made under this section the Registrar or Collector shall as soon as possible" Perkataan "as soon as possible" ini saya anggap memang barangkali digunakan di dalam perkataan-perkataan di mana ada kait-berkait dengan legal term. Apa yang saya suka menyentuh di sini bahawa kalaulah it is loosely worded, macam saya katakan tadi iaitu "as soon as possible", ada kalanya pegawai-pegawai yang bertindak kalau tidak ditentukan masanya dalam satu bulankah, satu minggukah, atau enam bulankah, maka boleh jadi perkara yang patut dibuatnya sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang ini diperpanjang-panjangkan dan ini akan mendatangkan kerumitan kepada rakyat. Dengan sebab itu, saya berharap adakanlah satu cara peraturan pentadbiran membolehkan pegawai yang berkhidmat dapat sebagai panduan menye-

gerakan apa-apa sahaja berkenaan dengan Rang Undang-undang yang saya katakan tadi. Di samping itu saya suka membuat dengan secara pendek-pendek 3 syor:

- (1) Kita telah lihat, Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai rancangan perumahan di negara kita ini. Kalaulah seorang yang mempunyai wang banyak, dibukanya satu rancangan perumahan maka diberikan namanya, kalaulah namanya Muhammad, jadi Rancangan Perumahan Muhammad, kalau namanya Ah Kaw jadi Rancangan Perumahan Ah Kaw atau Taman Ah Kaw dan kalau dia bernama Ramasamy, Taman Ramasamy dan sebagainya. Saya berpendapat bahawa rancangan-rancangan perumahan atau taman perumahan itu hendaklah diadakan satu peraturan, jangan ataupun dilarang digunakan nama orang-orang yang merancang tanah itu, tetapi boleh kita gunakan nama-nama orang yang telah memberi khidmat kepada negara, misalnya, "Taman Tun Dr Ismail". Itu boleh, tetapi kalau kita hanya ada duit, kita hendak nama kita disebut-sebut orang, kita taruh Taman Ah Kaw, Taman Ramasamy, Taman Muhammad, ini tidak akan memberi imej yang baik kepada negara kita.
- (2) Saya suka mengesyorkan bahawa tanah-tanah yang tidak digunakan, terutamanya di dalam pekan-pekan dan bandar-bandar yang dibiarkan sahaja oleh tuan punya tanah 20-30 tahun, walhal tempat itu boleh didirikan rumah kedai dan kompleks. Misalnya, di tempat saya di Pekan Kuala Selangor, berpuluh ekar tanah di dalam pekan itu tidak dapat dibuat oleh sesiapa atau oleh Kerajaan sendiri apa-apa rancangan. Sungguhpun kekurangan tanah di situ kerana orang yang punya tanah itu, 20-30 tahun membiarkan begitu sahaja, patut diberi kuasa kepada pihak yang berkenaan mengambil balik tanah itu dan diberikan kepada orang-orang yang boleh ataupun Kerajaan sendiri membuat rumah-rumah kedai dan sebagainya.
- (3) Saya suka membuat syor sebagaimana yang dikatakan oleh beberapa orang rakan saya, iaitu patut ada perhubungan di antara Jabatan Tanah di peringkat Negeri dengan Kerajaan

Pusat; dibentuk satu badan di Pusat, mempunyai koordinasi, mempunyai hubungan dengan sesiapa yang berkuasa di peringkat negeri. Dengan cara itu, maka dapatlah kelak kita mengawasi supaya pemberian tanah, pemberian rumah murah dan sebagainya betul dijalankan oleh pihak Negeri mengikut hasrat kita iaitu land for the landless ataupun house for the homeless.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, teguran-teguran dan syor-syor saya untuk pandangan pihak Kementerian yang berkenaan.

6.25 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri berkenaan.

Saya berpendapat memang kena pada tempatnya Rang Undang-undang ini dikemukakan kerana kita tahu kedudukan harga tanah adalah bertambah naik dari satu masa ke satu masa. Bagaimana saya masih ingat lagi di Pekan Kangar, tempat saya sendiri, 20 tahun lalu sekeping tanah harganya tak lebih daripada \$25.00 satu ekar, tetapi tanah itu sekarang menjadi \$2,500 ataupun \$10,000 saut ekar ataupun satu relong. Maka dengan sebab itu oleh kerana Kerajaan kita akan mencari wang dengan mengutip cukai dan sebagainya dan juga Kerajaan kita telah memberi subsidi kepada orang-orang yang patut kita beri, maka dengan sebab itu saya mengesyorkan cukai tanah ini sebagaimana dikatakan oleh kawan-kawan yang terdahulu daripada saya, hendaklah kita mengambil cukai mengikut peratus ataupun harga tanah yang berkenaan. Saya tidak bersetuju sama sekali harga tanah disamakan mengikut tiap-tiap tempat, kerana kita mengikut keadilan, kepada benda yang lebih mahal maka patut cukainya lebih mahal; tentulah tak adil kalau cukai motokar kita hendak samakan dengan cukai motosikal yang kecil ataupun yang bertayar dua. Maka dengan sebab itu, saya mengesyorkan di sini supaya cukai tanah itu patutlah diambil mengikut peratus.

Saya syorkan Kerajaan mengambil cukai tanah di seluruh negara, kalau tak ada lagi undang-undang patut dibuat, tak kurang daripada 1% maknanya kalaulah harga

tanah itu \$1,000 dikenakan \$10, kalaulah sampai \$100,000 maka cukainya jadi bertambah banyak. Kita tahu harga tanah tak sama.

Hari ini di Perlis boleh dikatakan tanah dijual dari segi relong, tetapi setahu saya di Kuala Lumpur dan tempat lain termasuk Pulau Pinang, tanah dijual mengikut kaki. Ahli Yang Berhormat di hadapan saya mengatakan dikira "inchi". Jadi kalaulah mengutip cukai kita ambil

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang pakai inci itu tanah lain. (*Ketawa*)

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap fasal tanah. Jadi saya mencadangkan patutlah Kerajaan mengambil cukai mengikut peratus harga tanah, mengikut harga yang ditetapkan oleh Kerajaan, harga paling murah, katakan harganya \$1,000 diambil atas asas harga yang berpatutan.

Kedua, tanah adalah menjadi satu masalah yang cukup besar, sebagaimana dikatakan oleh rakan-rakan saya tadi, biasanya keluarga yang tak patut bergaduh satu dengan lain jadi bergaduh, sanggup ke mahkamah, sanggup lebih daripada itu kerana tanah pesaka yang ditinggalkan kepada mereka. Maka dengan sebab itu, ada di antara kawan saya tadi mengesyorkan dan saya sokong seratus peratus supaya tanah itu dilot-lotkan dan lebih tepat pada pendapat saya, sepatutnya nama atas geran sebidang tanah tak patut dibuat lebih daripada seorang.

Pada hari ini kita berasa dukacita, kerana kadang-kadang satu geran sampai 4 orang namanya, sedangkan geran motosikal kita boleh buat seorang dan tak boleh buat lebih daripada satu. Ini geran tanah yang harganya beratus ribu ringgit tak boleh buat satu geran seorang. Ini benda yang cukup mustahil. Lagi pula dengan banyaknya pemilik-pemilik satu geran ini menyebabkan kecau-bilau.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang yang menghabiskan bercakap, izinkanlah saya bercakap panjang sedikit. Biasa berlaku di tempat saya bukan seorang, bukan dua, bahkan banyak. Satu geran yang bertulis Husin dan Minah misalnya, kerap kali mengikut orang tua-tua di kampung, dia memberi pesaka ada yang mengikut syarat, bererti dua bahagian kepada si laki-laki dan satu

bahagian kepada perempuan, tetapi di dalamnya ditulis sebahagian untuk si laki-laki dan sebahagian lagi untuk perempuan. Maka si laki-laki kadang-kadang dia jualkan tanah itu kepada seorang hamba Allah lain pakai faham, dia faham daripada tanah dia, dia yang berhak memilikinya. Bila semua orang tua-tua yang berkenaan mati, lagi pula ini telah termaktub dalam geran taulah kepada si pembeli tadi yang dia ini cuma ada $\frac{1}{2}$ daripada tanah berkenaan, bahkan dia kena anianya oleh pihak yang berkenaan. Dengan sebab itu masaalahnya banyak ataupun bahayanya banyak. Saya berharap kepada pihak yang berkenaan, baik di Negeri Perlis atau di mana pun buatlah satu undang-undang supaya perkara ini patut diadakan sebagaimana saya syorkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah berlaku dalam kampung sebagaimana dikatakan oleh wakil dari Permatang Pauh tadi. Benda yang berlaku ini bukannya perkara biasa. Orang-orang kampung minta tanah, katakanlah, di Perlis yang luasnya 316 batu persegi. Daripada dahulu sampai ke hari ini masih 316 batu persegi juga, tanah tak bertambah tetapi bilangan manusia yang meminta tanah bertambah; di mana sekalipun, kadang-kadang bertindih di atas satu kawasan, satu orang ke satu orang tetapi yang amat dukacita walaupun tanah tak bertambah namun permohonan sampai beribu-ribu tak dapat diselesaikan. Saya sendiri tak faham mengapa keadaan ini jadi begini. Boleh jadi biasa satu hari kata Menteri yang berkenaan oleh sebab rancangan tanah ini banyak, kita buat rancangan FELDA, rancangan itu dan rancangan ini, maka terpaksa diselesaikan dengan banyak cara, oleh sebab itulah tak dapat diselesaikan dengan mudah. Ada di antara pemohon-pemohon yang berkenaan memahami bahawa dengan dapatnya satu certificate yang dia mohon minta tanah maka dia ingat: aku sudah boleh miliki tanah, walhal itu sebagai penerimaan.

Di Perlis, tempat saya sendiri yang negerinya kecil apa boleh buat, manusianya kian setahun bertambah banyak, tanahnya tak cukup, asalkan dapat permohonan sebagaimana saya kata tadi masing-masing berusaha di tanah berkenaan. Ada setengahnya berkaca antara satu sama lain, ada setengahnya tidak berkaca sampai berpuluh-puluh tahun. Alangkah malangnya mereka yang ber-

kenaan. Bila sampai satu ketika Kerajaan akan mengambil tanah yang berkenaan kerana mengikut syarat Kerajaan, satu-satu tanah yang akan diambil mestilah tanah yang bergerak, barulah boleh dibayar gantirugi. Kalau tanah yang tidak bergerak walaupun diusahakan berpuluh-puluh tahun, daripada bukit, daripada hutan jadi bendang dan dapat hasil yang banyak, tanah yang begitu lebar dan cantik, tetapi oleh sebab dia tidak bergerak walaupun diminta bertalu-talu maka akhirnya dialah bersalah sebab dia tak bergerak, tetapi kalau kita hendak salahkan dia, di sudah minta. Dengan sebab itu, saya merayu kepada pihak yang berkenaan, saya tak minta jawapan, oleh sebab Perlis sebuah negeri yang kecil, lagi pula pegawainya tak cukup. Kalau setengah negeri lain dia kata pegawainya lebih, setahu saya di Perlis pegawainya tak cukup, hendak tambah pegawai lebih, gaji tak cukup, 1001 macam masaalah. Hari ini pula setengahnya sudah pencen, dia pergi ke tempat lain, Pesuruhjaya Tanah pula menggantikan tempat itu, pegawai yang ada 3-4 orang dibahagi-bahagikan di situ.

Saya harap Kementerian yang berkenaan berilah perhatian kepada Negeri Perlis. Saya tahu pihak Kerajaan Malaysia sedia menolong Negeri Perlis iaitu negeri yang mundur, pihak Pejabat Tanah pun tolonglah lagi supaya dapat diselesaikan dengan mudah yang mana dikatakan oleh Menteri tadi fasal bab pesaka yang tak selesai supaya diselesaikan dengan mudah. Saya bukan kata kita buat undang-undang. Saya tengok hari ini seperti geran motosikal, lesen motosikal, orang yang telah mati kita tak patut beri geran motosikal, tak boleh pada segi undang-undang. Pada segi tanah ada setengah manusia itu sudah mati beratus tahun, tetapi geran tanahnya masih dipakai sehingga sekarang. Saya berpendapat patutlah juga kita buat undang-undang, selepas sahaja si mati memiliki geran tak lebih daripada setahun mestilah pihak Kerajaan dan pihak warisnya mengambil pesaka dengan sertamerta yang boleh, supaya tidaklah jadi, misalnya, si Muhamad mati tinggalkan anak, tinggalkan cucu, tinggalkan cicit sampai 4 keturunan yang tak habis-habis. Asal daripada dua jadi empat, asal empat jadi lapan sampai penuh satu balai orang ramai membicarakan atas pesaka seorang yang telah mati. Saya merayu kepada Menteri yang berkenaan tolonglah tambah pegawai atau cari penyelesaian

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lakikah Ahli Yang Berhormat?

Tuan Shaari bin Jusoh: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya yang akhir.

Berkenaan dengan harga-harga tanah, Kerajaan kita yang berkuasa kerana hendak ambil tanah buat indastri, buat sekolah, buat itu dan buat ini—ini wajib. Kalau tak buat benda ini kita semua tak ada sekolah dan budak-budak kita juga yang bodoh dan zaman kita pun telah maju. Kadang-kadang kita terpaksa ambil tanah-tanah orang hendak buat rancangan letrik dan sebagainya. Saya berharap kepada Kerajaan di samping kita ambil tanah kerana kita ada kuasa, bayarlah harga tanah itu agak setimpal dengan keadaan pasaran hari ini. Kadang-kadang harga tanah itu \$10,000 tetapi biasa kita bayar tak lebih daripada \$2,000.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ini tak termasuk dalam Pindaan Rang Undang-undang.

Tuan Shaari bin Jusoh: Termasuk cukai, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tak termasuk. Kalau direngkaskan sedikit ucapan itu bolehlah dibenarkan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ini yang akhir. Dengan sebab itu, sekali lagi saya merayu dengan adanya Rang Undang-undang ini diharap segala syor-syor yang saya syorkan ini adalah menjadi kebaikan kepada kita bersama dan kebaikan kepada rakyat dan saya yakin kalau benda ini dapat dilaksanakan, kita sama-sama akan mendapat pahala selain daripada akan membawa kebaikan.

6.37 ptg.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan seterusnya saya ingin menyatakan yang saya tidak akan menjawab semua perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan pada hari ini. Kalau sekiranya saya hendak menjawab satu-persatu barangkali esok pun tak habis. Oleh yang demikian, saya akan mempertimbangkan segala teguran-teguran semasa saya menerima Penyata Rasmi Parlimen nanti.

Awal-awal lagi saya ingin menyatakan bahawa di bawah Perlembagaan Persekutuan, hal ehwal tanah adalah merupakan satu perkara Negeri. Oleh yang demikian, sudah semestinya kuasa ini adalah kuasa Kerajaan Negeri, oleh itu juga saya tidak dapat memberi apa-apa commitment bagi pihak-pihak negeri lain.

Menyentuh kepada masalaah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong suka saya menyatakan bahawa ini merupakan satu masalaah yang saya rasa dapat diatasi, kerana ini adalah transitional period di mana penutukan Wilayah Persekutuan hanya baru 1-2 tahun sahaja, oleh itu rekod-rekod daripada office yang dahulunya terpaksa ditransfer kepada tempat lain. Saya akan mengemukakan kesulitan yang dihadapi ini kepada pihak yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai telah mencadangkan di antara lain ialah mengadakan satu task force untuk menyiasat dan menyelesaikan tanah haram. Saya rasa ini merupakan satu cadangan yang baik dan kita akan mengemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri.

Mengenai cadangan mengadakan cukai tanah base on percentage, saya rasa kalau tak salah ingatan saya Negeri Perak ada mengadakan land rent base on percentage. Jadi mungkin itu satu daripada cadangan yang kita patut kajikan.

Ingin saya menyentuh sedikit mengenai cadangan mengadakan satu land reform. Saya rasa adalah perlu bagi kita menyelidiki dengan sedalam-dalamnya mengenai land reform ini kerana akibatnya adalah merupakan satu akibat yang berpanjangan. Setakat ini saya dapat tahu bahawa satu penyiasatan sedang dijalankan di kawasan Muda, Kedah oleh Universiti Sains Malaysia dan juga oleh FELCRA di kawasan Perairan Kemubu dan pendapat dari sana nanti bolehlah menjadi satu guideline untuk kita mengkajikan soal land reform.

Satu lagi cadangan daripada Ahli Yang Berhormat yang dalam pendapat saya adalah baik juga ialah soal pentadbiran tanah diprofessionalisekan iaitu diutamakan dan juga mengenai separation of land office daripada district office, ini adalah sedang dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ada mencadangkan supaya orang-orang yang diam dalam rumah pangsa mendapat title kepada rumah itu. Provision untuk ini memang sudah ada di dalam National Land Code. Yang menjadi soal sekarang ialah soalan implementasi sahaja.

Soalan kelambatan di dalam sub-division of land, ingin saya menyatakan bahawa Kementerian saya ada membuat satu kajian mengenai perkara ini dan mungkin satu jalan dapat kita fikirkan bagaimana mempercepatkan lagi soal sub-division ini. Ini adalah dalam active consideration Kementerian saya.

Mengenai memorandum of transfer yang tidak mencukupi setem dan valuationnya iaitu perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Renggam, saya rasa adalah salah dari segi undang-undang membuat satu-satu keputusan bertentangan dengan Kanun Tanah Negara.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun ada meminta supaya mempercepatkan lagi pemecahan lot-lot. Pemecahan lot-lot adalah menghendaki kepada ahli-ahli jurukur. Kekurangan jurukur di kebanyakan negeri merupakan satu perkara yang menghalang kecepatan penyukatan tanah ini kerana tidak terpaksa memberi priority kepada development projects.

Kelambatan di Pejabat Tanah memanglah diakui, memang sudah selalu diterangkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa satu daripada faktor yang menyebabkan kelambatan ini ialah kekurangan kakitangan yang sesuai untuk menjalankan tugas-tugas ini. Selain daripada bertambahnya bilangan surat-surat cara yang menghendaki proses itu.

Saya rasa itulah sahaja yang saya ingin menjawab untuk sekarang. Seperti kata saya tadi saya akan timbangkan lagi apabila saya menerima Penyata Rasmi Parlimen nanti.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PER-SATUAN PALANG MERAH MALAYSIA (PERTUKARAN NAMA)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.46 ptg.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menukar nama dan lambang Persatuan Palang Merah Malaysia dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Persatuan Palang Merah Malaysia (The Malaysian Red Cross Society) adalah satu daripada 122 buah pertubuhan nasional yang bersama-sama mengamalkan tujuan-tujuan dan cita-cita pergerakan Red Cross.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah maklum pergerakan Red Cross ialah satu pergerakan yang meliputi seluruh dunia yang tidak berdasarkan politik ataupun ugama tetapi yang berasas kepada prinsip-prinsip peri kemanusiaan yang neutral dan adil. Pergerakan Red Cross ini muncul di negara ini dalam masa darurat dahulu iaitu dalam tahun 1951 manakala satu cawangan Persatuan Palang Merah British ditubuhkan untuk memberikan perkhidmatan perubatan, kesihatan dan kebajikan menerusi kelinik-klinik bergerak dan kelinik-klinik tetap.

Kemudian dalam tahun 1957 Persatuan Palang Merah bagi Persekutuan Tanah Melayu diwujudkan dan dalam tahun 1965 pula Persatuan Palang Merah untuk meliputi seluruh Malaysia yang ada sekarang ini telah ditubuhkan menurut Akta Persatuan Palang Merah Malaysia (Perbadanan), 1965.

Persatuan-persatuan Red Cross ini menjalankan aktiviti-aktiviti mengikut keadaan dalam negara masing-masing. Di negara ini persatuan ini menumpukan perhatian khas kepada aktiviti-aktiviti berkaitan dengan memberi bantuan kepada mangsa-mangsa bencana alam dan lain-lain kerja kemasyarakatan berhubung dengan kesihatan dan kebajikan masyarakat. Di separuh-separuh negara Islam Persatuan Palang Merah ini dipanggil Persatuan Bulan Sabit Merah dengan simbol bulan sabit merah, berlatar-belakang putih dan di negara Iran pula Persatuan itu dipanggil the Red Lion and Sun Society dengan simbol singa dan matahari merah berlatar-belakang putih. Oleh sebab negara kita adalah sebuah negara Islam, maka sewajarnya lah Persatuan Palang Merah Malaysia ditukar namanya kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia seperti juga di negara Islam lain seperti Saudi Arabia dan seterusnya simbol palang merah itu ditukar kepada simbol bulan sabit merah yang berlatar-belakang putih.

Mengikut undang-undang sekarang Persatuan Palang Merah Malaysia tertubuh di bawah Akta Persatuan Palang Merah (**Perbadanan**), 1965 untuk mencapai maksud penukaran nama dan simbol ini Akta ini perlu dipinda seperti dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan ini.

Saya suka hendak menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini telah dimasukkan dalam Aturan dan Urusan Mesyuarat lebih awal, tetapi saya telah meminta perkara ini ditangguhkan untuk membolehkan beberapa pindaan dibuat yang saya akan cadangkan dalam Jawatankuasa.

Pindaan-pindaan itu seperti dijelaskan dalam Kertas DR. 24/75 yang telahpun didedarkan bertujuan:

- (a) untuk menggunakan perkataan "letak-hak" berhubung dengan hak bagi menggunakan lambang baru itu;
- (b) untuk mengadakan suatu gambar lambang itu; dan
- (c) untuk mengadakan peruntukan bagi melindungi lambang itu daripada digunakan tanpa kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menukar nama dan

lambang Persatuan Palang Merah Malaysia dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.53 ptg.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Disamping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menjawab satu pertanyaan tentang perkara ini dan beliau telah mengatakan, oleh sebab negara kita ialah beragama Islam, maka perlu kita menukarkan tanda palang merah kepada bulan sabit. Dan di dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan juga telah menyentuh tentang perkara itu, tetapi Menteri yang berkenaan dalam ucapannya menyatakan palang merah telah digunakan tanpa mengira agama.

(*Dengan izin*) In other words, the Minister said that the Red Cross does not have any religious connotation. I wish to point out, Mr Speaker, Sir, that the Red Cross is a symbol adopted from the Swiss flag in reverse colours: in other words, the Swiss National flag has a white cross on a red background. The Palang Merah or Red Cross, is the symbol of the Malaysian Red Cross Society and is used by our hospitals, our Armed Forces, the ambulances they have in the hospitals and the medical buildings.

Mr Speaker, Sir, the Minister also in her speech stated, and I reiterate, that under the Geneva Convention to which the Malaysian Government is a party, there are four symbols—the Red Cross which has a membership of 104; the Red Crescent which has a membership of 16 confined mainly to Muslim countries; the Red Lion and Sun which has a membership of one and the Alliance of Red Cross and Red Crescent (of the U.S.S.R.) which has a membership of one. Mr Speaker, Sir, this shows, and the Minister recognises, that a large part of the international community that is engaged in relief work uses the "Red Cross" and the Minister in her

speech and in reply to a question for oral answer has stated that because we are a Muslim country, therefore it is desirable for us to change the symbol of the Red Cross Society from the Red Cross to the Red Crescent. It must be noted, Mr Speaker, Sir, that the Red Crescent by itself has no religious connotation and quite rightly so. So I do not see how the question of having a religious motive arises because the Red Crescent as it stands without the Star has no religious connotation.

Mr Speaker, Sir, the Minister has also in her brief speech given us a brief history of the Malaysian Red Cross Society and has paid tribute to the Malaysian Red Cross Society and I will come to it a little later. What I want to touch on is this. The League of the Red Cross and the Governors of the Red Cross in Geneva are responsible for the Red Cross Conventions which are accepted by the Governments of the world. The Geneva Conventions are enacted as law by the Parliaments and Legislatures of all the countries in the world.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: From what document are you reading, Yang Berhormat?

Dr Tan Chee Khoon: This is a memorandum about the Red Cross. Mr Speaker, Sir, what I wish to ask the Honourable Minister is since we are a member of that Geneva Convention regarding the Red Cross, have we consulted the people in Geneva about the change that we are making? If we have not been a member, then I would say we can act unilaterally. But since we are a member, notwithstanding our independent status, I submit that it would be common courtesy for us to consult the authorities in Geneva regarding our change, particularly, Mr Speaker, Sir, as I shall presently show, regarding the possibility of a new symbol. I wish to ask the Minister whether she is aware that there is at the moment a move to search for a new symbol which will not be associated with any religion because of this idea of the Red Cross or Red Crescent being associated with religions.

Mr Speaker, Sir, as I said, I believe there is a search for a new symbol of neutrality which has no religious significance whatsoever and enact a new Geneva Convention which will be acceptable to all countries in the

world and to the Armed Forces of all the countries in the world. Mr Speaker, Sir, this is important because if, as I believe and I think the Minister is aware, there is a move at the moment, then why don't we as a country make a suggestion to the authorities in Geneva that they should hasten to search for a symbol of neutrality for a society of this nature; perhaps we can come out with ideas for a new symbol instead of unilaterally changing this without, I think, informing the authorities in Geneva.

Incidentally, Mr Speaker, Sir, if you look at the two Bills that are being presented, this was the Bill that was presented first and this was the Bill that was presented later and which we are debating today. I am glad that the Minister has paid heed to representations made to the Government regarding the Red Cross and notwithstanding the fact that she has paid heed, I shall presently show that the new Bill itself is not

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: There is only one Bill. The other one you are referring to, Yang Berhormat, is an amendment to the original Bill.

Dr Tan Chee Khoon: Yes, this is the amendment. This amendment which we are debating today is not as complete as we would have hoped it to be. Mr Speaker, Sir, if I may spend a little time on this question of religion. The Minister in her reply to an oral question and in her brief speech has stated that because we are a Muslim country, it is desirable that we should have this Red Crescent. I agree with her, Mr Speaker, Sir, that we are a Muslim country and the Muslims are the majority in this country. But we must not forget that we are a multi-racial nation and a multi-religious one as well. As such we should take into consideration the views of the people of the other religions. To quote the Middle East and the others is not at par with what I am saying because there they are a homogenous people and, perhaps, in Egypt, for example, 95% or more of the people are Muslims although there are Copts, an ancient group of Christians who are Egyptians, but to make this comparison with the other Islamic countries, I think, is not that relevant.

Mr Speaker, Sir, under the International Convention the exact size of the Red Cross is specified and this is important especially in

times of war. For example, I well remember that when I was in school still during World War II the Italians bombed the Abyssinian Red Cross and the answer given was that the Cross was not exactly as spelt out in the Geneva Convention.

I pointed out just now that these amendments are not that complete. I have read these amendments very carefully and no where is the exact dimensions of the Crescent specified. Now, this has a great relevance as I shall presently show. If you do not specify the exact specifications, then if people want to make use of it, and as it is forbidden in these amendments for anyone to make use of it—for example, I may have a private hospital and if I want to use this I cannot use this—but if there are no exact specifications, then I can use it. However, we know that the Red Cross symbol cannot be used because the exact specifications are spelt out in detail and only the red Cross Society, only the Government, only the military, the ambulances and the like can use the Red Cross symbol. All other people, including private hospitals cannot use the Red Cross symbol. But I regret to say that the exact dimensions of the Red Crescent symbol are not spelt out in detail and I will come to it a little later. There are warnings about the infringement of the Crescent. Now, if the exact specifications are not spelt out in detail, how on earth can you say that so-and-so has infringed what is virtually a copy-right when he does not know what is the exact dimensions of the Red Crescent?

Mr Speaker, Sir, as the Minister has quite rightly pointed out, the Malaysian Red Cross Society was enacted by an Act of Parliament in 1965 and like the Minister I want to pay a tribute to the gallant body of voluntary workers who have sacrificed untold hours, who have faced dangers while the people sleep soundly at home and who have made sacrifices not only of their time but their health and their money as well in order to save the poor victims of fires, floods, wars and the like, but we must not confuse the Red Cross with just the Red Cross Society that we saw the other day coming here to take blood from blood donors. They are part and parcel of the people using the Red Cross symbol but more important than this gallant body of voluntary workers is the use of the Red Cross by the Government hospitals, the Armed Forces, the ambulances, the hospitals, the First Aid Stations and the like and this

has a great relevance in connection with our Armed Forces.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Mr Speaker, Sir, we are in South-East Asia and I gather that in Indonesia, which is a secular state but is predominantly Muslim, it uses the Red Cross and if for some reason there is a war between us and some neighbouring country, which may God forbid, and we do not specify exactly what the Red Crescent means, as we propose to change it now, and I am sanguine enough to know that with the vast majority the Government can change it despite all that I can say or other Opposition Members can say or will say, the Government will get this Bill passed, it means that we have to get our neighbouring countries to be used to the fact that the Red Cross has now been replaced by the Red Crescent. That is not such an easy thing to do and I shudder to think that if there is a war and our neighbouring countries do not know that we have changed the symbol or they cannot recognise the Red Crescent, then they will start bombing our hospitals, our ambulances, our First Aid Stations. In times of war it is internationally recognised that these institutions should not be bombed and I am glad to say that during the long years of the Emergency and even now the people in the jungle respect the Red Cross. As far as I know, they have not attacked any of our ambulances, and our ambulances have been going up and down the roads, our medical institutions which have the Red Cross, our Army hospitals and the like. But can we say whether we can educate them in time so that they will recognise that the Red Crescent is a substitute for the Red Cross? The Red Cross, as I said, as the Minister herself has pointed out, is being used by 104 countries. It is internationally known. I must confess that until I read the Bill I didn't know—of course, I vaguely knew that the Muslim countries have their own symbols—but I did not know that there is the Red Crescent, the Red Lion and Sun and the Red Cross and Red Crescent in the U.S.S.R. So this question of educating not only the people in the jungle but our neighbouring countries is a very important one if we want to avoid casualties that are sure to occur if our medical institutions are bombed all because people do not know the significance of the Red Crescent.

Now, turning away from the horrors of war, Mr Speaker, Sir, may I come to Clause 5 (3) of the Amendment which talks about:

“Where an offence committed by a body corporate or society is proved to have been committed with the consent or connivance of any director, manager, secretary or other officer of the body corporate or society, he, as well as the body corporate or society, shall be deemed to be guilty of the offence and shall be liable to be prosecuted and punished accordingly.”

Now, nowhere is the penalty specified and I want to ask the Minister for Welfare Services, apart from the fact that the exact dimensions of the Crescent are not specified, therefore, you will find it very difficult to prosecute, supposing you are successful in your prosecution, the penalty is not spelt out . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada baca sub-clause (2)?

Dr Tan Chee Khoon: I withdraw that, Mr Speaker, Sir, I did not see this—“not exceeding three hundred dollars”.

I submit, nevertheless, that the prosecution is going to be difficult because the exact dimensions of the Red Crescent are not spelt out.

Now, Mr Speaker, Sir, I want to ask the Minister, if these amendments are passed, whether the Government intends to use the Crescent as the symbol of neutrality. This is very important because if we intend to use the Red Crescent as the symbol of neutrality then we must start educating our own Armed Forces as how to go about it and bring it to the notice of our neighbouring countries especially that our Armed Forces are no longer using the Red Cross but are using the Red Crescent. This should be done immediately and if possible we should propagate amongst the people in the jungle that there is now a change from the Red Cross to the Red Crescent in the hope that the people in the jungle will continue to respect the Red Crescent as they have respected the Red Cross in the past.

Now, Mr Speaker, Sir, the other thing, of course, is the expenditure involved. In the original amendment under financial implications it says: This Bill will involve the Government in extra financial expenditure in the actual implementation of the change

of name and emblem and the amount of which cannot at present be ascertained”. Now, I presume— and I hope I am wrong—that when the Government talks about the extra expenditure it refers to such things; you have to paint the hospitals anew all over the country, you have to paint the ambulances anew, the military institutions will now have to use the Red Crescent anew, etc. However, in the Bill that we are debating today that part has been wiped out. I hope that this does not mean that the Government thinks there is no other financial commitment. But what I am going to ask the Honourable Minister for Welfare Services, since the Red Cross is a voluntary organization engaged in welfare work, is whether her Ministry or the Treasury has made provisions for the hundreds, if not thousands, of Red Cross symbols that they possess now— all the uniforms of all the Red Cross have got to be changed to the Red Crescent; all the ambulances, all the other vehicles, all their hats and all that. I am told that the expenditure on these may well exceed half-a-million dollars. Who is going to bear the expenditure? Since it is a voluntary organization, we cannot hope for any assistance to come from Geneva nor should we get it from Geneva anyway. I think the people of this country must bear this and I think since the Government is legislating for this change, then the Government should quite rightly bear the expenditure involved in the change of the Red Cross to the Red Crescent.

Now, Mr Speaker, Sir, I shall close with one word of caution to the Minister. The Government has made up its mind to go through with this amendment, but I do hope that the Government would pay heed to what I have said about informing our immediate neighbours regarding this change, about educating our own people regarding the change from the Red Cross to the Red Crescent, so that there should be no misunderstanding on the part of the public about this change because it is quite likely there may be misunderstanding and certainly if our neighbours are not informed and should we be at war with anyone of them, there may be increased casualties from bombing attacks, for example, by any neighbouring country on our hospitals, ambulances and the like. Thank you very much.

7.15 mlm.

Tuan Au How Cheong (Teluk Anson): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I would like to give my support to this Bill which seeks to amend the name of the Red Cross to the Red Crescent and to replace the emblem of the Cross with that of a Crescent.

Tuan Yang di-Pertua, as we can read from Clause 3 (2) only the name and the emblem are altered. The rights and obligations, the objectives and purposes of the Society remain unchanged. In this connection, I would like to pay tribute and congratulate the Society for the excellent service it had rendered to the nation in the past. However, I would call upon the Society not to be active only in times of disaster or in times of war or not to confine to ceremonious functions only but to be active in ordinary daily life at all times by helping the people to be more conscious about personal and public hygiene and cleanliness and by offering such services as teaching First Aid to those who are interested, such as factory workers and housewives, by promoting and improving the general health of the people and by helping to prevent the spread of diseases such as dengue, malaria, T.B., etc.

Tuan Yang di-Pertua, I would even call upon the members of the Society to be active in this international movement by offering their services in overseas countries to serve in those areas where there are conflicts and to help the civilians who suffer under those conflicts.

Tuan Yang di-Pertua, it is unfortunate that people in many parts of the world are at war with each other causing untold pain and sufferings to the innocent. By helping to reduce the agony and sufferings of others and by attending to the sick, the wounded and injured, they also help to promote international goodwill, friendship and understanding.

Tuan Yang di-Pertua, I remember not many years ago when there was dispute in Congo, our soldiers did a magnificent job in assisting to keep peace and to maintain law and order in that country. I am sure the Society, if given the opportunity and under the new name and the new emblem, would be able to carry the flag of the Society to countries abroad and would be able to

perform their services equally well and would bring the name of the Society and the nation into prominence.

Tuan Yang di-Pertua, before I sit down, may I suggest that the new emblem be reversed so that the Crescent points to the left. As it is, the emblem can very easily be mistaken as the alphabet "C".

Tuan Yang di-Pertua: As what?

Tuan Au How Cheong: Alphabet "C"

Tuan Yang di-Pertua: Alphabet C!

Tuan Au How Cheong: By reversing the emblem, Tuan Yang di-Pertua, it depicts also the Crescent and the Crescent alone. Lastly, I hope the Honourable Minister would clarify whether the replacement of the Cross would also extend to our hospitals and ambulances as our hospitals and ambulances still use the emblem of the Cross to signify medical service. Thank you very much.

7.20 mlm.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang telah berjaya membuat pindaan nama Palang Merah kepada Bulan Sabit Merah. Ini adalah sesuai dengan negara kita yang telah mencapai kemerdekaan dan selayaknya dan sepatutnya lambang ini dan nama Bulan Sabit Merah ini dilaksanakan selepas kita mencapai kemerdekaan. Tetapi pada hari ini telahpun dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini, maka diminta biarlah tugas-tugas Palang Merah itu apabila bertukar sahaja nama kepada Bulan Sabit Merah bergiat lebih cergas hendaknya.

Saya tidak hendak bercakap panjang dan saya berharap semoga Bulan Sabit Merah ini menjadi satu tugas yang penting dan diminati oleh seluruh dunia menjadi minat kepada dunia apabila kita menunjukkan lambang ini. Pendek kata, orang-orang di Malaysia ini barulah sedar memuji akan Kerajaan kita kerana sentimen ugama kita tentulah tidak tercatat lagi atau tidak menjadi pertanyaan.

Saya sokong penuh di atas pertukaran lambang daripada Palang Merah kepada Bulan Sabit Merah.

7.22 mlm.

Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan ucapan terima kasih saya kepada Menteri Kebajikan Am. Saya bangun di Dewan yang mulia ini menyokong terhadap Akta Pertukaran Nama Palang Merah Malaysia kepada Bulan Sabit Merah Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Akta bagi menukar nama dan lambang Persatuan Palang Merah Malaysia kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia. Alasan-alasan dan sebab-sebabnya yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am memang tidak patut disangkal. Pendapat saya pertukaran nama bagi persatuan ini memanglah tepat pada ketika dan masanya dan lebih penting lagi ialah lambang Bulan Sabit Merah ini adalah melambangkan negara Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara Islam lain di dunia juga ada yang telah menukar simbol Palang Merah (Red Cross) kepada simbol Bulan Sabit Merah. Jadi perbuatan menukar nama ini kepada simbol yang baru tidaklah ganjil.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan-tujuan matlamat serta amalan-amalan persatuan ini dengan nama dan lambang barunya adalah sama dengan tujuan-tujuan dan cita-cita pergerakan Red Cross di seluruh dunia dan akan tetap diamalkan berdasarkan perinsip-perinsip peri kemanusiaan yang neutral dan adil. Implikasi mengenai salahguna simbol Bulan Sabit dan perkataan Bulan Sabit oleh mana-mana pihak perseorangan, persatuan, syarikat dan lain-lain badan adalah tidak timbul atau yang dibincangkan. Ini hanya bersabit dengan pertukaran nama. Lain-lain kontek kandungan di dalam Persatuan Palang Merah Malaysia (Perbadanan), 1965 tidak menjadi cacat cedera—merojok kepada para 3 perenggan 2 di dalam Akta yang diusulkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya menyokong penuh Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat dari Kuala Kangsar kerana ucapannya yang pertama kali dalam Dewan ini.

7.23 mlm.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan di samping saya berucap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tidak ada sebab yang sah untuk memperkenalkan Rang Undang-undang ini. Saya fikir tidaklah perlu untuk menukar lambang yang dimaksudkan oleh kerana Persatuan Palang Merah Malaysia di bawah lambang Palang Merah yang ada digunakan sekarang telah mencapai banyak kejayaan dan ini telah diiktiraf oleh pihak antarabangsa.

(Dengan izin) Tuan Speaker, as I said just now, there is really no valid reason to have the body's name and emblem changed for, after all, whether it is the Red Cross or the Red Crescent, both are recognised as symbols of neutrality as provided for under the Geneva Convention. Tuan Speaker, as has been pointed out by the Member for Kepong just now, it must be remembered here that the Red Cross symbol is the adoption of the Swiss Flag in reverse colour and not the Christian cross. And furthermore, the Red Cross emblem is more widely known throughout the world and in Malaysia, and in times of national emergencies, Red Cross societies throughout the world have come to our help. The special significance of the Red Cross symbol has been proven and given it due respect and recognition by friend and foe alike. Tuan Speaker, by changing the name of the body and its emblem, it does not really serve any purpose. On the contrary it will only add to the confusion of the Malaysian people as well as the foreigners. It is so because all along the people have been so used to the red Cross both at our national as well as international levels, and furthermore, publicity has all along been focussed on the Red Cross at these two levels.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang merunsingkan mengenai Rang Undang-undang ini yang sepatutnya dielakkan ialah apabila Rang Undang-undang ini dilaksanakan akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang.

Tuan Speaker, this will mean that hundreds of thousands of dollars will have to be spent on changing the name of the body

and its emblem, such as repainting of vehicles, sign boards and others by the Ministries of Defence and Health and the Malaysian Red Cross Society as well. Replacements of uniforms, accessories and other stock items will also incur a heavy expenditure. In addition, money will also have to be spent on publicising the new symbol and educating all concerned to the change and to respect and recognise the new symbol as a symbol of neutrality. This publicity will also have to be extended to foreign countries as well. If the objective of this change is to educate the people on the symbol of neutrality, then only a very small amount is necessary to further publicise the Red Cross symbol.

Finally, Tuan Yang di-Pertua, the hundreds and thousands of dollars that are to be involved in the implementation of this Bill can be purposefully utilised in other development projects.

7.28 *mlm.*

Tuan Mohamed Sovie bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini sewaktu kita membincangkan cadangan untuk mendatangkan pindaan ini barangkali sangatlah kena pada tempatnya bagi kita di Dewan yang mulia ini menyatakan dan merakamkan penghargaan kita kepada segala khidmat dan sumbangan yang telah diberi kepada negara, kepada masyarakat atau juga kepada masyarakat dunia oleh Persatuan Palang Merah kita di waktu negeri kita ini menghadapi dharurat dan juga pada waktu kita dalam keadaan yang aman.

Saya sendiri sebagai seorang yang pernah memakai tanda ini dan telah berkhidmat sewaktu meletusnya peperangan dunia kedua dalam negeri ini. Saya rasa boleh bercakap dengan secara sentimen yang sayang kepada pertubuhan ini yang mendukung segala cita-cita dan tugas-tugas dan sekiranya saya bukan seorang Malaysian, sekiranya saya bukan seorang warganegara Malaysia, dan sekiranya Malaysia belum merdeka, saya akan sanggup terus memakai tanda ini dan terus berkhidmat menjalankan perkhidmatan seperti masa yang telah lepas. Akan tetapi apa yang kita lakukan pada hari ini untuk mengubah, memindahkan tanda ini ada makna yang sangat dalam, bagaimana juga tanda ini menjadi simbol perbuatan kita pada hari ini juga simbolik, simbolik berasas

kepada Perlembagaan kita, simbolik pada penerimaan kita pada unsur-unsur yang menjadi foundation pada bentuk rupa negara kita.

Seorang warganegara yang betul-betul taat kepada negeri ini mesti taat kepada perlembagaan negeri ini dan seseorang yang taat kepada perlembagaan ini mesti menerima apa yang termaktub dalam perlembagaan yang menetapkan bahawa agama Islam adalah agama rasmi Malaysia, yang memberi perlindungan sepenuh-penuhnya dan memberi kebebasan sepenuh-penuhnya kepada segala agama yang lain sesuai pula dengan ajaran agama Islam sendiri.

Di sini kita perlu mengambil perhatian di mana simpangan jalan, di mana jurang, di mana perselisihan pendapat dan sikap ada di antara pihak yang membangkang yang oleh sebab sikap mereka yang tidak sesuai dengan segala fikiran umat negeri ini, sentiasa ditewas, sentiasa ditolak, sentiasa tidak dipilih dan sebaliknya fikiran dan pendapat sikap Barisan Nasional dan parti-parti dan ahli-ahli politik yang ada dalam Barisan Nasional yang sentiasa mengikut, menurut kemahuan rakyat, pendapat rakyat yang taat setia kepada perlembagaan, yang tetap taat kepada segala-gala yang menjadi asas tertubuh negara mereka ini. Ini saya rasa penting ditegaskan pada saat ini di mana kita nampak dengan terang bagaimana perkara ini, bukan satu perkara baru dijadikan satu perkara yang hendak menakut-nakutkan orang ataupun hendak menimbulkan sentimen agama.

Perkara atau cadangan supaya Bulan Sabit Merah ini mengganti Palang Merah telah bermula pada saat negara kita merdeka. Sungguhpun pada masa itu diusulkan oleh ahli Parti PAS dan barangkali oleh satu-satu sebab kerana barangkali itu diusulkan oleh Parti PAS ia ditolak, bukan sekali—beberapa kali, tetapi Alhamdulillah pada hari ini apa yang telah dimulakan daripada asal yang telah ditolak akhirnya nampak akan diterima pula. Ini saya fikir adalah satu contoh bagaimana satu-satu pendapat yang dianggap betul, benar, elok, baik, sewajar yang mahupun didapati pada sesuatu saat, pada sesuatu masa yang didokong oleh satu minority, satu golongan yang kecil, bilangan yang kecil ditolak daripada segi faction, daripada segi partition, tetapi akhirnya berjaya juga pendapat itu,

pendapat minority, pendapat partition itu diterima sebagai pendapat yang patut didokong oleh semua yang dapat diterima oleh seluruh negara. Ini juga saya ingat simbolik daripada apa yang kita hendak buat.

Saya rasa perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak Opposition menyoalkan samada tanda ini akan diiktiraf, akan diterima; dapat dijawab tegas. Kita bukan sahaja sebuah negeri yang akan menggunakan ini, memang sudah ada 16 buah negara ugama Islam yang sudah menggunakan simbol Bulan Sabit Merah ini sebagai simbol sama setaraf, sama nilai, sama makna, sama tujuan, sama maksud seperti tanda Palang Merah yang dipakai oleh negeri-negeri yang lain. Sebagai simbol untuk membantu, menolong, sebagai simbol neutrality, simbol perlindungan untuk orang sakit, hospital mahupun di waktu peperangan, International Red Cross sendiri diiktiraf kerana tergabung dalam pertubuhan International Red Cross. Pada masa ini beberapa buah negeri yang sudah memang menggunakan, memakai simbol Red Crescent ini. Andainya barangkali kita lupa yang Soviet Union bukan sehari, bukan setahun, sudah lima puluh tahun lampau mengiktiraf simbol Red Crescent dengan menyatukan Red Crescent ini bersama-sama dengan Red Cross, sebab di dalam Soviet Union daripada mula-mulanya dibentuk negara Kerajaan Soviet Union tanda yang terpakai ialah Red Cross and Red Crescent; pertubuhan di Soviet Union ialah Red Cross and Red Crescent Society. Kalau satu negara komunis yang biasanya dituduh tidak berugama, tidak bertuhan menggunakannya, jadi janganlah sesiapa hendak bangkitkan perkara ini sebagai perkara ugama. Sudah nyata simbol itu dipakai oleh Soviet Union yang diperintah oleh Parti Komunis, yang tidak menerima adanya Tuhan, yang tidak ada berasaskan ugama. Saya minta janganlah ditimbulkan perkara ini dari segi kita berugama itu dan berugama ini. Kita terima mungkin kita dalam negara Malaysia ini mempunyai berbagai ugama, berbagai keturunan, tetapi kita umat Malaysia dari berbagai ugama dan berbagai keturunan sudah bersetuju membentuk sebuah negara Malaysia yang merdeka di mana ugama Islam ialah ugama Persekutuan. Kita telah terima. Kalau kita tolak cadangan ini ertinya penerimaan kita itu cuma dibibir bukan dihati. Saya rasa barangkali perkara ini tidak patut dibahas dari segi itu.

Selain daripada itu, saya rasa beberapa butir yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga berguna dan patut diberi pertimbangan sewajarnya. Beliau telah membangkitkan misalnya soal perlunya kita memberi penerangan, memberikan publicity supaya umat kita sendiri sedar mengenal tanda ini supaya negeri-negeri jiran kita yang memakai tanda palang merah juga akan mengerti, beritahu tentang tanda ini, itu memang constructive. Saya ingat pihak Kerajaan dan pihak Persatuan Bulan Sabit Merah sendiri akan tetap mengambil perhatian dan kita semua patut bersama-sama berusaha menunaikan pendapat atau fikiran itu.

Begitu juga fikiran yang telah dikemukakan oleh beliau tadi berkenaan dengan pentingnya kita adakan takrif (definition) yang lebih lengkap daripada segi undang-undang supaya boleh kita menjamin bahawa bukan sebarang orang akan dituduh menyalahgunakan tanda ini, kerana sebagaimana yang diterangkan oleh beliau tadi di bawah peraturan yang lama International Red Cross sendiri mengadakan ukuran yang tertentu. Barangkali ini perkara detail bukan kerana perkara ini sahaja kita terpaksa menolaknya.

Saya fikir elok kita definekan tentang dimensions, dan saya tahu ini sudah didefinisikan di negara-negara yang menggunakan lambang ini. It is a matter of conforming pada apa yang sudah terpakai. Saya juga rasa fikiran yang telah diterbitkan samada bulan ini berdiri begini, membentuk huruf "C" sebagaimana kata seorang Ahli tadi, katanya dia tak suka kerana ini mungkin orang salah-sangka huruf "C" lebih baik terbalikkan "C", jadi orang tak salah sangka ini Bulan Sabit. Fikiran itu elok, tetapi asasnya barangkali salah. Lebih baik, saya sendiri bila ternampak bentuk ini, berdasarkan pada pengalaman saya sendiri di mana saya telah lihat Bulan Sabit Merah ini terpakai sebagai tanda perlindungan, sebagai tanda yang sama gunanya pada Red Cross, biasanya dipakai begini "C". Itu saya suka pihak Kementerian dan pihak Persatuan menyiasat samada apa yang saya kata ini betul yang dipakai begini "C" bukan kerana rupa "C", tidak. Kerana simbol ini, rising moon, bagi orang yang belajar astronomi sedikit sebanyak tahulah perbezaannya, kalau bulan begini "C" ialah waning moon, bulan nak jatuh atau turun. Bila bulan menghadap ke sebelah kiri, ertinya bulan masih naik. Ini

barangkali dalam bendera kita sendiri daripada bentuknya cantik. Jadi, kita buat menghadap ke kanan.

Saya sudah beberapa kali ditegur waktu saya di Pakistan. Orang Pakistan juga pakai Bulan Sabit dalam benderanya, tetapi menghadap ke sebelah yang terbalik "C", dan selalunya teguran mereka itu kepada saya; "Adakah tuan tengok bendera kami? Kami juga mempunyai Bulan Sabit, tetapi menghadap ke arah yang berlawanan dengan bendera tuan." Saya kata, apa salahnya. Katanya, "Tuan punya bulan itu tak naik, turun. Kami punya bulan naik." Tetapi saya ingat ini, walaupun begitu keterangannya, pada diri saya sendiri tidak begitu penting, bukan kerana bulan menghadap sana, menghadap sini yang akan menaikkan satu-satu bangsa atau satu-satu negara ataupun turunkan satu-satu bangsa atau negara ataupun samada bulan itu menghadap ke kanan, kerana seperti bentuk "C" sahaja, tidak. Saya ingat yang kita mahukan ialah definasi, takrif dan cara menggunakannya supaya standard bila bendera itu berkibar jangan pula orang lambang negara lain menghadap ke kiri, kita pula menghadap ke kanan. Itu sahaja. Atau pun setengahnya menggunakan bulan dengan tanduknya menghadap ke atas ataupun gunakan pula dengan tanduknya menghadap ke bawah. Perkara itu sahaja semata-mata. Saya bersetuju supaya diadakan standardisation yang sesuai dengan apa yang dilakukan oleh orang lain.

Tetapi unsur-unsur yang lain, suggestion yang lain yang mengatakan rising moon, waning moon ataupun bentuk "C", crescent atau tidak crescent, saya ingat ini cuma cakap-cakap untuk seronok sahaja, tetapi pada sesebuah negara perkara ini tidak begitu penting. Apa yang penting, saya ulangi pada kita hari ini ialah memberikan sokongan kepada cadangan ini yang akan menunaikan satu perkara lagi kemahuan kita iaitu mahu mengadakan peralihan, pertukaran sehingga segala saki-baki kolonialisma, segala saki-baki yang kita warithi daripada zaman penjajahan dapat dikikiskan. Dengan cara itu dapat kita adakan pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan dengan segala susunan dan bentuk rangkanya dengan simbol dan sebagainya yang sesuai dengan negara kita yang sungguh-sungguh sudah penuh merdeka dan segala-galanya yang diadakan itu sesuai pula dengan asas-asas dan Rukunegara kita. Saya harap ini

ialah cuma satu sahaja lagi daripada usaha kita dari segi ini, barangkali mungkin ada lagi beberapa badan-badan dan pertubuhan yang memerlukan peralihan dan pertukaran semacam ini untuk peralihan ke zaman merdeka sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap barangkali tidak lewat hendak memasukkan atau hendak catitkan di sini samada di dalam peringkat Jawatankuasa nanti dapat kita tambahkan satu Clause yang membolehkan Menteri yang berkenaan membuat peraturan (regulation) yang boleh menentukan tentang dimensions, cara memakai dan sebagainya dari semasa ke semasa yang akan menjaga segala kekurangannya yang barangkali terdapat di dalam Rang Undang-undang ini.

7.46 mlm.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta bagi menukar Nama dan Lambang Persatuan Palang Merah Malaysia kepada Persatuan Bulan Sabit Malaysia, dan mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah menukar nama dan lambang ini memanglah kena pada tempatnya dan seharusnya mendapat sambutan baik dari seluruh rakyat. Ini adalah sesuai dengan keadaan dan suasana negara kita yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara. Bulan Sabit ialah simbol ke-Islaman dan akan membawa erti yang lebih mendalam di kalangan umat Islam seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tepat pada masanya yang Rang Undang-undang ini dipinda sebab kita sudahpun merdeka dan apa-apa yang kita dan Kerajaan kita rasa patut pinda sesuai dengan kepribadian Malaysia dan Rukunegara, patut kita pinda dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Bulan Sabit Merah digantikan dengan Palang Merah memang sesuai sebagai sebuah negara yang bercorak Islam dan rasa saya tidak pula menyentuh mana-mana pihak. Buat permulaan, Tuan Yang di-Pertua, tentulah rasa kekok sedikit, tetapi lama-kelamaan lambang ini akan termaktub di hati anak-cucu kita di masa ini yang menjadi rakyat dan jenerasi yang akan datang. Kalau kita tidak pinda lambang

Palang Merah ini, serupa kita tak ada modal, hanya terikut-ikut lagi dengan apa yang diinggalkan oleh bangsa penjajahan.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sepenuhnya menyokong di atas pindaan lambang dan nama tersebut.

7.49 *mlm.*

Tuan Haji Zakaria bin Ismail (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong satu Rang Undang-undang bernama Satu Akta Bagi Menukar Nama dan Lambang Persatuan Palang Merah Malaysia yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak syabas dan mengalu-alukan langkah Kerajaan kerana berhasrat hendak menukar nama dan lambang Palang Merah Malaysia kepada Bulan Sabit Merah Malaysia, yang mana pada hemat saya bahawa nama dan lambang seperti Palang Merah ini biasanya digunakan oleh negara-negara barat dan negara-negara yang sealiran dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya Rang Undang-undang ini menampakkan kepada rakyat umum bahawa negara kita ini tidaklah sangat berkiblat kepada negara-negara barat yang mana kita sering kali mendengar tuduhan-tuduhan mengatakan negara kita ini mirip kepada negara barat, lantaran selalu menerima apa sahaja dari barat secara tradisional, bukan dengan secara nasional. Ini bukanlah bererti bahawa segala apa yang ditiru dari barat itu semuanya tidak betul, malahan setengah-setengahnya boleh ditiru dan dipakai di negara ini, umpamanya, dari segi kemajuan mereka di bidang merika alat-alat moden untuk kepentingan umat manusia di sini dan setengah-setengahnya tak harus ditiru sama sekali, umpamanya, dari segi kebudayaan yang boleh merosakkan keperibadian negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya Rang Undang-undang ini menunjukkan kepada rakyat umum bahawa negara kita ini mempunyai sahsiah ataupun identity sendiri. Perlu diketahui umum bahawa Kerajaan Malaysia bukanlah hendak mengadakan sesuatu yang belum ada, bahkan lambang bulan sabit ini adalah merupakan mengembalikan ke alam sebelah sini akan perkara

yang telah ada, kerana sebahagian besar daripada penduduk-penduduk di negara ini beragama Islam dan negara ini telahpun dirasmikan Islam sebagai ugama negara, tambahan pula pembangunan Islam seluruhnya sebegitu pesat buat pada masa ini. Maka amatlah kena pada tempat dan masanya lambang-lambang dan syiar Islam ini turut membangun sama.

Tuan Yang di-Pertua, tolong-menolong adalah menjadi ajaran yang asasi di dalam Islam sehingga tidaklah boleh dikatakan seseorang itu Islam sejati kalau tidak wujud di dalam hati sanubarinya perasaan kesihan belas dan tolong-menolong, lebih-lebih lagi kepada orang-orang yang sakit dan orang yang ditimpa trajidi, hatta kepada binatang-binatang sekalipun. Tetapi malangnya, oleh kerana di abad-abad yang kebelakangan ini Kerajaan Islam telah menurun lemah manakala Kerajaan-kerajaan yang dipengaruhi oleh Kristian naik, mereka mengambil alih peranan-peranan yang telah dimainkan oleh Kerajaan Islam, maka lambang salib ataupun cross telah dibesar-besarkan di seluruh dunia seakan-akan

Tuan Yang di-Pertua: Red Cross tak bersangkut dengan lambang salib, jadi tidak guna membuang masa Dewan ini, kerana sudah diterangkan bahawa Red Cross itu ialah bendera Negeri Swiss yang diterbalikkan.

Tuan Haji Zakaria bin Ismail: Saya tarik balik. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Seolah-olah lambang Palang Merah itu dibesar-besarkan diseluruh dunia, seakan-akan mereka sahajalah yang menjadi juara penolong manusia dan pembantu orang-orang yang susah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sekarang kebangkitan Islam telah bermula dan semangat mahu balik kepada ajaran Islam telah meluap-luap dan disedari oleh seluruh dunia, maka amatlah tepat dan kena pada ketikanya kalau satu daripada ajaran-ajaran Islam yang penting itu dikemukakan kepada dunia balik, iaitu ajaran tolong-menolong dan membantu orang-orang yang terkena kecemasan dan kemalangan, maka lahirlah lambang bulan sabit merah yang telah diistilahkan sebegitu lama untuk Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai ekoran daripada ini, saya daripada Barisan Nasional berharap dari semasa ke semasa akan lahir

banyak lagi perkara-perkara yang melambatkan Islam dan serentak dengan itu pula akan lenyaplah perkara-perkara yang bertentangan dan bercanggah dengan syiar Islam. Akan lahir, misalnya, cuti umum pada hari Jumaat di negara ini dan akan lenyaplah, misalnya, pertandingan ratu cantik di samping telah lenyapnya hidangan-hidangan arak di dalam jamuan rasmi Kerajaan. Itulah yang sangat-sangat diharapkan oleh sebahagian besar daripada penduduk negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am yang begitu berani mengubah satu tradisi yang sekian lama telah dipakai di negara kita ini untuk disesuaikan dengan keadaan dan cita-cita sebahagian besar penduduk-penduduk negara ini.

Pada akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

7.58 mlm.

Tuan K. Pathmanaban (Telok Kemang): Tuan Yang di-Pertua, Bil Pertukaran Nama Red Cross ini ialah satu antara dua Bil pertukaran nama yang telah dibentangkan dalam Dewan pada sidang ini, yang lain itu adalah berkenaan dengan pertukaran nama matawang negara kita.

Saya tidak ada apa juga kebimbangan untuk tukaran nama sesuatu jika tindakan itu akan membawa faedah yang terang dan nyata. Tukaran nama dan giliran-giliran selepas kemerdekaan sebuah negara sudahlah menjadi satu tindakan yang biasa. Saya tidak nafikan bahawa ini telah memajukan imej negara yang merdeka pada satu-satu ketika dengan penghapusan tanda-tanda dan lambang-lambang yang boleh dianggap sebagai colonial. Tindakan-tindakan seperti ini telah memberi imej yang baru dan sungguh-sungguh indigenous atau asli kepada negara-negara itu, seperti itu juga di negara Malaysia. Tugu-tugu, jalan-jalan dan bangunan-bangunan telah ditukar daripada nama-nama bercorak Tadbiran Colonial.

Dalam perkara Red Cross ini Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am ketika membentangkan Rang Undang-undang ini

telah menghuraikan sebab-sebab nama Red Cross atau Palang Merah itu dicadangkan ditukarkan kepada Bulan Sabit Merah atau Red Crescent.

Lambang Red Cross itu kita harus ingat, Tuan Yang di-Pertua, ialah suatu lambang yang termasyhur dan dikenali di seluruh dunia. Selain daripada menjadi lambang Red Cross, lambang itu sudah menjadi satu tanda yang dikenali ramai sebagai tanda menunjukkan tempat memberi pertolongan cemas atau first aid dan untuk hospital-hospital. Dengan itu lambang ini telah terkandung dalam Highway Code dan lain-lain undang-undang trafik kita dan negara-negara sedunia untuk menunjukkan adanya hospital atau Klinik di satu-satu tempat. Saya tidak tahu jika inipun dicadangkan ditukarkan kelak. Wang perbelanjaan dan tenaga publisiti dan lain-lain yang dikehendaki untuk tindakan seperti ini harus dikaji untuk peri mustahaknya.

Pergerakan Red Cross adalah suatu pergerakan yang tidak kena-mengena dengan sesuatu negara, kaum atau agama yang tertentu, khasnya seperti ditentukan dalam Geneva Convention yang negara kita telah mengiktirafkan dan juga dalam Malaysian Red Cross Society (Incorporation) Act, 1965, sesuatu Persatuan Red Cross tidak boleh menepikan sesiapa pun, sebagai ahli atau sebagai sipenerima bantuan di atas sebab kaum, agama atau sikap politiknya. Persatuan Palang Merah di Malaysia juga, telah menjalankan kegiatan-kegiatannya oleh dan untuk semua penduduk-penduduk di Malaysia.

Lambang Red Cross itu sebenarnya ialah seperti dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain "the reverse of the Federal colours of Switzerland", untuk mengenangkan founder pergerakan Red Cross itu, Henri Dunant, seorang warga-negara Switzerland.

Saya minta izin meneruskan ucapan saya dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) The Red Cross, Sir, has no connotation or connection with any religion or nationality, and it is precisely because of this that the Red Cross enjoys the support and respect of all peoples and governments in peace as well as in war.

The Red Cross in Malaysia as the world over has come to stand for service in the improvement of health, prevention of disease and the mitigation of suffering throughout the world. It has come to stand for voluntary aid, supported by nations as well as all peoples, to the sick and wounded in times of war and to prisoners of war under the provisions of the Geneva Convention. We have seen the Red Cross in action in all critical situations in the world, in recent times, including the release of victims of hijacking of aircraft and the relief of masses of people in the face of floods, fires, famines and the like.

The record of service and dedication of the Red Cross, both here and everywhere else, where human suffering and misery are endemic or are caused from time to time by conflict of calamity, is an unblemished one, befitting any movement of the highest repute. For all this we in this House as well as the country owe a debt of gratitude to the Red Cross.

With the proposed change of name, it would indeed be a deep loss to all of us, if that good name of the movement is in any way questioned or blemished. The fact that we now propose to change of name in itself could lead some people, wittingly or unwittingly, to at least think that the movement was not without blemish. That would be a pity indeed, Sir, and a grievous wrong to an organisation which has been of the greatest service to all Malaysians at all times. Mr Speaker, Sir, as I listened to the Honourable Minister when she presented the Bill to this House and to a number of speakers I could not help but feel that we are perhaps using the wrong reason to bring the Bill to this House. As the Honourable Member for Kapala Batas stated just now, the symbol of the Red Cross is not a religious one and indeed it has been used by the Soviet Republic for 50 years and the Soviet Republic is wellknown to be non-religious to say the least and I would therefore think that the fact that we are an Islamic nation alone cannot be the basic grounds to bring about a change in the symbol of the Red Cross. I think, perhaps, a better reason is to remove doubts such as were evident in some of the speeches just now as to the real significance of the Red Cross and to bring about, in keeping with

what is more properly understood here, a symbol which can attract a large following and a greater understanding and clear doubts as to the real meaning and significance of the Red Cross Movement itself.

I hope therefore, Sir, that the new name of the movement, the "Red Crescent" will enable the principle of service to all without regard to race, religion or political belief, and particularly that the new symbol would bring about a greater attraction towards the rural masses to participate in this movement which could be of great significance in the alleviation of the many ills we know that afflict the rural areas. The movement under its new name and symbol will necessarily in view of all that has been said and talked about has to demonstrate to its members, both present and potential, that it is devoted to the same beliefs and fundamental principles with which it has been endowed in the international movement as well as in the Incorporation Act in Malaysia. It will also necessarily have to demonstrate to its clientele that it is so devoted, if misunderstanding and misapprehension are to be avoided. Indeed, Sir, I hope that the Honourable Minister and her Ministry and members and leaders of the Red Cross movement itself will spare no effort to ensure that such misunderstanding and misapprehension do not arise.

I hope that the required amount of funds and services would be made available by the Government as well as by other voluntary sources to bring about a greater publicity for this change of name and the hope and intentions of this change of name. I hope that we will not stint in doing this, particularly in view of some of the comments that have been made here which I think are very significant in view of the use of this symbol in times of insurgency and in times of war. This is a matter which one cannot stress too much as it bears not only on the lives of the people who undertake the service but also on the people for whom the services is meant. I think, Sir, that the voluntary movement that is represented by the Red Cross is too valuable a national and international asset for us to do anything less than invest in the proper publicity and acceptance of the new name as a symbol for service and aid in times of distress and sorrow.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Baling yang akhir sekali. Kemudian Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

8.06 mlm.

Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dibawakan oleh Menteri yang berkenaan. Undang-undang berkenaan dengan pertukaran nama Palang Merah yang sedang dalam perbahasan sekarang ini adalah satu undang-undang yang sudah lama dipersoalkan oleh rakyat sejak selepas negara ini mencapai kemerdekaan dahulu. Walaupun ada pihak-pihak kecil yang tidak menyetujui di atas penukaran nama dan simbol ini, kerana dengan sebab-sebab yang tertentu, tetapi rakyat yang mempunyai hak menyuarakan dan hak menyatakan fikiran mereka dengan bebas telah mengambil suatu keputusan iaitu perubahan yang sesuai hendaklah dibuat sesuai dengan imej dan konsep negara ini.

Saya sangat bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri bahawa semua negara-negara Islam pada hari ini telah menukarkan simbol ini kepada satu simbol yang baru sebagaimana yang dicadangkan itu. Sebenarnya, simbol baru ini kelak akan membawa satu perubahan kepada fikiran rakyat supaya mengenal serta mencintai dengan lebih mendalam kepada pertubuhan ini. Negara ingin supaya seluruh rakyat bandar dan kampung di mana-mana sahaja tahu akan peranan yang dimainkan oleh pertubuhan kemanusiaan ini. Kepada rakyat kampung simbol Palang Merah ini mendatangkan kekeliruan dan gerun kerana rakyat kampung terlalu sangat berperasaan mendalam dalam perkara-perkara agama. Banyak belia-belia dan beliawanis di luar bandar dapat ditarik masuk untuk berkhidmat di dalam pertubuhan sukarela ini kalau sekiranya pertukaran simbol ini dipinda sebagaimana yang dibawa dalam undang-undang ini. Kalau sekiranya terjadi satu-satu keadaan peperangan umpamanya dalam negara ini, maka pertubuhan ini yang memainkan peranan di dalam menolong manusia yang cedera, luka dan lain-lain akan mendapat sokongan yang penuh daripada seluruh rakyat bandar dan desa. Dengan perubahan simbol ini maka kita berharap supaya pertubuhan ini akan bergerak cergas dalam tugas-tugas menolong manusia yang berharap pertolongan dan bantuan dengan

lebih luas di seluruh pelusuk tanahair dan dunia.

Kata pihak Pembangkang kalau undang-undang ini diluluskan, maka wang rakyat, yang banyak akan dikeluarkan kerana dibelanjakan untuk penukaran nama di kereta-kereta dan lain-lain. Ini adalah perkara yang ringan yang dibawa oleh pihak Pembangkang sebagai satu sebab-sebab. Soal ini tidak berbangkit. Kalaupun Kerajaan tidak membenarkan membelanjai wang ini untuk tujuan tersebut, untuk umpamanya mengecat atau menukar simbol-simbol itu di kereta-kereta dan lain-lain, saya percaya kalau seruan dibuat kepada rakyat untuk membuat derma umpamanya untuk perbelanjaan ini, rakyat akan berlumba-lumba menghulurkan lebih daripada dikehendaki dengan tidak berkehendakkan kepada wang Kerajaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini akan membawa satu kemegahan kepada negara ini yang ugama rasminya ialah ugama Islam.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

8.10 mlm.

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun sama-sama membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) ini dan saya tidaklah akan menjawab satu-persatu kerana untuk memendekkan masa.

Sebagaimana yang kita telah dengar sama-sama bahawa Dewan ini telah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas khidmat dan begitu juga di atas kegiatan-kegiatan yang diberikan oleh Pergerakan Red Cross di negara kita ini yang telah sekian lama bekerja, samada dengan Kementerian saya begitu juga dengan pihak-pihak lain, dari segi hendak meringankan kesusahan-kesusahan terutama sekali apabila tiba bencana alam.

Rang Undang-undang yang dikemukakan ini, Tuan Yang di-Pertua, bertujuan untuk menukar nama dan menukar simbol Red Cross yang ada ini, tidak lain dan tidak bukan tujuannya hanyalah untuk menyesuaikan kepada simbol yang kita pakai ini dengan simbol yang sudah dipakai di negeri-negeri Arab. Sukalah saya tegaskan di sini supaya tidak timbul kekeliruan bahawa penukaran ini tidak ada sama sekali berkait dengan ugama kerana kedua-dua simbol

yang telah diputuskan oleh Geneva Convention ini adalah dua simbol yang tidak ada kait-mengait dengan agama. Jadi kerana itulah saya rasa tidaklah wajar kalau sekiranya penukaran ini disifatkan sebagai dikaitkan dengan keagamaan walaupun simbol Red Cross itu ataupun simbol Red Crescent ini telah dipilih oleh Geneva Convention dan telah diterima sebagai simbol yang dipandang sebagai simbol yang neutral. Pihak Kementerian Kebajikan Am akan mengambil tanggungjawab sepenuhnya bagi perlaksanaan penukaran ini supaya penerangan yang jelas diberi kepada orang ramai dan tidak menimbulkan kekeliruan dan begitu juga salah faham.

Pihak Kerajaan menggunakan penukaran ini adalah dengan tujuan yang baik, tidaklah seperti yang disebutkan oleh setengah-setengah pihak Pembangkang walaupun barangkali ada di antara hujah-hujah yang mereka telah berikan itu telah juga dijawab oleh setengah-setengah Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Di pihak saya, tidaklah akan menjawab satu-persatu, hanyalah barangkali apa yang sangat dibimbangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang nampaknya tidak menerima dengan begitu baik cadangan penukaran nama ini adalah kebimbangan dan takut simbol baharu ini tidak dapat difaham ataupun tidak dapat dikenal. Saya rasa apa juga perkara yang baharu kita hendak introduce, yang baharu kita hendak perkenalkan, tentulah memerlukan publicity, tentulah memerlukan kerjasama dan tentulah juga kita akan mengambil masa dan akan menggunakan apa juga cara yang kita boleh menyampaikan, menerusi siberan am dan lain-lainnya dan pihak Kementerian saya sekali lagi saya menegaskan akan bekerjasama dengan Red Cross Society supaya dapatlah difahamkan keseluruhannya.

Ada beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang saya rasa perlu dijelaskan dalam Dewan ini iaitu berkenaan dengan penukaran simbol yang digunakan oleh hospital dan Armed Forces, saya tegaskan di sini mereka kelak akan menggunakan Bulan Sabit Merah (Red Crescent).

Berkenaan dengan saiz iaitu tidak ada specification kata beliau, berkenaan dengan saiz simbol itu pihak Geneva Convention sendiri tidak ada menentukan saiz, samada Red Crescent ataupun Red Cross, tetapi

perkataan yang digunakan adalah seperti ini iaitu "The distinctive emblem shall be as large as possible". Jadi maksudnya tidaklah ditentukan specification ataupun saiznya kerana asalkan bentuknya itu seperti yang sudah disebutkan di dalam Bil ini—dalam Rang Undang-undang ini, inilah yang akan diakui iaitu dimasukkan di dalam pindaan Rang Undang-undang ini.

Berkenaan dengan hendak memperbalikkan Red Crescent ini, ini pun tidak mungkin juga kerana inilah yang sudah diapproved oleh Geneva Convention, jadi maknanya samada sign Red Cross ataupun Red Crescent ini adalah dua yang sudah diluluskan oleh Geneva Convention, bukanlah ciptaan Kementerian Kebajikan Am, sebagai pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Berkenaan dengan perbelanjaan, ini barangkali ada ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Sukacita juga saya menerangkan di sini iaitu pihak Kerajaan setakat ini telah meluluskan sebanyak \$100,000 untuk perbelanjaan penukaran ini dan pihak Kementerian saya akan juga memberikan kerjasama yang penuh di mana kita boleh mengurangkan perbelanjaan ini dengan menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada kepada Kerajaan.

Satu perkara lagi yang ada ditimbulkan iaitu barangkali akan menimbulkan kerumitan kalau orang yang telah melanggar, memakai barangkali simbol ini tidak dapat dibawa ke mahkamah. Saya rasa masalah ini tidaklah timbul kerana tentulah kalau ada kes-kes seumpama itu akan dapat diteliti samada sebenarnya seorang itu telah salah menggunakan simbol ini atau tidak.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas ada mencadangkan pindaan yang akan dibuat dalam Jawatankuasa. Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya tidak dapat hendak menerima cadangan pindaan yang disebutkan oleh beliau itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah perkara-perkara yang penting yang perlu saya jelaskan dalam Dewan ini. Sekali lagi saya tegaskan bahawa Kementerian saya akan bertanggungjawab sepenuhnya tentang perlaksanaan ini supaya dapat memberikan kerjasama dan akan cuba juga memberi penerangan seberapa bolehnya dengan meminta kerjasama Kementerian Penerangan dan pihak-pihak yang lain supaya janganlah

disalahfahamkan penukaran nama ataupun simbol daripada Red Cross ini. Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 4—

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa fasal-kecil (1), fasal 4 Rang Undang-undang ini dipinda dengan menggantikan dengan fasal-kecil (1), fasal 4 seperti yang ditunjukkan dalam Kertas Pindaan DR 24/75 yang telahpun diedarkan. Pindaan ini bertujuan untuk menggunakan perkataan “letakhak” berhubung dengan hak bagi menggunakan lambang baru itu. Pindaannya seperti berikut:

Gantikan fasal-kecil (1) dengan yang berikut:

“(1) Tanpa menjejaskan hak-hak orang lain, apabila mula berkuatkuasanya Akta ini, hak untuk menggunakan lambang bulan sabit merah yang berlatar belakang warna putih, sebagaimana digambarkan dalam Jadual, dan perkataan-perkataan “Bulan Sabit Merah” atau, dalam bahasa Inggerisnya, “Red Crescent”, hendaklah terletak pada Perbadanan dan Perbadanan hendaklah menggunakan lambang itu.”

Substitute for subclause (1) the following:

“(1) Without prejudice to the rights of other persons, upon the commencement of this Act, the right to use the emblem of a red crescent on a white background, as depicted in the Schedule, and the words “Bulan Sabit Merah” or, in English, “Red Crescent”, shall vest in the Corporation, and the Corporation shall use such emblem.”

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 4 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5—

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan untuk memasukkan fasal baru 5 pada Rang Undang-undang ini selepas Fasal 4 seperti yang ditujukan dalam Kertas Pindaan DR. 24/75 yang telahpun diedarkan. Pindaan ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi melindungi lambang itu daripada digunakan tanpa kuasa. Pindaannya seperti berikut:

Masukkan fasal baru 5 yang berikut selepas fasal 4:

“Larangan menggunakan lambang tanpa kuasa.

5. (1) Adalah tidak sah disisi undang-undang bagi seseorang, lain daripada Perbadanan dan staf, pegawai-pegawai dan ahli-ahlinya, menggunakan bagi maksud tred atau perniagaannya, atau bagi apa-apa jua maksud yang lain, dalam Persekutuan tanpa kuasa Menteri, lambang bulan sabit merah yang berlatar belakang warna putih, sebagaimana digambarkan dalam Jadual, dan perkataan-perkataan “Bulan Sabit Merah” atau, dalam bahasa Inggerisnya, “Red Crescent.”

(22) Jika seseorang melanggar seksyen-kecil (1), ia adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada tiga ratus ringgit; dan apa-apa barang-barang yang padanya atau berhubung dengannya lambang atau perkataan-perkataan itu, mengikut mana yang berkenaan, telah digunakan boleh dilucuthak.

(3) Jika suatu kesalahan yang dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan atau pertubuhan adalah dibuktikan sebagai telah dilakukan dengan persetujuan atau dibiarkan oleh seseorang

pengarah, pengurus, setiausaha atau lain-lain pegawai pertubuhan perbadanan atau pertubuhan itu, maka pengarah, pengurus, setiausaha atau lain-lain pegawai itu dan juga pertubuhan perbadanan atau pertubuhan itu hendaklah disifatkan sebagai bersalah atas kesalahan itu dan boleh kena didakwa dan dihukum dengan sewajarnya."

Insert the following new clause 5 after clause 4:

"Prohibition to use of emblem without authority.

5. (1) It shall not be lawful for any person, other than the Corporation and its staff, officials and members, to use for the purpose of his trade or business, or for any other purpose whatsoever, in the Federation without the authority of the Minister, the emblem of a red crescent on a white background, as depicted in the Schedule, and the words, "Bulan Sabit Merah" or, in English, "Red Crescent."

(2) If any person contravenes subsection (1), he shall be guilty of an offence and liable on conviction to a fine not exceeding three hundred dollars; and any goods upon or in connection with which the emblem or words, as the case may be, was or were used may be forfeited.

(3) Where an offence committed by a body corporate or society is proved to have been committed with the consent or connivance of any director, manager, secretary or other officer of the body corporate or society, he, as well as the body corporate or society, shall be deemed to be guilty of the offence and shall be liable to be prosecuted and punished accordingly."

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 5 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual—

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Jadual seperti yang ditunjukkan dalam Kertas Pindaan DR 24/75. yang telahpun diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang ini selepas fasal baharu 5.

Pindaan ini bertujuan untuk mengadakan satu gambar lambang bagi Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia.

Pindaannya adalah seperti di bawah ini:

Jadual—

Masukkan Jadual yang berikut selepas fasal baru 5:

JADUAL
Lambang

Schedule—

Insert the following Schedule after the new clause 5:

SCHEDULE
Emblem

8.20 mlm.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Pengerusi, sebagaimana saya katakan waktu perbincangan pada bacaan kali yang kedua, hasil daripada perbincangan itu terbit keraguan dari segi undang-undang,

samada boleh kita tentukan bentuk rupa Bulan Sabit Merah tanpa ada termasuk catitan dalam Jadual ini tentang besar, bentuk rekanya, ratio, size dan sebagainya.

Sungguhpun Yang Berhormat Menteri berkenaan dalam menggulung perbahasan tadi telah menerangkan bahawa menurut setakat yang dapat diterangkan kepada beliau oleh pegawai-pegawai, di bawah Geneva Convention sendiri tidak ada specification, cuma dikatakan as large as possible, sebesar-besar yang boleh. Dari segi Geneva Convention itu barangkali boleh dipakai. Akan tetapi, memandang dari segi undang-undang dalam negeri kita sendiri tentang kesalahan yang mungkin terbit dengan pemakaian tanda-tanda yang seakan-akan rupa yang menjadi kesalahan di bawah Clause 5 (2) akan didenda dan sebagainya. Adakah pada fikiran dan nasihat yang terdapat daripada Peguam Negara ataupun daripada Kementerian Undang-undang samada sudah lengkap atau sudah cukup dan tidak akan timbul kekeliruan ataupun soal menentukan samada perbuatan itu salah atau tidak salah dari segi Undang-undang. Saya kemukakan itu bukan kerana hendak menyusahkan akan tetapi kerana sudah dibangkitkan perkara ini dan mencari jalan samada kita boleh mengelakkan di masa-masa yang akan datang. Tetapi jikalau pihak Yang Berhormat Menteri sudah puas hati yang perkara ini tidak terbit dan pihak Kementeriannya dan juga Kementerian Undang-undang sudah puas hati dengan keterangan setakat yang ada di sini, saya tidak akan teruskan dengan cadangan saya tadi. Saya cuma hendak sebutkan iaitu surat-surat khabar China barangkali akan rekakan bagaimana kawan kita tadi kata soal huruf "C" ini.

Saya baharu terfikir sebab dalam bahasa China, Palang Merah sekarang ini dia panggil "Hong Tse" iaitu huruf China nombor 10 itu disingkatkan. Dia digunakan dalam surat khabar China red-ten-letter atau huruf sepuluh merah. Oleh sebab palang ini sama bentuk atau rupanya dengan huruf 10 dalam tulisan China, jangan pula esok surat khabar China akan kata, gantikan nombor 10 China itu dengan huruf "C" iaitu huruf "C" merah. Ini saya kemukakan bukan sebagai hendak berkelakar akan tetapi esok kalau kita tidak betul-betul tunjukkan tajamnya dua tanduk bulan ini, kerana surat-surat khabar China selalu menggunakan perkataan barangkali

"Hong Tse Shih" ataupun huruf "C" merah sebagai gantinya huruf 10 merah. Jadi bentuk "C" yang bulat seperti itu yang tidak bertanduk tajam pun mungkin keliru dengan bentuk bulan sabit merah. Perkara ini detail, saya tidak mahu panjangkan, saya cuma sebutkan ini sebagai ekor dari pada teguran yang telah terbit, baik atau tidak dari segi undang-undang kita sendiri supaya tetapkan seseorang yang menggunakan itu tahu apa yang salah dan apa yang tidak. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri hendak jawab atau tidak payah?

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas pandangannya dan akan diambil ingatan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Jadual sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (SARAWAK) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.27 mlm.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Pencen (Sarawak) (Pindaan), 1975 dibaca bagi kali kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Ordinan Pencen (Sarawak) Bab 89 untuk menguatkuasakan dari segi undang-undang keputusan Kerajaan melaksanakan perakuan-perakuan Suruhanjaya Aziz di Sarawak. Pindaan-pindaan yang dicadangkan akan meluaskan bidang peruntukan Ordinan Pencen Sarawak supaya meliputi juga guru-guru yang dahulunya bukan pegawai Kerajaan tetapi telah memilih untuk masuk ke dalam Perkhidmatan Pelajaran Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

8.29 mlm.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang ini segala jabatan yang di bawah tadbiran Kerajaan Pusat di Sarawak serta pegawai-pegawai dari semua peringkat adalah dengan sendirinya mendapat faedah di bidang-bidang pencen dan ganjaran ataupun lain-lain elau, terutamanya guru-guru yang begitu ramai bertugas di merata-rata tempat kebanyakannya terdiri daripada rakyat yang bermastautin di negeri Sarawak.

Di sini suka-lah saya bercakap dengan mengambil masa yang pendek sahaja, menyentuh satu dua perkara yang ada kaitannya dengan Rang Undang-undang ini bagi perhatian pihak Jabatan Kerajaan yang berkenaan mahupun Kementerian yang bertanggungjawab bagi kebaikan pegawai-pegawai awam. Mengikut seperti yang saya telah difahamkan, terutamanya daripada guru-guru perkhidmatan yang ber-pencen di sekolah rendah dan menengah yang mendapat gaji boleh dikatakan sederhana hanya sekadar mencukupi untuk belanja sepanjang masa pada tiap-tiap bulan. Ada juga di antara mereka itu telah mencuba berserta pegawai awam yang lain dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan di Sarawak untuk mendapatkan pinjaman bagi membeli rumah terrace atau rumah papan yang berharga murah umpamanya dari \$10,000 sampai \$30,000 satu yunit kepada pihak yang berkenaan. Mengikut apa yang saya ketahui pinjaman langsung daripada pihak Kerajaan yang berkenaan hanya boleh dibuat apabila rumah-rumah itu dibina oleh syarikat atau Perbadanan yang tertentu sahaja seperti Borneo Development Corporation dan lain-lain. Walau bagaimanapun, pinjaman kepada pihak Kerajaan tidaklah boleh dibuat untuk membeli rumah yang dibina oleh syarikat pembuat rumah yang tidak dijaga atau dikawal di waktu pembinaannya oleh pihak yang bertanggungjawab kepada Kerajaan. Oleh hal yang demikian, saya mengesyorkan kepada pihak Kerajaan yang berkenaan melonggarkan sedikit peraturan supaya pegawai-pegawai awam di bawah Kerajaan Persekutuan di Sarawak diberi kemudahan untuk mendapatkan pinjaman daripada

pihak Kerajaan sendiri bagi membeli rumah dari mana-mana syarikat membina rumah di Sarawak; tidak hanya ditentukan kepada Perbadanan atau syarikat yang tertentu sahaja dapat diberi pinjaman secara langsung daripada Kerajaan supaya boleh meringankan sedikit beban pegawai-pegawai yang meminjam itu mendapat pinjaman dari bank atau syarikat kewangan tertentu seperti yang dibuat pada hari ini, yang biasanya bank atau syarikat kewangan bersetuju dengan memberi pinjaman sebanyak 60% atau 70% daripada harga rumah yang dibeli itu sebagai cagaran serta dikenakan bayaran faedah yang agak tinggi di dalam tempoh masa yang tertentu.

Sekali lagi saya berharap mendapat perhatian oleh pihak yang berkenaan atas perkara ini supaya keadaan pegawai-pegawai itu nanti sebelum bersara dengan mendapat pencen tidak timbul masalah membuat rumah atau membeli rumah bagi kepentingan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya, sungutan juga didengar daripada pegawai-pegawai awam di bawah Pentadbiran Jabatan Persekutuan di Sarawak tentang kelambatan mengurus oleh pihak yang berkenaan sebagai perkara untuk mendapatkan pinjaman membeli kereta dan kelengkapan yang lain. Mereka yang berkenaan itu berkata pegawai-pegawai di bawah Perkhidmatan Jabatan Kerajaan Negeri dengan cepat sahaja mendapat segala sesuatu. Oleh itu, saya berharap semoga pihak yang mengurus perkara seperti ini memberi kerjasama supaya tidak ada bezanya di antara Pegawai Awam Persekutuan dengan Pegawai Awam Negeri. Saya rasa pegawai-pegawai Kerajaan itu semua adalah sama juga pentingnya kepada rakyat dan negara ini pada keseluruhannya.

8.34 mlm.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Mukah yang telah mengambil bahagian untuk membela pegawai-pegawai Kerajaan awam dan guru-guru. Pihak Kerajaan akan mengambil perhatian atas perkara-perkara yang telah dikemukakan, kepada pihak Lembaga Pinjaman Perumahan Kakitangan Kerajaan dan juga kepada pihak pinjaman untuk membeli kereta bagi Pegawai Awam di Sarawak.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2—

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Pengerusi, saya mohon izin supaya diadakan sedikit pindaan mengikut surat edaran 41/75 yang telah diedarkan kepada seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Pindaannya seperti berikut:

Fasal 2 Masukkan perkataan “kepada-nya” antara perkataan-perkataan “dengan” yang terdapat di barisan 3.

Clause 2 Insert the word “thereof” between the letter “(b)” and the word “the” appearing in line 3.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 2 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3—

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Pengerusi, saya mohon izin membuat sedikit pindaan mengikut surat edaran DR 41/75 kepada fasal 3 (2) Pindaannya seperti berikut:

Fasal 3 (2) Gantikan perkataan-perkataan “perenggan (a), (b), (c) dan (d)” yang terdapat di baris 3 dan 4 dengan perkataan-perkataan “perenggan-perenggan (a) dan (b), ngan-perenggan (a) dan (b), sebagaimana dipinda oleh seksyen 2 Akta ini, dan penerangan-penerangan (c) dan (d)”.

Clause 3 (2) Insert the word “and” between the letters “(a)” and “(b)” and the words “as amended by section 2 of this Act, and paragraphs” between the letters “(b)” and “(c)” appering in line 3.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 3 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL-USUL

EQUITI KERAJAAN DALAM PER-MODALAN KEMAJUAN PERUSAHAAN MALAYSIA BERHAD (M.I.D.F.)

8.39 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu wang sejumlah \$26,583,370 yang merupakan sebahagian daripada pinjaman yang dikenakan faedah berjumlah \$100 juta yang dahulunya diperuntukkan kepada Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (M.I.D.F.) diperuntukkan sebagai pelaburan ekuiti Kerajaan dalam Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad berkuatkuasa mulai daripada tarikh satu ketetapan diluluskan oleh Lembaga Pengarah M.I.D.F. untuk menambahkan modal yang dibayar daripada \$35 juta kepada \$80 juta.

Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (M.I.D.F.) telah ditubuhkan di bawah Ordinan Syarikat-syarikat 1946 pada 30hb Mac, 1960 sebagai sebuah Syarikat Awam dengan modal yang dibenarkan sebanyak \$15 juta dan modal yang dibayar sebanyak \$5.25 juta. Tujuan utama penubuhan ialah untuk memajukan, menubuh dan membantu perusahaan-perusahaan swasta dan segala urusan-urusan perusahaan

di negara ini. Dalam tahun 1963, oleh kerana bertambahnya aktiviti-aktiviti perniagaan, saham modalnya ditambah menjadi \$25 juta; yang mana Kerajaan telah memberi sumbangan sebanyak \$2.5 juta atau 10% daripada jumlah saham modal. Di dalam tahun 1970 saham modalnya ditambah lagi menjadi \$35 juta. Tetapi pada ketika itu Kerajaan tidak menambahkan sahamnya, ini mengakibatkan pemegangan saham Kerajaan berkurangan menjadi 7.2%.

Selain daripada penyertaan ekuiti, Kerajaan setakat ini telah memberi dua pinjaman yang berjumlah sebanyak \$37.5 juta dan \$100 juta masing-masing pada tahun 1963 dan 1971 kepada M.I.D.F. Disamping itu, Kerajaan telah juga memberi jaminan-jaminan ke atas pinjaman luar negeri yang diperolehi oleh M.I.D.F. yang berjumlah lebihkurang \$160 juta. Memandang kepada bantuan yang begitu besar diberikan kepada M.I.D.F., Kerajaan telah menimbang dan mendapati adalah perlu untuk menambahkan pemegangan sahamnya dalam Syarikat ini daripada 7.2% kepada 33.3% jumlah modal yang dibayar. Berikutan dengan keperluan Kerajaan ini, satu ketetapan telahpun diluluskan pada bulan Mac, 1973 oleh Lembaga Pengarah untuk menambahkan modal yang dibenarkan bagi M.I.D.F. daripada \$50 juta kepada \$150 juta dan modal yang dibayar daripada \$35 juta kepada \$80 juta, iaitu bagi memenuhi permintaan Kerajaan untuk menambahkan ekuitinya di dalam M.I.D.F. Daripada pertambahan modal yang dibayar ini, sebanyak 24,166,700 saham-saham yang dinilai pada kadar \$1.10 bagi tiap-tiap satu, telah diperuntukkan kepada Kerajaan. Jumlah nilai saham-saham ini ialah \$26,583,370. Kerajaan telah bersetuju supaya pembiayaan 24,166,700 saham-saham ini dibuat dengan menukarkan sebahagian daripada pinjaman yang dikenakan faedah berjumlah \$100 juta yang diberinya kepada M.I.D.F. di dalam bulan Jun, 1971.

Di dalam menjalankan tugas-tugasnya, sehingga bulan Mac, 1975 M.I.D.F. telah meluluskan sebanyak 1,534 pinjaman-pinjaman yang berjumlah \$573 juta untuk berbagai-bagai jenis projek perindustrian. Selaras dengan dasarnya untuk menolong perindustrian kecil, hitung panjang kelulusan untuk projek perindustrian kecil ialah 65% daripada jumlah pinjaman-pinjaman yang diluluskan pada tiap-tiap tahun.

Memandangkan kepada perkembangan aktiviti-aktiviti M.I.D.F. yang pesat dan tanggungan Kerajaan yang berat dari segi pinjaman dan jaminan, adalah dianggap perlu supaya kepentingan-kepentingan Kerajaan di dalam M.I.D.F. ditambah dengan secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Sri Haji Kamarudin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu wang sebanyak \$26,583,370 yang merupakan sebahagian daripada pinjaman yang dikenakan faedah berjumlah \$100 juta yang dahulunya diperuntukkan kepada Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (M.I.D.F.) diperuntukkan sebagai pelaburan ekuiti Kerajaan dalam Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad berkuatkuasa mulai daripada tarikh satu ketetapan diluluskan oleh Lembaga Pengarah M.I.D.F. untuk menambahkan modal yang dibayar daripada \$35 juta kepada \$80 juta.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI, 1960

FIREARMS (INCREASED PENALTIES ACT, 1971)

8.45 mlm.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan seksyen 83 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960, Majlis ini membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut itu dipinda dengan menambah selepas sahaja butiran 10 Butiran baru 11 yang berikut—

“11. Firearms (Increased Penalties) Act, 1971”.

Adapun maksud Usul ini ialah supaya peruntukan-peruntukan di bawah Seksyen 75 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960, dipakai bagi kenyataan beringat-ingat (caution statement) yang diambil dalam

masa siasatan Polis mengenai kesalahan-kesalahan di bawah Akta Senjata (Penalti Lebih Berat); 1971 sebagaimana dipakai kepada Akta Senjata, 1960 dan lain-lain Akta yang telahpun dimasukkan di bawah Jadual tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Menurut peruntukan-peruntukan seksyen 83 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960, Majlis ini membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut itu dipinda dengan menambah selepas sahaja butiran 10 butiran baru 11 yang berikut:

“11. Firearms (Increased Penalties) Act, 1971”.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.